

MINTA PERHATIAN!

Judul asli buku ini ialah:
"MENGAPA SAYA TINGGALKAN PAS"

PEMBETULAN KESILAPAN

Halaman	Baris	Tercitak	Yang betul
26	2 dari atas	membaca	membalas
34	2 dari bawah	memerintah ke negeri	memerintah negeri
36	14 dari atas	ustazah	ustaz
37	5 dari atas	hak heret	nak heret
42	8 dari atas	modal	model
56	8 dari atas	penuh	sepenuh
82	nombor	82	83
83	nombor	83	82
160	12 dari bawah	pun telah	pun tidak
174	5 dari bawah	Justeri	Justeru
223	5 dari atas	telah dicitak	tidak dicitak
223	11 dari bawah	sepatutnya dan mengambil keputusan.	sepatutnya jawatankuasa cawangan yang berkenan ber- sidang mengkaji dan mengambil keputusan,
238	8 dari atas	yang tidak mengerti	yang mengerti

kenapa
saya
tinggalkan
PAS

AMALUDDIN DARUS


© Hakcipta Pengarang Terpelihara

edisi pertama, 1977

Harga \$5.00

diterbitkan oleh
HARIMAU PRESS SDN. BHD.
Tingkat 8, Bangunan MIC
Jalan Tun Ismail, Kuala Lumpur, Tel: 200637

dicitak oleh Percitakan Daud Serman Sdn. Bhd.



81274

APP

Sdr. Amaluddin sedang berucap di satu rapat umum PAS pada tahun 1968.

329.9595

ii

AMA

11 FEB 1978

Persatuan Negara
Malaysia

PENDAHULUAN

Dengan nama Allah Pemurah, Penyayang

Tuhanku!

Dari Kamu kami datang, dan
kepada Kamu kami kembali.

Telah kembali Zulkiflee

Telah menyusul Dr. Burhanuddin

Telah diikuti oleh yang mengikuti:

Seperti ketentuan

Untuk semua yang mendahului
Yang sentiasa dalam kenangan
untuk mereka yang masih berkelana
di dunia yang fana ini

ku tulis buku ini

citaku hanya mempersembahkan diri
kepada Mu, Tuhanku!

Memang untuk itu aku dijadikan
aku, patah dan terkulai
tetapi bakal tumbuh dan tegak lagi
tumbuh dengan nurMu, Tuhanku
tegak dengan agamaMu, Tuhanku

Ampunilah kami ya Allah

Tidak ada Tuhan melainkan Engkau

Maha Suci Engkau

Wahai Yang Mempunyai Kebesaran dan

Kemuliaan.

Kuala Lumpur

27 Ramadhan 1396

22 September 1976

Amaluddin Darus

KANDUNGAN	MUKA SURAT
Bismillahrirrahmanir rahim	1
Surat Kedua	17
Surat Ketiga	44
Surat Keempat	62
Surat Kelima	78
Surat Keenam	97
Surat Ketujuh	116
Surat Kedelapan	135
Surat Kesembilan	150
Surat Kesepuluh	165
Surat Kesebelas	175
Surat Keduabelas	190
Surat Ketigabelas	210
Surat Terakhir	229

DAN TURUTLAH SEBAIK-BAIK (AGAMA) YANG DITURUNKAN KEPADA KAMU. DARI TUHAN KAMU, SEBELUM DATANG KEPADA KAMU AZAB ITU DENGAN TIBA-TIBA, SEDANG KAMU TIDAK SEDAR.

Bismillahir rahmanir rahim

Semua pujian tertentu kepada Allah, Tuhan yang tidak ada tuhan melainkan Dia. Selawat dan salam teruntuk kepada hamba dan Pesuruh Allah, Nabi Muhammad s.a.w., Sejahtera dan kebahagian dijanjikan kepada mereka yang beriman, dan mengerjakan perkara-perkara yang baik dalam keadaan sabar dan menyerah diri kepada Allah, dimana kepada Nyalah sekalian manusia akan kembali.

Saudara yang dikasihi yang seagama dan senegara. Assalamualaikum w.w.

Sejak saya menulis surat kepada Datok Haji Mohd. Asri, menyatakan yang saya tidak ada jalan lain kecuali keluar dari PAS, kemudian diikuti dengan persidangan akhbar pada hari berikutnya, saya sentiasa dihujani pertanyaan-pertanyaan dari berbagai lapisan masyarakat kita mengenai tindakan saya keluar dari PAS.

Sejak dahulu sehingga sekarang pertanyaan yang sama terus ditimbulkan oleh kawan-kawan kita, di antaranya merupakan ulangan pertanyaan yang sama dari orang-orang yang sama. Sesungguhnya saya sangat sedar, kebanyakan kawan dan lawan termasuk saudara sendiri tidak dapat memahami mengapa boleh terjadi orang yang seperti saya telah sanggup meninggalkan PAS, sewaktu keadaannya kelihatan bertambah kuat dan gagah, apatah lagi setelah memasuki Barisan Nasional.

Sebenarnya tidaklah saya berminat hendak menulis

secara khusus dalam perkara mengapa saya keluar PAS. Saya telah menumpukan masa saya untuk mengkaji dan menulis semula buku saya "*Umat Islam antara Dajjal dan Yakjujawamakju*" di dalam bentuk baru dengan huraian yang lebih luas mengenai suasana politik antara bangsa, yang mana berkaitan dengan perkembangan politik ini akan berlaku perubahan-perubahan besar yang melibatkan manusia sedunia.

Buku yang telah ditulis semula dan disambung dengan memperluaskan pembicaraannya sehingga kepada persoalan manusia di langit, telah saya namakan: *Manusia di langit dan manusia di bumi*.

Selesai menulis buku itu, saya menulis sedikit demi sedikit kesah perjuangan saya dari kecil hingga dewasa, ikut berjuang dalam PAS, menjadi Ahli Dewan Negara dan tentulah akan sampai kepada cerita mengapa dan apa sebab-sebabnya saya keluar dari PAS.

Saya tidak menduga buku itu akan dapat disiapkan dalam tempuh yang singkat, kerana terlalu banyak yang boleh ditulis, dan mungkin apabila siap, entah berapa lama lagi masanya, terpaksa pula diterbitkan berpenggal-penggal.

Minat saya menulis cerita perjuangan saya adalah di dasarkan sebagai sumbangan sedikit sebanyak kepada penulis-penulis sejarah perjuangan politik di Malaysia pada masa akan datang. Di mana dari cerita-cerita saya itu tentu dapat juga kepada mereka bahan-bahan mengenai perjuangan Islam di negara kita ini, yang mungkin sebahagiannya tidak diketahui oleh saudara sendiri.

Perlu juga saya jelaskan dalam masa menulis buku cerita perjuangan saya yang masih jauh dari siap itu, saya ter-

fikir hendak mengkaji beberapa perkara yang penting se kali dikaji. Pertama, mengenai cerita piring-piring terbang yang baru saya mulai tertarik hati untuk ikut mengkajinya, setelah saya membaca sebuah buku yang diterbitkan di Amerika Syarikat, setelah secara kebetulan saya membelinya untuk dibaca sementara dalam penerbangan dari Singapura ke Kuala Lumpur pada 17hb. Februari, 1975.

Keduanya, ialah persoalan agama-agama yang berbagai-bagai namanya dianut oleh manusia termasuk di negara kita sendiri. Saya sangat tertarik untuk mengkaji asal usul agama-agama itu dan simpang siur pengajaran-pengajarannya untuk dijadikan perbandingan dengan agama Islam sendiri.

Dua perkara ini telah menyebabkan saya berhenti menulis cerita perjuangan saya, dan saya tumpukan semua masa lapang saya kepada mencari buku-buku yang berhubung dengan cerita-cerita piring terbang dan yang mengenai agama-agama, dan membacanya.

Sehingga ini beberapa buku-buku yang berkenaan telah saya baca, dan masih lagi saya mencari buku-buku baru. Di samping itu juga saya terus membaca Al-Quran untuk menggali rahsia yang terlalu banyak tersembunyi di dalamnya.

Pada hemat saya biarlah cerita perjuangan saya itu dilambatkan, kerana saya fikir menulis sebuah buku lain yang membongkar kesah-kesah piring-piring terbang adalah lebih baik dilakukan, sebagai menyambung kepada tulisan saya melalui buku *Manusia di langit dan manusia di bumi* yang telah diterbitkan.

Tetapi seperti yang telah saya tulis terdahulu, iaitu

KENAPA SAYA TINGGALKAN PAS

soalan-soalan terus menerus saya terima dari kawan-kawan kita berhubung dengan mengapa saya keluar PAS. Justeru kerana inilah, maka saya mulai menulis buku ini, sebagai satu penjelasan atau jawaban kepada pertanyaan-pertanyaan yang sentiasa datang kepada saya.

Apabila saya mahu menceritakan sebab-sebab keluar dari PAS, ada baiknya terlebih dahulu saya ceritakan hal-hal yang telah menarik saya memasuki PAS, atau Persatuan Islam Sa Malaya pada waktu itu. Saudara dapat maklum sendiri, bahawa tidak akan ada kejadian keluar, melainkan kejadian masuk telah mendahuluiinya.

Dalam menceritakan ini semua, saya lakukan secara surat kiriman. Dan surat-surat kiriman ini berbentuk beberapa surat peribadi yang akan menjelaskan perkara-perkara yang saya fikirkan sebagai perlu ditulis sepanjang yang mengenai cerita masuk dan keluar ini.

Tentulah cerita keluar saya dari PAS telah menjadi cerita lama, dan cerita masuk saya pula tentulah lebih lama lagi. Sungguhpun begitu saya berpendapat semuanya tidak menjadi lapuk oleh zaman, kerana banyak hubungannya dengan perkembangan yang sedang terjadi sekarang dan akan terjadi pada masa akan datang.

Pada hemat saya, mungkin saudara seorang daripada beberapa banyak kawan-kawan kita yang telah terpisah jauh dari saya. Kerana itu sudah lama benar putus hubungan kita. Sudah lama pula kita tidak pernah bertemu mata. Mungkin saudara sendiri tidak mengetahui di manakah alamat tempat tinggal saya yang sebenarnya. Justeru kerana itu kita tidak pernah berjumpa, sekalipun mungkin saudara telah berkali-kali datang di ibu kota ini.

Sekarang saya menetap di ibu kota negara Malaysia, iaitu di Kuala Lumpur, yang sudah menjadi wilayah yang tersendiri, milek setiap warganegara Malaysia. Di sini saya cuba mulakan satu perniagaan kecil, merangkak-rangkak di dalam medan perniagaan yang terlalu hebat pertarungan dan pertandingannya.

Memulakan satu perniagaan tanpa modal yang cukup, tentulah merupakan satu perjuangan yang berat. Barang-barang perlu dicari dan harganya perlu dibayar. Sewa tempat terlalu tinggi di Kuala Lumpur ini. Jualan pada umumnya merusut di zaman tekanan inflasi yang sedang menyerang hebat.

Mereka yang berada di lapangan perdagangan sahajalah yang mengetahui kepedihan ekonomi. Kecuali mereka yang memasuki lapangan ini dengan cara Ali-Baba atau Ali-John. Gulungan ini tidak pernah merasa kepedihan hendak mendapat wang untuk menutup perbelanjaan-perbelanjaan sewa, gaji, talipon, letrik dan sebagainya.

Perjuangan di bidang ekonomi adalah terlalu berat. Hanya mereka yang cekal sahaja yang akan dapat berjaya. Ini adalah satu hakikat yang sama dengan apa jenis perjuangan pun di mana-mana jua, cuma dari sudut ekonomi umumnya ialah wang, wang, dan wang.

Saya sedang berada di dalam kancang perjuangan ini, setelah saya mengundurkan diri dari parti politik dan kegiatan politik. Tetapi sebagai seorang Muslim, falsafah hidup saya tetap tidak berubah seperti di masa dahulu juga dan insya Allah hingga akan datang.

Sekali kita mengaku bahawa tidak ada Tuhan melainkan Allah, maka tidak ada apa pun jua yang boleh

menjadikan kita menukar keyakinan hingga mengambil sesuatu yang lain dari Allah menjadi tuhan-tuhan yang dipuja dan disembah selain dari Allah, secara sedar atau tidak sedar.

Tempuh khidmat saya sebagai Ahli Dewan Negara telah tamat pada 23 Ogos 1974, dan sekarang saya telah bersara dari tugas-tugas di parliment yang selama 15 tahun saya telah menjadi ahlinya.

Selama 15 tahun itu telah banyak sekali saya berbicara di Dewan Negara. Tetapi sebenarnya terlalu sedikit sekali yang saudara ketahui dari surat-surat khabar atau lain-lainnya. Yang demikian ialah kerana saya selama-lamanya bercakap sebagai seorang muslim yang sentiasa terus terang. Sikap saya ialah menyokong setiap yang baik, menentang setiap yang tidak baik, dan memberi pandangan-pandangan untuk kebaikan. Sebenarnya di dalam soal ini, saya telah berbuat, dan cukuplah Allah menjadi saksinya.

Sekarang saya sedang bertarung di bidang perniagaan. Saya rasa seperti sedang berada di dalam laut diumbang ambing oleh ombak dan badai yang tidak mengetahui kasihan.

Sungguh pun begitu, saya belum pernah melupakan saudara. Saya tidak dapat melupakan, kerana ada perkara-perkara yang ingin saya sampaikan kepada saudara. Pada hemat saya perkara-perkara yang akan saya sampaikan adalah berguna buat saudara dan berguna juga untuk teman-teman kita semua.

Terlalu banyak persoalan yang ingin saya bicarakan. Terutama ialah yang mengenai bangsa kita dan negara kita di rantau Asia Tenggara yang sedang bergolak hebat dewasa ini.

Saya percaya saudara dapat menduga kemungkinan-kemungkinan yang akan berlaku di rantau ini. Rantau Asia Tenggara ini adalah terlalu kecil. Saudara boleh menduga beberapa ratus batu jarak Saigon dengan Kota Bharu atau Kuala Lumpur ini. Kemudian cuba duga pula berapa lama pula masanya sebuah kapal belayar dari Saigon ke pantai Semenanjung di Kota Bharu dan berapa lama pula masanya bagi sebuah kapal terbang untuk sampai di ruang angkasa Semenanjung.

Saya tidak tahu apakah saudara masih ingat betapa tentera Jepun yang telah bertapak di Saigon, Indochina, pada akhir tahun 1941, dan dari sana pada dinihari, 8hb Disember 1941 angkatan tentera mereka telah mendarat di pantai-pantai Kota Bharu, juga di Senggora dan di Pattani. Angkatan udara Jepun telah menyerang sejak pagi itu, dan sebenarnya kemenangan Jepun adalah bermula pada hari serangan mereka dimulai.

Alat senjata manusia pada tahun 1941 dahulu adalah jauh berbeza dari apa yang ada pada manusia dalam tahun-tahun sekarang. Justeru kerana itu, dengan alat-alat yang lebih moden yang ada pada manusia sekarang ini, siapa sahaja boleh membuat dugaan betapa besar bencana dan kecelakaan yang akan menimpa rantau ini jika musuh mengorak langkah.

Kekacauan yang ditimbulkan oleh satu serangan kilat, atau kekacauan yang diadakan melalui gerakan gerila adalah sama sahaja akibatnya, iaitu kematian, kemusnahan, kehancuran ekonomi dan penderitaan.

Pernahkah saudara membaca fikiran-fikiran Dr. Sun Yat Sen, dalam buku yang berjodol *San Min Chu*. Beliau

telah menggembelingkan fikiran orang-orang China supaya sedar dan bangun dari tidur mereka. Dr. Sun Yat Sen telah menimbulkan perkara jarak antara England ke negeri China, antara Amerika ke China, antara Jepun ke China. Beliau memberi tahu orang-orang China pada tahun 1920-an dahulu betapa bangsa-bangsa seperti Inggeris, Amerika dan Jepun dapat mempersiapkan angkatan perang mereka dan berapa lama masa yang akan diambil oleh musuh China untuk sampai ke negeri China.

Saya menghormati manusia yang berfikir dan bertindak untuk jangka pendek dan jangka panjang.

Saya mahu bangsa kita juga mempunyai pemimpin-pemimpin yang dapat berfikir jauh dan luas bidang pemikirannya. Bagaimana pun saudara, kita tidak perlu berpandu kepada Dr. Sun Yet Sen dan *San Min Chunya*. Kita sebenarnya mempunyai buku panduan yang serba lengkap iaitu Quran.

Saya tahu saudara adalah seorang muslim dan sering membaca Quran. Kerana itu saya sebutkan tentang buku Quran. Sebahagian kawan-kawan kita tidak gemar mendengar Quran dan ceritanya. Pernah saya berbicara dengan seorang yang berkalibar. Namanya nama seorang Nabi, dan nama bapanya pun nama seorang Nabi juga. Dia adalah anak seorang haji yang khabarnya termasuk gulungan ahli *fiqh*. Dalam perbicaraan di rumahnya itu, saya selitkan sepotong ayat Quran sebagai memperkuat alasan saya. Dengan mendadak kawan saya itu mencelah: "*I am very sorry my dear, I am not interested about that.*"

Demikian satu dari beberapa pengalaman saya dalam menghadapi manusia sebangsa dan senegara dari keturunan

Muslimin. Saya tidak mahu menceritakan yang lain-lain lagi. Mungkin saudara pun punya pengalaman yang sama seperti pengalaman saya.

Peri orang-orang tidak mahu melihat Quran, tidak mahu mendengar Quran, itu semuanya adalah ulangan sejarah manusia ini sendiri. Saya tidaklah kaget menemui mereka. Tetapi yang mengagkitkan dan menyedihkan hati saya ialah gulungan yang rajin membaca Quran tetapi tidak mengertinya. Dan yang mengerti tidak pula mahu memahami lebih dari apa yang dimengerti oleh mereka.

Saya mempunyai banyak pengalaman yang di antaranya ada yang akan ditulis di dalam surat-surat saya kepada saudara. Mungkin dari apa-apa yang akan saya ceritakan itu berguna kepada saudara atau anak-anak saudara sebagai bahan kajian untuk mereka, andaikata mereka mahu memikirkannya.

Saudara, seperti yang kita mengetahui, Allah telah menghuraikan di dalam Quran seluruh pokok-pokok persoalan yang ada di dunia ini. Pada surah Al-An'am, ayat 38, Allah telah jelaskan "*Tidak ada suatu pun yang kami tidak sebut di dalam Quran*".

Saya tidak mengerti bagaimana orang-orang kita ada yang masih tidak percaya tentang manusia telah sampai di bulan, dan sekarang sedang mencuba untuk mencapai planet-planet lain.

Silakan saudara ambil Quran dan perhatikan ayat 33 dari surah Ar-Rahman. Di sana jelas sekali Allah mencabur supaya jin dan manusia cuba kalau boleh menembusi angkasa bumi dan langit. Allah mengatakan boleh, sekiranya ada tenaga kekuatan yang mampu menembusi kuasa

tarikan bumi dan langit. Tenaga itu adalah alat, seperti Nabi Muhammad telah isra dan mikraj dengan mempunyai alat kenderaan yang pantas.

Saudara tentu faham dalam persoalan ini. Saya tidaklah hendak mengajar saudara, cuma apa yang saya kemukakan ini sekadar menyatakan perasaan saya yang sedih oleh kelemahan orang-orang kita menguasai kandungan Quran.

Adapun orang-orang kita yang dimaksudkan itu ialah gulungan yang dikatakan dan dikenali sebagai ulama. Saya meminta maaf terlebih dahulu andaikata saudara tidak senang dengan pendapat saya di dalam soal ini.

Pada saya perkataan ulama itu tidak boleh dikekalkan pengertiannya secara pak turut selama-lamanya. Umumnya mereka yang dikatakan ulama dalam penggunaan harian di negara kita ialah mereka yang mempunyai pengetahuan agama semata-mata.

Saya tidaklah mahu membiarkan pengertian sempit seperti ini terus dikekalkan di dalam penggunaan bahasa kita. Sebab asal mula perkataan ulama ini adalah dari bahasa Arab, yang bermakna orang-orang yang berilmu, atau ahli-ahli pengetahuan.

Saudara tentu tidak akan membantah keterangan saya. Pengertian atau makna perkataan ulama dari segi bahasa dan praktiknya adalah tegas bermaksud orang-orang yang berilmu pengetahuan. Tidak menjadi persoalan ilmu apakah yang dipunyai dan dikuasai oleh seorang manusia hamba Allah itu.

Sejarah muslimin di zaman kejayaan mereka dahulu tidak mengenal pengertian sempit seperti yang dikenali

sekarang. Ulama di zaman keemasan Islam adalah di berbagai bidang pengetahuan.

Andaikata saudara kembali memeriksa sejarah seribu tahun dahulu, tentu akan ditemui kesah-kesah para ulama muslimin di berbagai lapangan seperti kedoktoran, kimia, kajibumi, kajihayat, hisab, binaan, kejuruteraan, kajibintang, dan sebagainya di samping ilmu pengetahuan *Tauhid*, *Fiqh* dan sebagainya yang sekarang diakui hanya jenis-jenis ilmu seperti inilah sahaja kemudian ditambah lagi ilmu *tassauf*, baru orangnya dikatakan alim dan ulama.

Saya tidak ingat sejak berapa ratus tahun yang lalu pengertian ulama ini telah disempitkan oleh muslimin sendiri.

Saudara, jika istilah yang menyeleweng ini terus dikenalkan di dalam masyarakat muslimin, maka selama itulah ianya akan menjadi batas sempadan yang memisahkan para cerdik pandai, ahli-ahli pengetahuan atau sarjana-sarjana di kalangan muslimin.

Allah dan RasulNya tidak mengajar pemisahan ini. Justeru kerana itu, mari kita cuba mengembalikan pengertian maksud yang asli dari bahasa Arab ini.

Sementara itu, seperti yang saudara maklum, bahawa orang-orang Arab itu bukanlah semuanya muslimin. Masih ada saki baki Arab yang Kristian, dan ada pula Arab yang murtad, menjadi manusia yang tidak percayakan Tuhan dan hari akhirat. Di zaman ini di mana-mana sahaja ada kedapatan manusia murtad dari agama mereka.

Orang-orang Arab yang Muslim, yang Kristian dan yang murtad semuanya menggunakan bahasa Arab, dan 'alim' serta 'ulama' itu adalah perkataan-perkataan dari bahasa

mereka yang sudah tentu dipergunakan juga oleh mereka yang Kristian dan yang murtad di dalam pertuturan dan persuratan mereka.

Saudara. Perkembangan ilmu pengetahuan telah terlalu pesat dewasa ini. Mereka yang bukan muslimin sedang menguasainya. Bagaimanapun dari kalangan mereka itu ada yang jujur dan telah mengakui bahawa mereka orang-orang barat adalah terhutang budi kepada muslimin Arab yang merupakan guru pembuka mata di berbagai-bagai bidang ilmu pengetahuan yang sedang mereka perkembangkan di bumi ini.

Biar bagaimanapun kemajuan pengetahuan manusia sehingga ini, sebenarnya masih terlalu sedikit. Perkembangan pengetahuan akan berkembang terus sehingga pada suatu waktu yang ditentukan akan berlaku kiamat dunia ini. Kemajuan dan kejayaan teknoloji di zaman ini adalah sangat berbeza dari apa yang dicapai oleh manusia lima puluh tahun dahulu. Demikianlah halnya apa-apa yang akan didapati oleh manusia akan datang di bidang teknologi akan menjadi segala-gala yang serba baru dan terbaru pada masa ini, sebagai benda-benda yang telah ketinggalan zaman.

Manusia yang telah maju di bidang sains dan teknoloji dan akan terus maju, tidak bermakna telah mencapai kejayaan dan kebahagian di dalam hidup ini. Sesungguhnya hasil dari kemajuan manusia di bidang-bidang ini, telah membawa sama mala petaka dan bala bencana kerusakan di daratan dan di lautan yang semuanya adalah hasil usaha tangan manusia sendiri.

Manusia itu tidak pernah merasa kebahagiaan, kerana

biar pun mereka maju di beberapa bidang, tetapi mereka telah mundur dan kehilangan pula di beberapa bidang yang lain, iaitu seperti akhlak tata susila, kasih sayang dan sebagainya.

Saudara. Kebahagiaan hidup ini ialah sesuatu yang sangat diharapkan. Allah mengajar kita berdo'a supaya dikurniakan kebahagiaan hidup di dunia dan kebahagiaan di akhirat. Maka untuk mencapai ini, iaitu mendapat kebahagiaan di dunia dan kebahagiaan di akhirat kelak, perlu sekali kita muslimin menyatukan diri-dirinya kita dan menguasai segala lapangan ilmu di semua bidang yang diperlukan, dalam keadaan kita adalah sentiasa bersatu dan bergantung atau berpegang teguh kepada Allah. Sesiapa yang berpegang teguh dengan Allah, maka sesungguhnya akan ditunjuk jalan yang lurus, yang akan membawa kepada kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.

Saudara. Kita sungguh-sungguh sedang berada di dalam keadaan bahaya. Rantau Asia Tenggara ini seluruhnya di dalam bahaya. Kerana itu kita tidak boleh membiarkan bahaya yang mengancam kita itu hingga menjadi satu bahaya yang tidak lagi berdaya kita mengatasinya.

Saya percaya saudara adalah sedar akan hakikat ini, dan demikian pula orang-orang kita yang lain. Saya telah melihat betapa Pesuruhjaya British di Tenggara Asia, Tuan Malcolm McDonald berulang alik ke Saigon pada tiap-tiap hari Ahad, sehingga kerana keperluan politiknya, maka Malayan Airways telah mengadakan penerbangan pada tiap-tiap hari Ahad ke Saigon.

Ini adalah kejadian semasa Perancis sedang dipukul oleh Vietcong di Indochina. Vietnam Selatan belum ada,

dan negara kita pun belum merdeka. Tahukah saudara mengapa Malcom McDonald berkejar ke Saigon pada tiap-tiap hari minggu? Kadang-kadang beliau kelihatan dengan seluar putih, kemeja putih yang bersinsing lengannya dan rambut yang tidak bersikat kemas.

Saya berpeluang melihat beliau berkali-kali di lapangan terbang Kota Bharu. Penerbangan ke Saigon dari Singapura singgah di Kota Bharu untuk mengambil bekalan minyak.

Penjajah Inggeris yang sedang menguasai negara kita waktu itu, merasa ancaman besar yang akan datang ke daerah ini andaikata Prancis terusir dari Indochina. Memang sebenarnya, begitulah hakikatnya dulu dan sekarang, samada kepada kekuasaan Inggeris yang menjajah kita, atau kepada kita sekarang yang telah merdeka. Persoalan ini adalah persoalan politik antarabangsa, yang bergolak di rantau Asia Tenggara, yang mana terlalu erat hubungannya dengan kita dan masa depan kita.

Saya telah memikirkan hal ini begitu serius sejak kesibukan Malcom McDonald berulang alik ke Saigon. Saya sedar tidak ada satu pun yang dapat saya lakukan dengan berkesan selama saya bersendirian. Sesuatu mestilah dibuat. Demikian yang saya fikirkan. Untuk membuat sesuatu bagi keselamatan kumpulan manusia mestilah dilakukan dengan cara yang teratur iaitu dengan satu organisasi yang mengatur perpaduan manusia dan menggembangkan mereka menjadi satu tenaga yang mampu bergerak dan bertindak.

Sebelum ini saya memang telah bergerak dengan penuh kesedaran. Saya berada di Kota Bharu sejak tahun 1947,

di mana saya telah sentiasa mendampingi setiap gulungan manusia Melayu yang bergerak di dalam pertubuhan yang ada di sana. Tetapi saya tidak pernah mahu menjadi ahli sebarang pertubuhan, kerana saya merasa tidak ada persesuaian dengan cara pergerakan mereka itu.

Saudara tidak bersama-sama saya di waktu itu. Entah di manakah saudara berada saya pun tidak tahu. Apa yang saya mahu lakukan tidak saya temui siapa pun yang cenderung ke arah pemikiran saya. Justeru kerana itu, saya lebih banyak membaca Quran dan bersebahyang malam. Teman-teman sekerja saya yang memerhati keadaan saya di waktu itu, telah ada yang mengatakan saya sudah gila.

Saya tidak pernah marahkan mereka, sekalipun mereka sering ketawakan saya. Kerana saya tahu mereka tidak tahu apa yang saya tahu, dan mereka tidak pernah pun memikirkan perkara-perkara yang saya fikirkan pada waktu itu.

Banyak dari orang-orang yang saya pernah bercakap pada tahun-tahun 40an dahulu tidak dapat menerima apa yang saya katakan, bahawa Indochina akhirnya akan dimenangi oleh kaum komunis.

Tetapi bagi saya adalah satu keyakinan. Dan untuk itu bagi menyelamatkan kita semua, jalannya tidak ada jalan yang lain, melainkan mengikut jalan Islam. Iaitu jalan yang disediakan oleh Allah buat keselamatan manusia yang percaya kepada Allah dan hari kemudian.

Surat pertama dari saya yang saudara baca ini adalah merupakan permulaan dari surat-surat saya yang menceritakan betapa pengalaman saya di dalam perjuangan selama berada di dalam PAS.

Surat ini saya mulakan beberapa hari yang lalu, dan akan saya sambung dengan surat yang kedua kepada saudara apabila saya berkesempatan menulis lagi.

Sekarang, sebenarnya telah larut malam, telah melampaui tanggal 11 April 1975, Anak-anak saya semuanya sedang sedap tidur. Besuk saya akan pergi ke Kelang kerana ada undangan yang saya terima untuk menyaksikan pembukaan Muktamar Ulama Malaysia, anjuran Persatuan Ulama Malaysia. Justeru kerana itu saya terpaksa menyudahkan surat ini sekadar ini sahaja.

Sekian dahulu sehingga kita bertemu lagi dalam surat yang akan datang, sambutlah salam mesra dari saya untuk saudara dan juga kawan-kawan kita semua. Doa saya, semoga saudara dan kawan-kawan semua sentiasa dalam sehat-sehat jua. Amin.

SURAT KEDUA

Saudara yang diingati.

Selepas sarapan pagi tanggal 12 April, 1975 saya berangkat ke Kelang untuk turut menyaksikan upacara pembukaan Muktamar Ulama' Malaysia, Anjuran Persatuan Ulama' Malaysia.

Persatuan Ulama Malaysia ini telah ditubuhkan lebih setahun yang lalu. Demikian saya difahamkan oleh seorang sahabat yang terkenal sebagai guru tafsir Quran. Kata beliau, tujuan utama persatuan Ulama' Malaysia ini ialah untuk mengisi perjuangan Islam di Negara ini. Dan beliau telah menjadi anggotanya.

Undang-undang tubuh atau perlembagaan Persatuan Ulama' Malaysia ini baru sahaja mendapat kelulusan dari pendaftar pertubuhan-pertubuhan. Justeru kerana itulah baru dapat dimulai kegiatannya dengan mengadakan mesyuarat agungnya yang pertama. Di samping itu, PUM menganjurkan Muktamar Ulama' Malaysia, sebagai satu daripada cara PUM membuktikan kelahiran dan kegiatannya.

Kereta saya meluncur perlahan-lahan dalam perjalanan menuju ke Kelang. Fikiran saya kembali ke tahun 1950 dan mengingat kejadian-kejadian dari tahun itu dan tahun-tahun berikutnya.

Dalam tahun 1950, satu persidangan Ulama' telah di-

adakan di Muar, Johor. Khabarnya persidangan ini adalah anjuran UMNO — United Malay National Organisation. UMNO telah menganjurkan persidangan itu dengan bantuan sebanyak \$500.00. UMNO, waktu itu masih dipimpin oleh Datuk Onn bin Ja'afar.

Persidangan di Muar itu tidak selesai dan kemudian disambung lagi di Kuala Lumpur, bertempat di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Bharu.

Dalam pertemuan-pertemuan ini yang dihadziri oleh mereka yang dikatakan ulama, kebanyakannya adalah terdiri dari ahli-ahli UMNO, telah bermesyuarat lagi, membincangkan perkara-perkara pertubuhan ulama yang berdiri sendiri tetapi bernaung di bawah UMNO.

UMNO sendiri waktu itu dalam satu keadaan genting, oleh pertentangan di dalam pucuk pimpinannya sendiri. Dato Onn dalam proses meninggalkan UMNO yang dia sendiri sebagai pelupur menubuhkan UMNO dahulu.

Saya tidak hadzir pada pertemuan-pertemuan itu. Maklumlah, saya bukanlah seorang yang tergulung di dalam gulungan Ulama', apakah lagi saya ini tidak pernah menjadi seorang anggota UMNO.

Kenangan saya melayang kepada cerita yang sampai kepada saya mengenai persidangan itu. Khabarnya seorang peserta telah pun menimbulkan satu persoalan yang bermaksud, apakah kaum ulama' yang tahu dan mengerti hukum-hukum Islam akan hanya menjadi alat kepada perjuangan orang lain atau pun ulama sendiri hendaknya mempelupuri dan memimpin umat dengan ilmu pengetahuan mereka.

Pertanyaan inilah yang telah menjadi perdebatan hebat

SURAT KEDUA

yang berakhir diputuskan, ulama hendaklah mengadakan gerakan yang bersendirian bersendikan konsep ajaran Islam. Tetapi keanggotaannya hendaklah diperluaskan kepada semua orang-orang Islam.

Sebuah jawatan kuasa penaja yang juga bertugas menyusun anggaran dasar untuk satu parti yang dinamakan Persatuan Islam sa-Malaya telah dipilih dalam persidangan di Kuala Lumpur.

Pada bulan Ogos 1951, berlangsunglah dengan rasmi penubuhan Persatuan Islam Sa-Malaya atau rengkasnya 'PAS'. Ini adalah parti politik Islam yang kedua tertubuh dalam sejarah politik negara kita. PAS telah ditubuhkan di Butterworth, Pulau Pinang.

Dulu telah ada Hizbul Muslimin yang ditubuhkan oleh dorongan Partai Kebangsaan Melayu Malaya. Usia parti ini tidak lama. Inggeris bertindak segera. Pemimpin-pemimpin dari Hizbul Muslimin dan lain-lain yang merupakan cabaran kepada kekuasaan penjajah Inggeris, telah diberkas dan disimpan sebagai tahanan politik.

Tahun 1951, bermulalah gerakan PAS. Yang Dipertua Agungnya ialah Haji Ahmad Fuad, dengan anggota-anggota dewan pimpinannya terdiri dari mereka yang masih anggota-anggota UMNO.

Waktu itu Datuk Onn telah meninggalkan UMNO, dan menujuhkan parti baru iaitu IMP — Independence of Malaya Party. Dan kemudian dari itu ditukar nama atau ditubuh yang baru dinamakan Parti Negara. Tunku Abdul Rahman telah meletakkan jawatannya dengan pemerintah dan memimpin UMNO.

Anggota-anggota UMNO yang berada sebagai anggota-anggota dewan pimpinari parti Islam yang baru ini ber-

pecah dua. Ada yang cenderung kepada IMP, kemudian Parti Negara, kerana peribadi Datuk Onn, bekas ketua UMNO. Dan ada yang tetap hati mereka dengan UMNO yang sekarang dipimpin oleh Tunku Abdul Rahman.

Saya mengikut seluruh perkembangan partai Islam ini, kerana selamanya saya menunggu-nunggu akan adanya sebuah partai politik Islam yang mana dapatlah saya ikut serta di dalamnya.

PAS berdasarkan Quran dan hadis. Ini sudah cukup pada saya. Tetapi saya belum menjadi anggota. Pertama, kawan-kawan yang saya temui di Kota Bharu tidak ada seorang pun yang mahu. Masing-masing punya alasan sendiri yang tidak perlu saya ceritakan.

Kedua, sehingga itu PAS belum menyebut kemerdekaan dan tidak ada slogan merdeka. Partai politik Islam, yang tidak tegas menyebut soal kemerdekaan juga menjadi persoalan kepada saya. Justeru kerana itu saya undurkan dulu hasrat untuk menjadi anggota. Apatah lagi belum ada kawan-kawan yang lain yang mahu menyertainya, bagi membolehkan dilakukan kegiatan menerusi organisasi.

Di Kota Bharu saya gagal mendapat kawan-kawan yang mahu ikut serta dalam partai Islam itu. Kawan-kawan saya, ada yang tua dan ada yang muda. Yang tua-tua bersahabat dengan saya kerana agama saya, dan yang muda-muda berkawan dengan saya kerana sikap progresif saya.

Akhirnya saya ditukar bekerja di Pasir Mas, kira-kira sebelas batu dari bandar Kota Bharu. Di Pasir Mas, sahabat saya yang pertama ialah Ahmad bin Yatim, lebih terkenal di sana sebagai Mat Yatim. Saya mencari beliau, kerana ditunjuk oleh kawan saya di Kota Bharu, dari gulungan progresif, yang lebih dikenali sebagai Nik Mat Datuk Amar.

SURAT KEDUA

Ahmad Yatim telah menjadi sahabat saya. Persahabatan itu telah banyak menolong saya dalam mencapai cita-cita perjuangan saya. Kawan-kawan beliau yang ada kesedaran politik mulai menjadi kawan-kawan saya. Kedai jahitnya menjadi tempat persinggahan orang-orang yang berhubungan dengannya. Maka di sana pulalah saya sering berbicara dengannya. Tetapi sebenarnya adalah untuk orang-orang yang sentiasa datang ke kedai itu.

Bagi mendapat sebanyak-banyak kawan secepat mungkin, saya gunakan ajaran Nabi kita iaitu beri salam kepada mereka yang kamu kenal, dan yang tidak kamu kenal.

Di mana sahaja saya pergi dan bertemu orang Melayu, saya ucapkan assalamu'alaikum. Di kedai kopi untuk mereka yang ada di dalamnya. Di pasar, kepada penjual ikan, di kedai rokok kepada penjaganya. Kelihatan juga mula-mula ada yang hairan, tetapi bila saya menghulur wang untuk membeli rokok, tahulah dia pemberi salam bukanlah pengemis.

Di jalan, apabila saya berselisih dengan lebai dan haji, sambil berjalan kaki saya ucapkan salam. Kawan kita pun terasa hairan, saya dapat merasa kawan itu berpaling melihat saya dengan hairan, kerana saya bukanlah orang yang dikenali olehnya.

Saya teruskan perjalanan dan tahukah saudara pada hari yang lain kami bertemu lagi, kali ini belum sempat saya memberi salam, dialah dahulu yang tersenyum dan memberi salam. Sekarang kawan kita sudah menjadi sahabat saya. Demikianlah cara saya berkenalan dan mendapat sahabat-sahabat di Pasir Mas.

Kedai-kedai kopi di seluruh bandar Pasir Mas saya masuki. Setelah memberi salam, saya meminta secawan teh. Sementara menanti teh tiba dan sementara menghabiskan secawan teh, saya gunakan peluang itu untuk bercakap dalam apa-apa jua perkara yang sesuai, tetapi bagaimanapun saya bawa kepada persoalan agama dan kesedaran beragama.

Demikian cara saya bergerak sebelum saya perkenalkan PAS kepada orang ramai di Pasir Mas. Dalam beberapa bulan sahaja dalam tahun 1952, saya telah melihat kemungkinan dapat diterima perjuangan politik Islam oleh kawan-kawan di Pasir Mas. Bagaimanapun pada hemat saya tidak perlu digemparkan dengan menyatakan maksud saya secara tergesa-gesa.

Perjalanan saya sudah melalui Subang. Saya terus juga meluru perlahan. Banyak kereta-kereta yang memotong kereta saya. Di antaranya adalah kereta-kereta yang saya percaya mempunyai matlamat yang sama juga. Ke Kelang.

Kalaularah saudara bersama saya di dalam kereta saya, tentu kita akan berbicarakan tentang Persatuan Ulama Malaysia, mengenai tujuannya, program kerjanya dan sebab-sebab kelahirannya, mungkin untuk mengisi kekosongan perjuangan Islam di negara kita, yang sudah terasa oleh kebanyakan orang-orang yang insaf bahawa telah ujud kekosongan perjuangan Islam yang perlu dipenuhkan

SURAT KEDUA

kembali. Atau kalau telah ada yang patah, perlu ditumbuhkan kembali, dan kalau ada yang hilang, perlu dicari gantinya semula.

Kerana tidak ada siapapun bersama-sama saya, dan saya keseorangan memandu kereta, maka timbulah lagi di dalam ingatan saya kepada peristiwa-peristiwa yang silam. Maklumlah tempat jatuh lagi dikenang, inikan pula sejarah perjuangan.

Mesyuarat Agung PAS yang pertama telah diadakan di Kepala Batas, Pulau Pinang dalam bulan Ogos tahun 1952. Dalam Mesyuarat Agung ini, diadakan juga muzakarah ulama' yang membicarakan soal titik bengek yang telah lama diperdebatkan antara gulungan-gulungan yang digelar atau menggelarkan diri mereka kaum tua dan kaum muda.

Rupanya di kalangan anggota-anggota Dewan Pimpinan partai ada orang-orang yang berfahaman tua dan muda seperti ada orang-orang yang hati mereka kepada Datuk Onn dan kepada Tunku Abdul Rahman. Muzakarah ini berhasil sebagai kemenangan kepada kaum tua kerana kebetulan gulungan yang dikatakan tua inilah yang lebih ramai menghadziri muzakarah.

Saudara boleh memikirkan betapa kebijaksanaan mereka itu. Asal mulanya mereka ingin menyatukan umat Islam, tetapi baru cuba bersatu, mereka jualah yang menimbulkan sesuatu yang tentu tidak akan menyatukan umat ini.

Saya tidak hadir di sana. Dan seperti yang saudara dapat faham dari tulisan saya, hingga ini saya belum menjadi ahli atau anggota partai yang bernama Persatuan Islam Sa-Malaya atau ringkasnya PAS. Tetapi bagaimanapun saya telah memberi perhatian yang sungguh-sungguh kepada segala-gala yang mengenai pertumbuhannya.

Bagaimanapun dari segi politik, dengan Mesyuarat Agung PAS yang pertama di Kepala Batas itu, PAS telah menegaskan tujuannya juga memperjuangkan kemerdekaan.

Apabila berita ini tersiar di akhbar-akhbar, saya pun mulai memperkenalkan PAS kepada orang ramai, dan dengan tegas saya nyatakan inilah satu-satunya partai yang perlu diberi sokongan oleh orang-orang Islam.

Seperti yang telah saya duga, demikianlah yang saya dapati. Kawan-kawan saya telah menerima dan menyambut baik apa yang saya maksudkan, iaitu menerima perjuangan PAS.

Sehingga bulan November 1952 saya belum membuat sebarang hubungan dengan pejabat agung PAS. Dalam masa berura-ura hendak membuat hubungan terus, tiba-tiba menerusi seorang sahabat iaitu Haji Cik Muda, yang waktu itu menjadi imam muda masjid Pasir Mas telah dapat diketahui bahawa Haji Husain Cik Dol dari Kedah yang berjawatan sebagai Naib yang Dipertua Agung ada di Kelantan dan sedang berada di pondok Bukit Payong, Kota Bharu.

Haji Husain telah diundang untuk memberi penerangan selepas sembahyang Juma'at di masjid Pasir Mas. Beliau telah menerangkan garis-garis kasar perjuangan PAS dan kedudukan orang-orang Melayu di negara ini.

SURAT KEDUA

Kami di Pasir Mas bersetuju akan mengadakan pertemuan pada malam keesokannya di rumah Muhammad Nor bin Haji Senik. Tuan Haji kita pun bersetuju akan datang pada malam yang ditentukan. Kawan kita, Muhammad Nor bin Haji Senik (sekarang Haji) menyediakan jamuan nasi dan beberapa ekor ayam telah disembelih untuk itu. Sayang sekali Tuan Haji Husain Cik Dol tidak kunjung tiba, tanpa sebarang maklumat.

Kawan-kawan terasa kesal sekali. Tetapi saya katakan, jangan dikesali, mungkin beliau udzur yang tidak dapat dielakkan. Sesungguhnya saya tidak tahu sampai ke hari ini pun mengapa orang tua kita itu telah tidak hadir seperti yang ditetapkan. Beberapa tahun kemudian sebelum beliau meninggal dunia ini, saya sering jua ke rumahnya di Guar Cempedak, di Kedah. Tetapi tidak pernah saya bertanya perkara itu.

Kepada kawan-kawan kita, saya beri tegasan. Besuk hari saya akan menulis ke pejabat agung PAS. Hubungan surat dengan pejabat agung PAS mulai dibuat dan jawapan dari pejabat agung PAS bertarikh 16hb. Disember 1952, bersama satu salinan undang-undang tubuh dan borang permohonan menjadi ahli atau anggota persatuan Islam Islam Sa-Malaya telah saya terima.

Saya mulai bergerak mencari ahli untuk PAS. Semua kegiatan berpusat dari No. 28, Jalan Tengku Ahmad, Pasir Mas. Iaitu kedai jahit sahabat kita Ahmad bin Yatim.

Saya terkenang kepada mereka yang mula-mula menjadi ahli, iaitu Muhammad Sharif dari kampung Tai Tujuh, Yusuf bin Muhammad tukang gambar, Muhammad Nur bin Haji Senik, Abdul Rahaman atau kami panggil dia Pak Cu Deraman tukang jam. Sulaiman tukang jahit, Cik

Ali kedai emas dan lain-lain yang tidak pernah saya melupakan mereka itu semua. Semoga Allah membaca keikhlasan mereka dengan sebaik-baik balasan.

Tetapi beberapa bulan kemudian, kawan kita encik Sharif telah datang menemui saya dengan penuh kesal sambil menghempas satu risalah kecil yang tertulis perkara-perkara keputusan muzakarah PAS berhubung dengan perkara khilafiah seperti hal-hal talqin, qunut dan sebaqai-nya. Kata beliau, "Saya telah berusaha selama lima belas tahun di sini menghapuskan perkara-perkara bid'ah, rupanya PAS mempertahan ini semua."

Mulai hari itu beliau pun berhentilah dari menjadi ahli PAS. Biar apa pun saya katakan tidak lagi beliau dengari. Saya minta beliau bersabar. Kerana undang-undang tubuh PAS cukup tegas menunjukkan lanya berpandukan Quran dan hadis. Saya berpegang dengan kedua-dua ini, maka itulah sebabnya saya telah lama bersedia untuk memperjuangkan cita-citanya dengan cara yang bijaksana. Tidak ada didengar lagi. Beliau mengundurkan diri terus.

Bagaimanapun saya teruskan jua kegiatan saya, dari kedai-kedai kopi, dari kedai-kedai buku dan surat-khabar. Saya telah dapat ahli-ahli dari sehari ke sehari. Kawankawan telah mendesak supaya ditubuhkan cawangan. Saya kata, sabarlah sehingga kita mendapat ahli-ahli lebih dari lima puluh orang. Akhirnya jumlah ahli meningkat kepada enam puluh enam orang, termasuk seorang kawan bernama Omar bin Yusuf. Beliau adalah saudagar getah di Pasir Mas, dan Ustaz Abdullah Ahmad, di Pohon Tanjung, Alor Pasir, Pasir Mas.

Dengan adanya ahli-ahli atau anggota-anggota sebanyak

SURAT KEDUA

ini, di mana sijil-sijil keahlian telah pun didapati, maka diadakanlah satu pertemuan di antara ahli-ahli pada 23hb. Julai, 1953 bertempat di masjid Pasir Mas.

Pertemuan itu telah dihadziri oleh sebahagian besar dari ahli-ahli yang telah berdaftar. Saya telah menolak pilihan menjadi Yang Dipertua Cawangan, dan kerana itu dipilihlah Encik Omar bin Yusuf menjadi Yang Dipertua Cawangan. Saya sendiri menjadi Setiausaha cawangan. Jawatan itu lebih baik bagi saya untuk melaksanakan kerja-kerja kepartaian.

Di dalam bulan Julai 1953, PAS cawangan Pasir Mas, Kelantan, telah ditubuhkan. Inilah cawangan PAS yang pertama ditubuhkan di negeri Kelantan, dan di Pantai Timur.

Berita tertubuhnya PAS cawangan Pasir Mas telah tersiar sebagai satu berita kecil di dalam akhbar harian Utusan Melayu.

Beberapa hari kemudian, saya mendapat tahu dari Tuan Haji Ismail, Kadi Pasir Mas pada waktu itu, bahawa Haji Muhammad Nor dari Macang, telah datang mencari saya. Beliau meninggal pesanan akan datang lagi pada hari yang lain.

Pada suatu hari yang lain Haji Muhammad Nor telah datang ke Pasir Mas menemui saya. Beliau menyatakan pendapat beliau untuk menubuhkan PAS Kelantan. Saya telah menjelaskan, oleh kerana PAS cawangan Pasir Mas telah ditubuhkan, maka yang sebaik-baiknya bagi beliau ialah menubuhkan PAS cawangan Macang.

Demikianlah yang telah terjadi, PAS Cawangan Macang telah ditubuhkan oleh Haji Muhammad Nor bin Haji

Yusuf dan kawan-kawannya, dan cawangan ini adalah merupakan cawangan PAS yang kedua di Kelantan.

Sungguh jauh saya mengelamun di sepanjang perjalanan menuju ke Kelang itu. Biasanya saya berzikir mengulang-ulang menyebut nama Allah atau membaca Quran di dalam perjalanan sendirian seperti itu, tetapi kali ini seluruh fikiran dan ingatan saya kembali kepada peristiwa-peristiwa bagaimana asal mula saya menubuhkan PAS di Kelantan.

Akhirnya sampailah saya di Kolej Islam. Orang-orang dari berbagai-bagai negeri telah ada di sana. Di antara mereka banyak juga yang saya kenal baik, dan ramai pula di antara mereka itu yang sekali pun saya tidak kenal atau tidak dapat mengingat kembali di mana pernah bertemu, rupanya mereka kenal dan masih tidak lupakan saya.

Syukur kepada Allah, yang telah mendorongkan saya ikut hadir di upacara pembukaan muktamar itu. Banyak dari kenalan-kenalan lama dari Perlis hingga ke Johor dapat saya temui di sana.

Sementara menunggu waktu permulaan upacara, kami berbual-bual dan bertanya khabar masing-masing, maklumlah telah lama tidak bertemu. Andaikata saudara juga berada di majlis itu, alangkah gembiranya perasaan kita dapat bertemu dalam keadaan yang tidak disangka-sangka itu.

SURAT KEDUA

Upacara pembukaan dimulai jam 10.00 pagi itu. Ucapan aluan daripada Pengurus jawatankuasa penaja muktamar memang menarik hati. Saya mengikuti dengan seluruh perasaan tiap-tiap kata yang dikeluarkan oleh Haji Nik Mohd. Mohyideen Musa. Beliau adalah ketua dari Persatuan Ulama Malaysia, yang menganjurkan muktamar yang akan dimulakan pada 12 dan 13 April 1975.

Selepas ucapan beliau, juruacara mengundang Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, iaitu Yang Berhormat Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa, memberi ucapan dan merasmikan muktamar.

Selesai sahaja upacara perasmian ini, maka juruacara telah menarik perhatian ramai kepada upacara khas iaitu penyampaian cek berharga lima ribu ringgit, sebagai sumbangan dari pemerintah untuk perbelanjaan muktamar oleh Y.B. Timbalan Menteri kepada Pengurus Jawatankuasa Muktamar Ulama Malaysia.

Melihat yang demikian saya terkenang kepada peristiwa persidangan Ulama dahulu, yang UMNO telah membuat peruntukan sebanyak \$500.00.

Jumlah \$500.00 dahulu hampir sama sahaja nilai kuasanya dengan \$5,000.00 sekarang. Dalam hati saya berkata apa yang selalu saya katakan, iaitu sejarah sentiasa mengulangi. Demikianlah yang terjadi, cuma perbezaannya ialah dulu melalui parti, tetapi sekarang atas nama pemerintah dan dengan wang orang ramai. Dulu tidak berupacara, tetapi sekarang berupacara dan bertalivesyen.

Semua upacara telah selesai, hadzirin dipersilakan ke majlis minuman. Saya ikut ke majlis jamuan, dan sambil minum, banyak pula kesempatan berbual-bual dengan peserta-peserta muktamar itu.

Sebelum upacara dimulai, saya telah mendaftarkan nama sebagai pemerhati, dan telah mengambil kertas-kertas kerja muktamar itu. Tetapi oleh kerana suatu hal yang mesti, saya terpaksa kembali ke Kuala Lumpur, dengan harapan malam nanti akan datang lagi dan ikut memerhati Mesyuarat Agung Persatuan Ulama Malaysia.

Maksud saya memang begitulah. Tetapi ketentuan semuanya dari Allah. Saya kembali ke Kuala Lumpur untuk satu urusan. Apabila selesai, saya terus ke rumah, dan saya diberi tahu, ada pesanan yang mengatakan ibu saya sedang sakit sejak beberapa hari yang lalu.

Kerana berita ini, saya membatalkan tujuan ikut menghadziri persidangan Persatuan Ulama Malaysia di Kelang, dan selepas sembahyang maghrib saya berangkat mengziarahi ibu saya yang sedang udzur.

Sekarang saya bawa saudara kembali kepada cerita PAS. Seperti yang saudara maklum PAS cawangan Pasir Mas telah ditubuhkan, dan saya adalah setiausahaannya. Kawan kita Encik Omar bin Yusuf yang menjadi Yang Dipertua tidak dapat memberi tenaga, kerana kesibukan urusan perniagaannya.

PAS, adalah anak kecil yang baru dilahirkan. Ia adalah terlalu baru. Tetapi ianya adalah sebagai satu alat penyatuan tenaga gerakan untuk membuat contoh kegiatan-kegiatan menurut pengajaran Islam. Sehingga dengan kegiatan-kegiatan itu, akan melahirkan kenyataan-kenyataan yang akan menarik perhatian manusia lain, di samping membangun dan menyuburkan rasa kasih sayang di kalangan ahli-ahli atau anggota-anggotanya.

Dalam mesyuarat jawatankuasa PAS Pasir Mas yang pertama, saya sampaikan garis-garis kerja yang perlu di-

SURAT KEDUA

lakukan. Saya katakan, tugas kita ialah menghidupkan kembali ajaran Islam dari yang sekecil-kecilnya yang diajar oleh Muhammad Rasulullah. Semoga Allah memberkati kita. Dan ditolongNya kita dalam menghidupkan ajaran Islam yang besar-besar.

Pengajaran Rasulullah mengenai apa yang dikatakan hak seorang muslim terhadap seorang muslim, ialah memberi salam kepada muslim yang dikenali atau tidak dikenali. Mengatakan Yarhamukallah kepada seorang muslim yang bersin. Memberi nasihat kepada seorang muslim apabila dia meminta nasihat. Melawat seorang muslim yang sakit, dan melawat seorang muslim yang meninggal dunia, membawa sedikit hadiah bantuan sebagai tanda simpati terhadap keluarga simpati yang sedang berduka-cita. Kemudian mermandi jenazahnya, sembahyangkan jenazahnya dan iring jenazahnya kekubur, tempat perse-madian jasad dan tulangnya sehingga dibangkitkan kelak.'

Menghidupkan ajaran Muhammad ini, telah dijadikan satu daripada ajenda mesyuarat. Semuanya telah diterima, dan saya ajak setiap ahli PAS memahami ini dan mem-praktiknya.

Sebahagian daripada ini telah dilakukan menerusi cara-cara dan peraturan yang ditentukan dari pejabat secara beramai-ramai di samping digalakan melakukannya secara persendirian, tanpa mengira anggota partai atau bukan.

Demikianlah yang lain-lain lagi. Apa saja dari pengajaran Islam yang kecil-kecil dan dapat dilaksanakan, telah pun dilakukan dan diberi arahan-arahan menerusi berbagai-bagai cara.

Selogan kami di Pasir Mas ialah, hidupkan ajaran Islam,

(maksudnya praktikkan ajaran Islam) di dalam masyarakat, dan tanamkan keyakinan, jika kita menolong agama Allah, nanti Allah menolong kita.

Inilah tema ucapan saya kepada ahli-ahli PAS di Pasir Mas, di samping meningkatkan kesedaran politik dan meyakinkan mereka tentang cita-cita negara Islam.

Tahukah saudara betapa hasil dari kegiatan-kegiatan ini. Saya dapati terlalu besar kejayaannya yang telah dicapai dalam waktu yang singkat. PAS menjadi perkara yang diperbincangkan oleh orang-orang di Pasir Mas.

Saya telah menggerakan ini, bukanlah untuk berpur-pura sebagai satu taktik politik yang kotor. Tetapi dengan penuh keyakinan saya rancangkannya, supaya setiap pengajaran Islam satu demi satu dilaksanakan dengan teratur, dan tidaklah terbiar sebagai satu ilmu yang hanya didengari syarahan-syarahan di pondok-pondok atau di surau-surau sahaja.

Pengajaran Islam perlu sekali dilaksanakan menerusi pimpinan yang teratur dan berdisiplin. Jika ini tidak dilakukan, maka terus terjadilah seperti apa yang dikatakan oleh Sheikh Muhammad Abduh, iaitu Islam itu di-dindingi oleh orang-orang Islam sendiri.

Saya percaya, sekiranya negara Islam itulah yang menjadi matlamat perjuangan, maka individu-individu muslim hendaklah digerakkan melaksanakan ajaran Islam di dalam diri masing-masing dan apa yang mengenai masyarakat dilaksanakan dalam bentuk kemasyarakatan. Negara Islam akan menyusul bila amalan Islam telah diikuti oleh anggota-anggota partai di dalam masyarakat, di mana semuanya itu sentiasa diperhati oleh anggota masyarakat setempat dan oleh mereka yang jauh yang dapat melihat

SURAT KEDUA

atau dapat mendengar berita-berita gerakan partai.

Beberapa ranting telah dapat ditubuhkan di sekitar Pasir Mas. Sementara itu pada suatu hari saya menerima sepucuk surat dari Tanah Merah. Penulisnya ialah Husin bin Othman, yang menyatakan hasratnya mahu menjadi ahli PAS. Surat beliau dijawab, iaitu saya akan datang ke Tanah Merah pada hari Jumaat dan jika dapat diusaha-kan kebenaran imam, saya ingin memberi penerangan di masjid.

Satu perkara yang sulit ialah masing-masing belum kenal mengenal. Justeru kerana itu, saya nyatakan, saya akan memakai lencana PAS, dan dengan itu akan menjadi tanda untuk mengenali saya.

Hari Jumaat yang berkenaan saya telah pergi ke Tanah Merah sendirian dengan keretapi. Saudara Husin Othman juga menunggu saya sendirian di stesyen keretapi.

Hari itu saya telah berpidatu di Masjid Tanah Merah. Hasilnya baik sekali. Kepada kawan-kawan di sana, saya katakan jadilah ahli PAS, jika telah cukup lima belas orang ahli boleh ditubuhkan PAS ranting Tanah Merah.

Tidak lama kemudian ranting Tanah Merah telah dapat ditubuhkan. Dan apabila ahli-ahlinya meningkat lebih dari lima puluh orang, saya nasihatkan mereka menjadi cawangan yang tersendiri.

Menerusi saudara Ahmad Yatim, saya diminta memberi penerangan di Masjid Repek, kira-kira tiga batu dari Pasir Mas. Saya pergi ke sana dan menemui Imam, dan dibenarkan saya memberi penerangan selepas sembahyang Jumaat. Saya tidak tahu siapakah yang meminta saya bersyarah di sana. Saya pergi sendirian, dan bersyarah di sana. Orang-orang mendengar penerangan saya dan kemudian

bersurai. Tidak ada seorang pun yang perdu likan saya.

Saya keluar dari Masjid setelah bersalaman dengan Imam lalu menuju sebuah kedai kopi, kerana perut telah terasa kosong benar.

Saya meminta secawan teh dan memakan kueh, sambil tunduk memikirkan bagaimana sambutan yang saya terima. Dalam hati saya mengatakan bahawa apa yang terjadi kepada saya juga pernah terjadi kepada hamba-hamba Allah yang lain. Atas apa-apa hal pun, saya telah melaksanakan tugas dan kewajiban saya. Semoga ini semua tidak akan disia-siakan oleh Allah.

Dalam keadaan yang begitu tiba-tiba satu suara mengejutkan saya. Suara itu dari seorang muda yang sedang berdiri sambil menarik kerusi.

"Hah! katanya. "Boleh saya tanya sikit".

Saya merenung pemuda ini dan mempersilakan dia membuat pertanyaan.

"Demo yang bersyarah tadi. Demo ingat bila PAS boleh menang nak perintah Kelantan?"

Saya tersenyum kepadanya. Dia mengulang lagi."Bila PAS boleh perintah Kelantan?"

Kata saya, perjuangan ini seperti kita bertanam padi. Kita membuka hutan, menebang, membakar, membuat batas, mencedung atau menanam, menaruh baja, menghalau burung dan babi, itulah kerja kita, tetapi mengantung buah padi itu adalah urusan Allah sendiri dan bukanlah urusan saya. Bagaimanapun pada hemat saya apabila sahaja Tokguru-tokguru di Kelantan membuka mata melihat perjuangan PAS ini, maka pada waktu itulah PAS menang dan isya Allah akan memerintah ke negeri Kelantan ini.

SURAT KEDUA

Beliau mengucapkan terima kasih, dan mengatakan tidak perlu bayar harga teh dan kueh itu. Dia adalah anak dari tuan punya kedai itu barangkali.

Beberapa hari setelah pilihan raya tahun 1959, di mana PAS memenangi 28 dari 30 kerusi negeri Kelantan, pemuda ini yang namanya saya tidak ingat telah bertemu dengan saya di Jalan Sultanah Zainab, Kota Bharu. Beliau memanggil saya dan berjabat tangan sambil mengingatkan kepada saya apa yang telah saya terangkan kepadanya pada tahun 1953 dahulu.

Katanya, "Apa yang ustaz kata dulu memang betul. Saya masa itu adalah seorang pemuda UMNO dan mulai tahun 1958 saya telah menyokong PAS".

Panggilan ustaz kepada saya memang terkenal di manamana, kerana saya ini orang PAS, setiap kali bercakap ada sahaja membaca ayat-ayat Quran dan hadis, maka orang-orang pun memanggil saya ustaz Amaluddin. Sebenarnya saya tidaklah gemar panggilan ini kerana saya tahu saya bukanlah guru sekolah Arab atau pun profesor seperti penyanyi dan pengubah lagu di Masir yang terkenal Ustaz Muhammad Abdul Wahab dan Ustaz Faridul Atrash. Biarlah saya jelaskan, menurut bahasa Arab 'Ustaz' adalah biasa dipergunakan dan ditujukan kepada tiap-tiap orang lelaki, seperti encik atau tuan dalam bahasa kita.

Sementara itu ustaz (Al-ustaz) adalah juga dipergunakan kepada seorang intelek yang tarafnya lebih dari pemegang PhD. Ada pun saya ini adalah terlalu kerdil dalam pengetahuan untuk menerima panggilan ustaz dari sudut keahlian di bidang ilmu. Di samping itu sekalipun boleh

juga digunakan ustaz bagi maksud encik atau tuan, tetapi sebenarnya perlu apa kita menggunakan kata bahasa Arab untuk perhubungan sesama kita bangsa Malaysia dan juga dalam masa menggunakan bahasa Malaysia. Sebenarnya saya tidak suka dilahirkan kelas-kelas atau kasta di dalam masyarakat manusia.

Sesungguhnya saya lebih gumbira dipanggil nama saya tanpa disertai dengan sebutan ustaz. Saya hanyalah Amaluddin hamba Allah. Tetapi dalam hal ini memang sukar hendak dihalangi, kerana telah begitu caranya kebiasaan orang-orang kita. Saya teringat pada suatu masa, sewaktu saya dan puan Khadijah Sidek menghadziri rapat umum di satu tempat di negeri Selangor, Pengerusi majlis rapat umum itu telah menyeru Ustazah Khadijah Sidek tampil ke pentas menyampaikan pidatonya.

Demikianlah saudara, dalam setengah-setengah perkara, kadang-kadang ada juga keganjilannya dan boleh menggelikan hati. Ini adalah kerana orang-orang kita masih suka pakai taklid-taklidan sahaja.

Terlalu banyak peristiwa-peristiwa yang sentiasa menjadi kenangan saya, di sepanjang jalan merintis perjuangan bertahun-tahun dahulu. Di antaranya saya masih ingat lagi betapa pada suatu hari saya telah pergi ke rumah seorang Tokguru di satu pondok di Pasir Mas, tidak jauh dari tempat tinggal saya di bandar Pasir Mas.

Saya memberi salam dan naik ke rumahnya. Di sana ada dua orang tamu dari kampung. Saya kira dia mengenal saya kerana saya tinggal berhampiran sekali dengan pagar rumahnya. Saya bicarakan hal Islam dan umat Islam dan memperkenalkan perjuangan PAS.

Tidak ada sambutan yang menggalakkan. Akhirnya

SURAT KEDUA

saya pun meminta diri. Sementara saya mengikat tali kasut di tangga rumahnya, kedengaran suara berbicara. Tamu Tokguru kita bertanya, apakah pendapat Tokguru mengenai percakapan saya. Suara Tokguru jelas menjawab, ini semua hak heret masuk neraka.

Air mata saya menitis. Kepada Allah saya katakan, Tuhanku tunjukkanlah Tokguru ini. Dan Allah telah menjadikan Tokguru dan menantunya orang-orang yang kuat menyokong PAS sebelum tahun 1959.

Suatu kejadian yang lain dalam menghadapi Tokguru adalah juga menjadi kenangan saya. Mungkin saudara tidak begitu faham istilah Tokguru ini. Di Kelantan, Guru agama yang mengajar disurau-surau semuanya dikenal sebagai Tokguru. Di pantai barat orang-orang memanggil sebagai Tuanguru.

Pada suatu hari dalam tahun 1953, saya telah menemui seorang Tokguru di pondoknya. Sewaktu saya tiba, beliau sedang mengajar *Mauta'*. Saya memberi salam, dan saya katakan, silakan Tokguru mengajar. Saya datang berjalan-jalan sahaja. Kebetulan Tokguru sedang mengajar, maka dapat pula saya tumpang belajar. Saya mengikuti kupasan Tokguru kita mengenai satu hukum dari kitab *Mauta'* itu. *Mauta'* adalah sebuah kitab *fiqh* mazhab Maliki.

Kerana kedatangan saya agaknya, Tokguru pun tamatkan bacaan dan kupasannya. Semua murid-murid turun dari tempat itu, dan saya pun bangun datang bersalam dengan Tokguru kita itu.

Saya dapat menduga dari wajah Tokguru, nyata sekali beliau dalam kehairanan. Maklumlah melihat orang yang belum dikenali, dan berpakaian jauh berbeza dari orang lain. Sebenarnya saya dalam pakaian seragam Pasukan

Bomba Negeri Kelantan. Di Pasir Mas baru diadakan Bomba, dan sayalah orang pertama ditugaskan, dan hanya saya seorang sahaja di Pasir Mas. Pasukan bomba di Pasir Mas terdiri dari sukarelawan yang saya menjadi pelatih mereka.

Supaya hilang kehairanan Tokguru kita, saya ceritakan-lah kepadanya, siapa nama saya, pekerjaan saya, dan bila saya datang ke Pasir Mas dari Kota Bharu.

Saya ceritakan yang saya adalah Setiausaha PAS cawangan Pasir Mas yang baru ditubuhkan. Saya adalah akar sementara menanti rotan. Kemudian saya ulangi pelajaran yang diajarkan oleh beliau. Saya bertanya beliau sekiranya penjual unta yang sengaja membiarkan susu unta itu tidak diperah, supaya dipercayai oleh pembeli bahawa unta itu adalah dari jenis susu yang banyak, tidak mahu menerima kembali unta itu bersama segantang buah tamar dan tidak mahu mengembalikan wang harga unta itu kepada pembeli yang telah sedar ia tertipu, maka bagaimana hendak dibuat.

Tokguru kita menjawab, "Sipenjual mestilah mengembalikan wang harga unta itu kepada pembeli."

Saya tanya lagi, "Bagaimana kalau sipenjual tidak mahu kembalikan wang, dan sipembeli berkeras hendak mengembalikan unta itu, kerana ia tidak rela ditipu?"

Tokguru mengatakan wajib bagi penjual menerimanya. Saya ulangi lagi. Adapun yang mengenai hukum adalah sudah jelas. Tetapi jika hal itu berlaku sekarang dan si-penjual enggan menerima, sedang sipembeli tetap mahu wangnya dikembalikan, sudah tentu berlaku percaduhan, mungkin sampai berbunuhan-bunuhan. Kemanakah mereka akan dibicarakan, atau akan diadilkan?

SURAT KEDUA

Muka Tokguru sudah mulai merah menahan perasaan. Saya teruskan mengulas tentang tidak ada hukuman Islam sekarang dan segala-gala yang berhubung dengannya.

Saya terangkan kepada Tokguru kita betapa pandangan daripada orang-orang yang setengah terpelajar dan yang terpelajar terhadap agama dan guru-guru agama. Saya jelaskan pengalaman-pengalaman saya berhubung dengan sikap yang menghina dan berpura-pura memuliakan Tokguru-tokguru yang saya saksikan sendiri di majlis-majlis di mana-mana negeri pun. Sebabnya ialah kerana pendidikan Inggeris (Nasrani) telah benar-benar berjaya memutar sebahagian dari manusia muslimin hingga mengikut cara hidup mereka (Millatahum).

Tokguru yang tadinya merah padam mukanya kerana marah, sekarang mulai tenang dan memberi perhatian kepada apa-apa yang saya perkatakan.

Beliau telah mulai memahami maksud kedatangan saya. Dan saya dapat merasakan bahawa setiap kata-kata saya diterima oleh Tokguru kita. Tetapi bagaimanapun satu hal yang nyata ialah tanda-tanda kehairanan itu masih kelihatan. Mungkin, Tokguru kita memikirkan tentang diri saya sendiri.

Saya sedar bahawa banyak dari kawan-kawan kita merasa hairan mengapa saya boleh berbicara tentang agama, dan menjadi setiausaha partai Islam. Surat saya ini tidaklah hendak menceritakan riwayat hidup saya, di mana persekolahan saya, mengapa saya telah meninggalkan tempat lahir saya di Kulim, Kedah, mengapa saya berada di dalam pasukan Bomba atau Fire Brigade, mengapa dan apa yang menyebabkan saya memasuki perkhid-

matan bomba, mengapa saya memilih Kelantan sebagai tempat pertukaran saya dari pusat latihan di Kuala Lumpur, dan berbagai-bagai lagi yang telah berlaku sebelum saya menceburkan diri di dalam perjuangan PAS. Semuanya tidak perlu diceritakan dalam surat-surat saya menerusi buku ini.

Cerita-cerita saya yang serba lengkap, seperti juga cerita-cerita semua manusia, tidak ada suatu pun yang tertinggal dari catitan di dalam rekod simpanan Allah, Tuhan saya dan Tuhan kita semua.

Kisah-kisah yang saya sedang tulis dan yang akan ditulis kepada saudara, adalah cerita-cerita yang berhubung dengan perjuangan saya di dalam PAS, iaitu sebahagian dari cerita-cerita sejak saya menyertainya dan sehingga saya mengundurkan diri daripadanya.

Kira-kira 10 hari atau dua minggu selepas saya menemu Tokguru kita, pada suatu hari sahabat kita, Ahmad Yatim, yang menjadi penolong Setiausaha cawangan, telah memberitahu saya ada seorang lebai datang mencari saya.

Pada hari keesokannya, saya menunggu lebai yang berjanji akan datang lagi itu. Beliau datang dan meminta saya datang ke pondoknya di sebuah kampong kira-kira tiga batu jauhnya dari bandar Pasir Mas. Saya telah lupa siapa namanya dan begitu juga nama kampung itu.

Pada waktu yang ditetapkan, pergilah saya ke sana dengan basikal yang saya pinjam dari seorang kawan. Kebanyakan gerakan saya di Pasir Mas, biasanya saya pergi bersendirian. Kawan-kawan tidak ada waktu untuk ikut bersama. Tetapi hal itu tidak menjadi apa-apa kepada saya. Saya bergerak kerana Allah, dan kerana itu saya serahkan diri saya kepada Allah, dan cukuplah Allah

SURAT KEDUA

sahaja menjadi pembela dan menjadi saksi.

Saya telah bersyarah dan semua yang hadir bersetuju menjadi ahli PAS. Dan mereka pun mahu menubuhkan ranting. Sungguh mudah sekali.

Apabila selesai dipilih jawatan kuasa untuk ranting PAS itu, sambil minum kopi, kawan kita Tokguru yang telah dipilih menjadi Ketua ranting pun menceritakan kepada saya, bagaimana kisah yang mendorongkan beliau pergi mencari saya di pejabat PAS cawangan Pasir Mas.

Tokguru muda ini telah melawat gurunya beberapa hari yang lalu. Dan Tokguru tua itu menceritakan kepada saya kisah kedatangan saya ke pondok dan bercakap panjang berkenaan perjuangan Islam. Kesimpulan dari Tokguru kita, bahawa apa-apa yang saya cakapkan adalah benar. Tetapi beliau memberi ibarat iaitu: Kita ini buta. Kalau dia juga buta (maksudnya saya), tentu sama-sama akan jatuh kelongkang.

Didorong oleh cerita Tokguru tua, maka itulah yang menyebabkan lebai atau Tokguru muda itu telah mencari saya.

Kepada Allah saya menyatakan syukur atas kejayaan usaha saya dalam waktu yang singkat di Pasir Mas.

Sungguhpun begitu, tentulah terlalu besar kesilapan saya, jika saya menyangka semuanya adalah sayalah yang menyebabkan kejayaan perkembangan PAS di Pasir Mas.

Kawan-kawan kita, masing-masing mempunyai peranan sesuai dengan kemampuan mereka. Mereka itu juga ber- cakap dan juga mengajak orang kepada PAS, sesungguhnya pada tiap-tiap kejayaan yang menggembirakan itu ialah kerana adanya kerjasama dan rasa persaudaraan

yang tumbuh di hati mereka yang sememangnya telah menunggu-nunggu adanya pimpinan dan gerakan yang seperti itu.

Telah lama saya perhatikan sebelum PAS ditubuhkan lagi, bahawa di dalam diri rakyat di Kelantan ada tersimpan sesuatu keistimewaan, dan jika ada pimpinan yang jujur, mereka dapat digembelingkan menjadi contoh atau modal yang sebaik-baiknya.

Saya melihat ruh agama telah sedia ada tertanam di dalam hati rakyat, tetapi ianya bersifat negatif, dan apabila ada pimpinan dan gerakan yang merupakan positif ditemukan, maka akan terpancarlah daya kuasa yang tersimpan selama ini.

Dalam hal ini jasa Tokguru-tokguru dalam mempertahankan keyakinan Islam, adalah satu jasa yang sangat bernilai, semoga Allah membala mereka dengan sebaik-baik balasan.

Sungguhpun ada kelemahan-kelemahan mereka dalam cara penyampaian agama, dan kerana itulah saya katakan, jasa besar mereka ialah mempertahankan keyakinan Islam. Adalah tidak adil untuk mengatakan mereka itu sebagai penghalang kemajuan dan sebagainya. Bagi saya, mereka, guru-guru agama di pondok-pondok itu adalah pahlawan-pahlawan yang telah berjuang sebelum kita berjuang dengan mempertahankan keyakinan umat kepada agama Allah, sekalipun dalam bentuk dan cara yang sangat ketinggalan zaman.

Sekarang adalah kewajiban angkatan muda menyambungnya, seperti saya di zaman itu, dan seperti saudara di zaman ini. Kewajiban ini adalah tugas mulia yang

SURAT KEDUA

tidak mengenal erti bersara selama hayat kita masih diperpanjangkan oleh Allah. Berilah sumbangan yang mampu oleh kita, sesuai dengan keadaan dan waktunya. Allah sangat cepat menghitung segala-galanya.

Sekian sahaja. Wabillahittaufik wassalamu'alaikum.
w.w.

SURAT KETIGA

Saudaraku yang dihormati,

Saya menulis lagi kepada saudara sebagai surat saya yang ketiga. Cerita-cerita ringkas yang dikemukakan ini adalah sebahagian dari cerita-cerita panjang dan lengkap yang sudah pasti semuanya tidak ada yang ketinggalan satu jua pun daripada rekod simpanan Allah.

Adapun surat saya ini adalah merupakan tulisan saya sekadar apa-apa yang dapat saya ingat, dan yang saya fikir ada baiknya dituliskan. Yang demikian tentulah banyak pula, yang sekalipun saya masih ingat, tetapi tidak saya tuliskan. Apatah lagi yang tiuak teringat oleh saya, atau yang dapat saya mengingatinya tetapi kurang lengkap ingatan saya mengenainya, maka tidaklah saya tuliskan di dalam surat-surat ini.

Dalam bulan Ogos, 1953, PAS mengadakan Mesyuarat Agungnya yang kedua, di Bagan Datok, Hilir Perak. Cawangan Pasir Mas yang baru ditubuhkan di dalam bulan Julai, 1953 belum dapat menyertainya.

Di dalam mesyuarat itu, Dewan Pemuda PAS telah ditubuhkan, dan ketuanya ialah Ustaz Osman Abdullah. Dalam mesyuarat itu juga telah dibuat satu keputusan yang sangat penting. Iaitu, sesuatu persoalan yang mengenai kepentingan nasional tidak boleh diputuskan oleh Jawatankuasa Agung PAS, tetapi hendaklah dibawa kepada satu Mesyuarat Agung khas untuk diputuskan.

SURAT KETIGA

Dengan adanya keputusan Mesyuarat Agung yang seperti itu, maka Dewan pimpinan PAS, atau Jawatankuasa Agung PAS yang sedang bertentangan atas suatu persoalan nasional terpaksa memanggil satu Mesyuarat Agung khas pada 26hb September, 1953.

Surat undangan dari pejabat agung PAS, semasa itu, di Tanah Liat, Bukit Mertajam, Pulau Pinang, telah saya terima. Bersama-samanya juga ada surat lain, iaitu satu surat peribadi dari Muhammad Asri bin Haji Muda, yang menggesa supaya saya ikut serta di dalam Mesyuarat Agung khas itu.

Kawan kita ini bekerja di pejabat Agung PAS sebagai pembantu. Sekalipun tidak diberi nama jawatan beliau, namun dapat dimengerti, kedudukan beliau seolah-olah sebagai Setiausaha kerja di pejabat Agung, di mana waktu itu Setiausaha Agung PAS ialah Encik Ahmad bin Awang, yang masih di dalam perkhidmatan guru, sebagai guru besar di satu sekolah rendah Melayu pada waktu itu.

Kawan kita, Muhammad Asri juga baru menyertai PAS pada tahun 1953. Hasil dari permintaan Ustaz Osman Abdullah, (sekarang Haji Othman) dan terus berkhidmat sebagai pegawai tetap di pejabat agung PAS.

Apabila beliau menerima surat-surat saya sebagai setiausaha cawangan Pasir Mas, tentulah beliau dapat meningat saya yang sebenarnya telah berkenalan dan bergambar bersama-sama dengan dua teman yang lain di Kota Bharu kira-kira pada tahun 1949 atau pada awal tahun 1950.

Demikianlah saudara berbagai-bagai kejadian boleh berlaku jika dikehendaki Allah. Pada suatu hari, saudara Muhammad Asri telah datang ke rumah saya di Kota Bharu. Beliau datang bersama-sama saudara Hasan bin Haji

KENAPA SAYA TINGGALKAN PAS

Yaakub, dan Abdul Rahim dari Kampung Masjid Kota Bharu. Dalam pertemuan itu, tidak ada perbualan panjang. Mereka mengatakan cuma datang berjalan-jalan sahaja, kerana Muhammad Asri baru balik ke Kelantan. Dan kemudian mengajak saya keluar bersama untuk mengambil gambar sebagai kenangan.

Muhammad Asri, Hasan dan Abdul Rahim adalah kawan lama, dan mereka adalah pemuda-pemuda dari API atau Angkatan Pemuda Insaf. Saya berkenalan dengan Hasan dan Abdul Rahim setelah API diharamkan, di mana banyak daripada mereka di Kelantan telah ditangkap oleh British bersama-sama pemimpin-pemimpin PKMM atau Parti Kebangsaan Melayu Malaya.

Di antara pemimpin-pemimpin API itu, ada juga yang cerdik dan melarikan diri dari Kelantan. Bila Muhammad Asri kembali ke Kelantan dan bertemu dengan teman-teman seperjuangannya, mereka berbincang hebat mengenai politik.

Cara berfikir, Hasan dan Abdul Rahim masih sama seperti dulu, ke kiri. Selalunya radikal dan progresif. Tetapi cara berfikir Muhammad Asri sekarang telah berubah. Beliau memandang politik nasional dengan kacamata Islam. Mereka berdebat panjang. Kawan-kawan lamanya mengatakan, tidak ada orang yang berfikir seperti ini di Kota Bharu, selain dari Amaluddin yang bekerja Fire Brigade.

Muhammad Asri telah menceritakan kepada saya, setelah kami bertemu di rumahnya di Tanah Liat, Bukit Meratajam. Kerana itulah dia mengajak Hasan dan Abdul Rahim datang ke rumah saya untuk melihat dan mengenali saya dari dekat.

Saudara, cerita-cerita lama ini tentulah saudara tidak

SURAT KETIGA

mengetahui, kalau tidak saya ceritakan di dalam surat ini.

Cerita-cerita seperti ini tentu ada gunanya juga buat saudara mengetahuinya, kerana ianya adalah sebahagian dari sejarah perjuangan di negara kita ini.

Saudara, sebelum ini, saya telah terangkan kepada saudara tentang undangan Mesyuarat Agung khas PAS, yang akan diadakan di Tanah Liat, Bukit Mertajam, pada 26 September 1953.

Saya hadzir mesyuarat ini. Cawangan Macang tidak ikut serta, kerana mereka baru berusaha merasmikan penubuhannya. PAS cawangan Pasir Mas juga terlalu baru. Anggota-anggotanya bertaburan di seluruh Pasir Mas dan Tanah Merah. Umumnya kami adalah orang-orang miskin, kecuali beberapa orang anggota yang boleh dikatakan orang-orang yang berada.

Untuk memenuhi keperluan perjalanan, satu gerakan kilat mencari derma telah dibuat, dan alhamdulilah telah didapati, sekalipun masih jauh dari mencukupi. Saya telah berangkat melalui daerah Utara Semenanjung atau Selatan Siam dengan keretapi.

Persidangan akan dimulakan padi-pagi besuk. Semalam itu saya lakukan tinjauan terhadap para perwakilan yang telah sampai.

Sebelum itu, saya telah menemui kawan kita Muhammad Asri. Dari beliau saya dapat memahami persoalan yang akan dibincangkan iaitu Yang Dipertua Agung PAS,

Haji Ahmad Fuad, telah melibatkan dirinya dengan apa yang dikatakan 'National Conference' yang dipelupuri oleh Datuk Onn.

Sementara itu mereka yang hatinya kepada UMNO dan Tunku Abdul Rahman mahu supaya PAS menyertai apa yang dinamakan 'National Convention' tajaan UMNO-MCA.

Inilah pertentangan yang timbul di dalam pucuk pimpinan Persatuan Islam Sa-Malaya, yang menyebabkan dipanggil Mesyuarat Agung Khas.

Dari tinjauan yang saya lakukan nyatalah lebih ramai mereka yang akan menyokong pendirian Haji Ahmad Fuad. Ustaz Osman Abdullah, Ketua Pemuda PAS, adalah satu daripadanya.

Malam itu kebanyakan perwakilan termasuk saya tidur di madrasah 'Asriah. Saya bersempahyang malam dan memohon supaya Allah memberi saya kebolehan bercakap di dalam mesyuarat besuk.

Saudara tidak tahu, bahawa bagi saya, mesyuarat ini adalah satu mesyuarat yang besar iaitu perhimpunan yang bersifat perwakilan dari negeri-negeri yang pernah saya menghadzirinya. Saya mesti berbicara menyatakan pendapat saya dalam persoalan yang sangat penting ini. Jika tidak akan berbicara, untuk apa saya datang membuang wang dan waktu di mesyuarat itu.

Perkara dan persoalannya telah saya fikirkan. Saya mempunyai mandat yang mengizinkan saya berbuat menurut kebijaksanaan saya. Saya telah datang untuk berbuat, saya telah meninjau duduk perkara dan simpang siur jalan fikiran perwakilan dan saya pun telah bersedia untuk mengambil bahagian di dalam mesyuarat yang akan di-

SURAT KETIGA

mulakan beberapa jam lagi.

Ini semua bagi saya adalah sebahagian dari ibadat kepada Tuhan kita. Justeru kerana itu, sebagai muslim, saya tidak sepatutnya bersikap angkuh dan bertindak tanpa menyerah diri kepada Allah. Saya sembahyang dan berdoa memohon pertolongan Allah dengan seluruh perasaan saya. Engkau yang kami sembah ya Allah, dan Engkaulah yang kami mohon pertolongan.

Mesyuarat Agung Khas PAS telah dimulakan. Saya telah lupa, siapakah pengurus mesyuarat hari itu, kalau tidak silap ingatan saya, ialah Haji Mokhtar dari Pulau Pinang.

Ajendanya hanya satu sahaja, iaitu menentukan sikap PAS, masuk menyertai National Conference atau National Convention.

Haji Ahmad Fuad, bangun mengemukakan cadangan dan menarik perhatian kepada persoalan mengapa perluinya PAS menyokong dan menyertai National Conference.

Apabila selesai Yang Dipertua Agung PAS berbicara, maka Pengurus pun membuka peluang membincangkan ajenda yang berkenaan, dan saya pun bangun dan meminta izin untuk bercakap.

Dengan izin pengurus, mulalah saya berbicara. Saya katakan bahawa persoalan yang sedang kita hadapi adalah satu persoalan yang besar. Iaitu persoalan yang akan membawa kita dan negara kita kepada kemerdekaan.

Kemerdekaan adalah suatu perkara yang mutlak. Sebagai muslimin, kita tidak boleh rela kepada penjajahan. Muslimin mesti merdeka. Kerana PAS mahukan kemerdekaanlah maka saya menyertai PAS.

Penjajah Inggeris, adalah musuh muslimin di mana-

mana sahaja. Demikian saya terangkan dengan suara yang lantang. Maklumlah saudara, masa itu saya sedang muda benar, kira-kira baru 25 tahun berada di dunia ini.

Saya ceritakan kejahatan Inggeris, putar belit Inggeris, rencana Inggeris di Tenggara Asia dan akibatnya kepada muslimin dan agama Islam.

Saya khabarkan betapa Malcom McDonald, Pesuruh-jaya Tinggi di Tenggara Asia, yang tinggal di Istana Bukit Sirin, Johor sedang memainkan jarum halusnya.

Saya tunjukkan bandingan antara kemahuan National Conference yang dipimpin oleh Datuk Onn, dan kemahuan National Convention yang dipimpin oleh Tunku Abdul Rahman.

Perjuangan dan tuntutan National Conference menuju kepada pemerintah sendiri, 'Self Government'. Perjuangan dan tuntutan National Convention adalah pilihanraya yang segera dan kemerdekaan.

Keduanya mempunyai perbezaan. Tetapi apa yang di-perjuangkan oleh National Convention adalah memper-cepatkan kemerdekaan. Kemerdekaan adalah suatu yang harus dicapai sekarang juga, jika dapat.

Demikianlah saya berucap, sebagai wakil PAS cawan-gan Pasir Mas. Saya berbicara panjang sekali. Saya lihat semua perwakilan dan para pemerhati sungguh-sungguh memberi perhatian kepada ucapan saya. Sementara itu, ada juga yang kelihatan gelisah dan ke merah-merahan wajahnya.

Saya dapat menduga yang ucapan saya telah merubah dan sedang merubah pemikiran kebanyakan peserta-peserta Mesyuarat Agung Khas PAS pada hari itu.

Ucapan saya yang panjang itu tidak diganggu oleh

SURAT KETIGA

pengerusi atau oleh sesiapa pun dari peserta Mesyuarat Agung. Ucapan itu betul-betul seperti pidato dirapat umum. Apabila saya merasa telah cukup, maka saya kemukakan cadangan atas nama PAS cawangan Pasir Mas, iaitu: Bahawa Mesyuarat Agung Khas PAS yang bersidang hari ini bersetuju menyokong tuntutan National Convention, tetapi PAS tidaklah ikut menyertai di dalam National Convention atau Perhimpunan Kebangsaan.

Cadangan dari Pasir Mas menjadi perbahasan. Gulungan yang masih UMNO, seperti Haji Ahmad Maliki dan Haji Ahmad bin Haji Abdullah atau lebih terkenal sebagai Haji Ahmad Badwi, menerima cadangan dari Pasir Mas dengan pindaan:

Bahawa Mesyuarat Agung Khas PAS yang bersidang hari ini bersetuju menyokong tuntutan Perhimpunan Kebangsaan, dan PAS ikut menyertai di dalamnya.

Saya tidak menerima pindaan, yang mahu membawa masuk PAS ke dalam National Convention, sepertilah juga saya tidak mahu PAS diseret masuk ke dalam apa yang dikatakan National Conference atau Persidangan Kebangsaan.

Perdebatan terjadi pada 'amnya ialah menyokong cadangan Pasir Mas, dan juga menyokong dengan pindaan. Suara-suara menentang cadangan Pasir Mas, kerana mereka mahukan PAS masuk National Conference hanya dari beberapa orang ahli-ahli jawatankuasa agung. Dan dari cawangan, hanya dua cawangan sahaja, yang begitu kuat mempertahan harapan Haji Ahmad Fuad. Adapun cawangan-cawangan itu ialah cawangan Kuala Lumpur dan cawangan Rembau.

Saya mengharapkan Haji Ahmad Fuad dapat bertolak

KENAPA SAYA TINGGALKAN PAS

ansur dengan cadangan saya. Rupanya tidak sama sekali. Beliau telah terikat dengan Datuk Onn, dan malam itu juga beliau mahu bertolak ke Kuala Lumpur dengan kere-tapi untuk menghadziri mesyuarat National Conference.

Melihat keadaan yang begitu tegang, dan untuk mempercepatkan selesai persidangan itu, akhirnya saya menerima pindaan dari Haji Ahmad Maliki atau Haji Ahmad bin Haji Abdullah (sekarang Datuk). Hal ini tidak dapat saya ingat dengan tepat. Kedua-duanya ialah dari orang-orang yang masih kuat betul dengan UMNO, dan mereka adalah ahli-ahli jawatankuasa agung PAS pada waktu itu.

Saya telah menerima pindaan mereka dengan tambahan ayat, yang bermaksud kurang lebih: Bahawa Mesyuarat Agung Khas PAS yang bersidang pada hari ini bersetuju menyokong tuntutan National Convention dan ikut menyertai di dalamnya, dengan syarat sekiranya didapati sesuatu yang bertentangan dengan kepentingan cita-cita perjuangan PAS, maka PAS hendaklah menarik diri dari padanya.

Syarat yang saya tambah itu telah diterima oleh golongan UMNO di dalam PAS. Dan apabila diundi, nyata-lah usul itu telah diterima dengan suara yang terbanyak oleh persidangan itu. Undi-undi dari mereka yang pada mulanya telah bercadang untuk menyokong Haji Ahmad Fuad.

Penyokong-penyokong kuat Haji Ahmad Fuad muram. Wakil-wakil dari cawangan Rembau dan Kuala Lumpur memperlihat perasaan marah dan keciwa yang tidak dapat dikawal oleh mereka.

Haji Ahmad Fuad bangun menyatakan perasaan duka-citanya yang amat sangat. Beliau mengatakan, beliau ada-

SURAT KETIGA

lah driver yang mempunyai lesen. Kerana itu keputusan dari driver-driver yang tidak berlesen tidaklah dapat di-terima olehnya. Dan kerana itu, "Saya terpaksa meletakan jawatan dan menarik diri dari PAS," demikian Tuan Haji Ahmad Fuad memberi ketegasannya kepada majlis Mesyuarat Agung PAS.

Dengan berundurnya Haji Ahmad Fuad dari PAS, maka terpaksalah dibentuk majlis pemangku pimpinan partai, oleh sebab pada ketika itu Timbalan Yang Dipertua Agung PAS, iaitu Dr. Haji Abbas, sedang berada di Mekah.

Hasil dari mesyuarat itu, beberapa orang telah betul-betul marah kepada saya. Orang-orang dari Hilir Perak, seperti Osman Abdullah dan Haji Ahmad bin Haji Ali, sekalipun menyokong Haji Ahmad Fuad, tetapi tidaklah menarik diri dari PAS, dan tidak pula marahkan saya.

Muhammad Asri yang sepanjang mesyuarat itu tidak dapat berbicara, kerana beliau adalah kakitangan dari pejabat agung PAS, telah menyatakan penghargaannya kepada saya.

Gulungan UMNO dalam PAS tidak dapat menunjukkan sikap mesra kepada saya. Kerana mereka tahu saya tidaklah dapat menerima UMNO, seperti yang mereka harapkan.

Ucapan saya cukup jelas, iaitu saya mahu satu partai Islam yang tidak menjadi alat atau diperalatkan oleh se-siapa juapun. Cita-cita perjuangan Islam adalah tidak bersamaan dengan cara perjuangan UMNO. Mengenai dengan tektik perjuangan, mungkin ada titik persamaan dalam sebahagian perkara. Tetapi matlamat perjuangan dan cara menyampainya adalah satu perkara yang lain pula. Islam

mempunyai caranya yang berpandu kepada kitab Allah Al-Quran dan sunnah RasulNⁱ iaitu Hadis. Kewajiban kita menta'atinya.

Sekembali saya ke Pasir Mas, saya telah memikirkan persoalan keanggotaan PAS. Allah menarangkan di dalam Quran, iaitu Allah tidak jadikan dua hati di dalam satu dada manusia. Justeru kerana itu soal keanggotaan Persatuan Islam Sa Malaya perlu diberi perhatian yang sungguh-sungguh supaya PAS dapat menjadi satu parti yang benar-benar akan menjadi contoh perjuangan Islam di zaman ini.

Saudara mungkin menyangka saya terlalu fanatik. Sangkaan seperti itu adalah tidak tepat. Saya tidak fanatik dalam berpartai. Pergaulan saya sebelum berpartai dan se-sudah berpartai tidak pernah sempit. Saya mahu berkenalan dengan siapa-siapa pun. Tidak kira apa parti atau apa ideolojinya atau apa agamanya manusia itu. Saya tidak mahu putus hubungan dengan manusia di bumi ini, seperti saya tidak mahu putus hubungan dengan Tuhan manusia.

Tetapi dalam soal keyakinan, saya adalah tegas dengan apa yang ditunjuk oleh Allah. Dalam soal ini, bagi saya tidak ada tolak ansur. Jika kerananya boleh menyebabkan rosak saya dengan agama saya.

PAS cawangan Pasir Mas terus bergerak. Ranting-

SURAT KETIGA

ranting baru terus bertambah. Perkembangan PAS di kawasan Pohon Tanjung, Alor Pasir dan Meranti sangat menggalakkan. Di sini telah sedia ada seorang hamba Allah yang mempunyai peribadi yang baik, iaitu Ustaz Abdullah bin Ahmad yang telah lama bergaul dengan orang-orang di sana. Melalui beliau, dan Tokguru-tokguru kita seperti Haji Daud Meranti, Haji Mokhtar Siram, PAS adalah cukup subur. Di sana, di Pohon Tanjung juga ada seorang India muslim yang beristeri Melayu, dan mempunyai kedai menjual barang-barang runcit dan juga sebagai kedai kopi.

Orang India muslim ini, dikenali sebagai Pak Cik Ali. Kedainya menjadi tumpuan orang dan beliau juga rajin bercakap. Selain daripada mereka, ramai lagi yang telah menjadi pelupur kegiatan PAS pada masa itu.

Sepanjang tahun 1953 itu tidak ada rapat-rapat umum yang dibuat. Semua syarahan penerangan PAS dibuat di masjid-masjid dan surau-surau atau di rumah-rumah sahaja.

Di Pasir Mas, saya mulai membuat kursus seminggu sekali bertempat di sebuah sekolah Arab yang berbentuk bangsal kecil, di Kubang Bemban. Sekolah yang kecil dan lemah itu mempunyai seorang guru yang berjiwa besar, namanya Ustaz Yusuf, berasal dari Pahang.

Malam pertama saya mulai memberi kursus perjuangan dan politik Islam, hanya beberapa belas sahaja yang hadir.

Malam-malam yang lain peserta-peserta kursus bertambah dan terus bertambah. Di antara mereka ada yang suka berdiri di luar, di tempat-tempat yang gelap. Akhirnya saya mendapat tahu dari mereka yang telah beberapa kali suka berada di tempat gelap itu, bahawa mereka ditugas-

kan oleh Tokguru pondok mereka mengikuti apa yang saya kursuskan. Tugas mereka melapurkan kepada Tokguru mereka.

Setelah beberapa kali mereka ikuti, dan melapurkan kepada Tokguru mereka, ternyata tidak ada sesuatu yang dianggap bertentangan, maka murid-murid Tokguru yang kanan dan lain-lain mulai menyertai PAS. Dan Tokguru menyokong dengan penuh hati.

Saudara.

Sementara memasuki tahun 1954, ada dua kejadian yang saya masih tidak melupainya. Pertama di sebuah kedai kopi orang Malabar di Pasir Mas. Kedua di pejabat Kadi Pasir Mas,

Cerita yang pertama; suatu hari saya sedang bercakap-cakap dengan seorang hamba Allah mengenai perjuangan PAS. Tiba-tiba masuklah dua orang lelaki India muslim. Seorang daripadanya memakai kain putih dan berbaju kot tebal berwarna biru.

Beliau mengambil tempat di sebelah meja saya. Tuan punya kedai itu datang bercakap-cakap dengan hamba Allah itu dalam bahasa mereka. Nampaknya orang ini sangat dihormati.

Saya berbicara dengan kawan saya untuk menyakin-kannya kepada perjuangan Islam. Kerana kawan ini sungguh pun keturunan muslim, tetapi kepercayaannya le-

SURAT KETIGA

bih kepada ideoloji atau cara hidup sosialis.

Saya menerangkan kepada kawan ini tentang ideoloji atau cara hidup Islam. Tentu dikuatkan dengan ayat-ayat Quran dan beberapa hadis.

Kerana saya sering membaca ayat-ayat Quran dan hadis, rupanya tamu kehormat tuanpunya kedai itu tertarik hati mendengarnya. Berkali-kali dia memerhati saya. Akhirnya saya beri senyuman kepada dia, dan bertanya siapa dirinya dan dari mana datangnya dengan bahasa Inggeris.

Beliau menerangkan, yang dia datang dari Malabar, India, untuk mencari derma bagi sebuah kolej Islam di sana yang dia adalah pengetuannya.

Beliau mengatakan kepada saya, beliau tidak dapat faham apa-apa yang saya perkatakan. Tetapi kerana melihat saya begitu serius, serta menyebut ayat-ayat Quran dan hadis membuat dia ingin tahu apakah yang saya bincarakan.

Kepada beliau saya katakan bahawa saya adalah Setiausaha Persatuan Islam di Pasir Mas, dan matlamat PAS ialah mencapai kemerdekaan negara dari British dan menubuhkan sebuah negara yang menjalankan hukum-hukum Allah di dalamnya.

Saudara kita dari Malabar ini begitu terperanjat. Beliau tidak dapat menerima yang hal ini boleh dilakukan di Tanah Melayu. "Engkau orang boleh dapat kemerdekaan dari British," katanya. "Tetapi menjalankan hukum-hukum Allah atau menjadikan negara ini sebuah negara Islam adalah mustahil." Demikian antara lain beliau katakan kepada saya. Sebahagian besar kata-katanya tidak perlu saya ceritakan di dalam surat ini.

Kepada orang 'alim dari Malabar ini saya katakan baha-wa saya sedang berjuang untuk mencapai cita-cita muslimin ini. Saya percaya Allah akan menolong hamba-hambaNya, dan saya sebutkan ayat Quran yang bermak-sud: *Janganlah kamu merasa hina, dan janganlah kamu berduka-cita. Kamulah yang paling tinggi, sekiranya kamu beriman.*

Tahukah saudara, apa katanya pula, "Where is Muk-minin in Malaya? Saya mendapat tahu sekalipun baru dua minggu saya sampai di Malaya, pemimpin-pemimpin kamu adalah gemarkan arak dan mudah dibeli." Demikian tegas beliau.

Sungguh-sungguh saya merasa begitu marah. Tetapi saya mesti memaafkannya. Kerana beliau hanya mendapat maklumat dari beberapa orang yang tentu tidak mengetahui keseluruhannya, kecuali sebahagian yang memang sukar hendak dinafikan.

Peristiwa yang kedua ialah: Pada suatu hari yang lain saya sedang berada di pejabat Kadi Pasir Mas. Tuan Kadi berada di luar biliknya, bercakap-cakap dengan saya dan beberapa orang lagi pegawai-pegawai agama.

Saya sering juga berbual-bual di sana, tetapi biasanya yang dibicarakan ialah persoalan yang khusus mengenai agama.

Saya tidak ingat lagi hari apakah itu. Tetapi saya masih ingat kira-kira jam 11.00 pagi dua orang lelaki dalam pakaian barat yang lengkap telah masuk ke pejabat itu sambil memberi salam.

Seorang kelihatan berumur lebih lima puluh tahun, dan seorang lagi masih muda dalam lengkongan dua puluhan.

SURAT KETIGA

Yang tertua memperkenalkan diri dalam bahasa 'Arab, dan menerangkan yang beliau adalah Ketua sebuah sekolah agama Islam di Bangkok. Kedatangan beliau untuk melihat-lihat negeri jiran dan menghubungi muslimin di sini.

Setelah berjabat tangan dengan semua yang ada, beliau dipersilakan duduk. Tetapi sebelum beliau duduk, Tuan Sheikh Abdul Rahman, demikian sebahagian namanya, ada lagi dihujungnya yang saya telah lupa, di mana menunjukkan beliau adalah keturunan Arab, telah meminta izin untuk membaca Al-Quran.

Tuan Kadi pun mengatakan, silakan. Beliau pun duduk dan membaca beberapa ayat dari surah *Al-Imran*, iaitu daripada ayat 100 hingga ayat 104. Beliau membaca dengan suara nyaring dan pada wajahnya dapat dilihat kesungguhan hatinya.

Ayat-ayat yang dibaca oleh Tuan Sheikh Abdul Rahman, adalah ayat-ayat yang merupakan garis-garis petunjuk Allah yang mengenai politik. Dan ayat-ayat ini bukan sahaja untuk waktu hidup Muhammad Rasulullah, tetapi untuk selama-lamanya kepada umat yang beriman dengan Allah dan Muhammad, supaya mengambil peringatan. Siapa yang mengambil peringatan daripada ayat-ayat ini, maka sesungguhnya akan ditunjuk kepada jalan yang lurus. Sesiapa yang melaksanakan tugas menyuruh berbuat yang baik-baik dan mencegah daripada segala yang jahat, merekalah yang mendapat kemenangan.

Alangkah hebatnya orang tua musafir ini. Beliau mensihatkan kita dengan apa yang dinasihatkan oleh Allah, yang telah disampaikan oleh Muhammad Rasulullah.

Kemudian beliau mula berbicara tanpa menyentuh se-

gala yang telah diperdengarkan sebentar tadi. Yang diperdengarkan tadi ialah sumbangan dari muslimin kepada muslimin, dan yang diperkatakan sekarang ialah tentang lawatan dan pertemuan antara warga negara dua negara berjiran.

Tentulah saudara mengerti, seperti saya juga mengerti ayat-ayat itu. Tetapi cara Tuan Sheikh kita dari Bangkok, menyampaikannya adalah mempunyai pengertian bagi mereka yang beriman dengan Quran.

Beberapa hari kemudian Tuan kadi mengundang saya ke rumahnya malam itu, kerana Tuan Sheikh Abdul Rahman akan bermalam di rumahnya dalam perjalanan kembali ke Thailand.

Selama beberapa hari di Kota Bharu, Tuan Sheikh kita menjadi tamu kepada Mufti Kelantan pada masa itu, iaitu Datuk Haji Ahmad Mahir. Pada malam yang berkenaan berhimpunlah beberapa ulama di rumah Tuan Kadi Haji Ismail. Saya seorang yang tidak dimasuk kira sebagai ulama ikut hadzir, dengan memakai lencana PAS.

Kami berbual-bual sambil makan. Saya tidak berbicara dengan Tuan Sheikh kita terlalu banyak. Dan saya tidak mahu menyentuh sesuatu di dalam majlis pegawai-pegawai tinggi jabatan agama yang boleh merosakan majlis itu. Pendek kata, saya lebih banyak mendengar dari bercakap.

Tetapi ada tamu-tamu yang mengusik-usik saya dan PAS. Saya terpaksa membela. Tuan Sheikh Abdul Rahman rupanya sangat memberi perhatian kepada apa-apa yang saya katakan.

Bila ada tamu yang tertentu pergi ke tandas, beliau memanggil saya hampir kepadanya dan beliau membisikkan ke telinga saya: "Jangan dilayan mereka yang tua-tua

SURAT KETIGA

ini, saya sudah beberapa hari bergaul dengan mereka. Anakku, kamu orang muda, buatlah apa yang sedang kamu buat. Ada banyak orang-orang yang mendo'akan kamu." Demikian bisik beliau kepada saya.

Saya katakan kepadanya terimakasih. Kemudian saya kembali ke tempat saya.

Cerita kedua ini pada saya mempunyai nilai dan kerana itu saya tidak pernah melupakannya.

Saudara. Sehingga ini saya tamatkan dahulu surat saya yang ketiga ini. Sungguhpun terlalu banyak kisah-kisah yang berlaku dan telah saya ceritakan kepada saudara, sebenarnya masih banyak lagi yang patut saya ceritakan, tetapi telah saya tinggalkannya.

Sekian, insya Allah kita bertemu lagi menerusi surat saya yang akan datang.

Wabillahittaufik, wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

SURAT KEEMPAT

Saudara yang diingati.

Surat-surat yang lalu, dan yang baru lalu, tentu telah saudara membacanya. Sehingga apa yang telah saya tulis itu masih lagi di dalam tahun 1953. Demikianlah yang dapat diceritakan kepada saudara, iaitu sedikit di antara cerita-cerita yang masih di dalam ingatan saya, dan yang patut saya ceritakan.

Tahun 1954 telah menjelang Perjuangan kemerdekaan di tanahair kita kian memuncak. PAS telah ikut hadzir di dalam National Convention hanya untuk dua kali persidangan sahaja. Dan sesuai seperti keputusan Mesyuarat Agung Khas, PAS telah pun mengundurkan diri dari National Convention, secara mundur teratur.

Pejabat agung PAS yang sewaktu diadakan Mesyuarat Agung Khas PAS, menumpang di Madrasah Masriah, terpaksa ditinggalkan, setelah Haji Ahmad Fuad menarik diri dari PAS.

Pemindahan yang tergesa-gesa telah terpaksa dilakukan, kerana Tuan Haji Ahmad Fuad, pengetua dan pengelola sekolah Masriah menghendaki begitu. Demikianlah cerita-nya saudara, PAS berhijrah ke Kepala Batas, menumpang berteduh di Madrasah atau sekolah yang dikuasai oleh Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah dan Haji Ahmad Maliki.

SURAT KEEMPAT

Kawan kita Mohammad Asri yang terpaksa ikut berhijrah menyatakan perasaannya yang sedih menghadapi kenyataan hidup menumpang di bawah naungan sekolah yang dikendalikan oleh orang-orang kuat UMNO itu.

Kasihan juga saya dengan kawan kita ini. Sebagai seorang pegawai, beliau mesti berada di pejabat dan bertemu mata dengan kawan-kawan kita yang menjadi ahli-ahli jawatankuasa agung PAS, tetapi hati mereka di dalam UMNO. Tuan Setiausaha Agung PAS, Cikgu Ahmad Awang, tidak perlu berada di sana sepenuh masa apatah lagi beliau terikat dengan tugasnya sebagai guru besar sekolah Melayu.

Dari segi perhubungan peribadi, Setiausaha Agung PAS, adalah keluarga yang dekat dengan Haji Ahmad bin Haji Abdullah. Tetapi kawan kita Mohammad Asri adalah berlainan sekali. Itulah yang saya katakan tadi, sungguh kasihan kawan kita itu.

Tunku Abdul Rahman dan rombongannya telah pergi ke London, membincangkan soal pilihanraya. Mereka membuat tuntutan kepada Inggeris. Dalam buku '*Utusan Ke London*' penulisnya iaitu T.H. Tan, setiausaha agung Perikatan UMNO-MCA, telah menyebutkan, kepada Inggeris telah diberitahu bahawa tuntutan pilihanraya yang dikemukakan oleh mereka adalah juga disokong oleh Persatuan Islam Sa-Malaya.

Sekurang-kurangnya dalam perjuangan kemerdekaan Tanah Melayu, nama PAS telah disebutkan oleh rombongan atau deligasi Perikatan sebagai satu tenaga yang juga menghendaki kemerdekaan. Tenaga parti Islam adalah satu tenaga yang British sangat mengerti, sebagai penjajah yang ulet dan matang, adalah satu tenaga yang tidak

boleh diperkecilkan. Ini bermakna secara langsung atau tidak secara langsung PAS adalah juga pemegang saham dalam perjuangan kemerdekaan tanahair kita.

Saudara.

Di Kelantan UMNO sedang menyusun diri sejak tahun 1953. Kawan-kawan saya gulungan progresif di Kota Bharu, seperti Nik Mat Datuk Amar, Hasan Haji Yaakub telah memasuki UMNO.

Pengaruh UMNO sedang dipulihkan kembali di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman. Suatu hari sebelum tahun 1954, saya datang ke Kota Bharu, kerana satu urusan. Sebelum kembali ke Pasir Mas, saya pergi ke rumah Nik Mat Datuk Amar untuk bertemu mata dengan kawan lama. Saya dapati orang terlalu ramai hampir penuh serambi rumahnya yang besar itu. Di hujung meja panjang tempat biasa kami berbincang soal-soal politik dan ideologi kelihatan Tuan besar kita Sardon bin Haji Jubir, masa itu belum bergelar apa-apa lagi. Beliau adalah Ketua pergerakan Pemuda UMNO Malaya.

Melihat saya tiba-tiba berada terdiri di situ, kawan saya pun nampaknya terasa serba salah. Dan saya sendiri pun memanglah dari segi sopan santun tidak patut datang ke majlis UMNO yang sedang menerima amanat dari Ketua pergerakan Pemuda UMNO Malay a itu.

Dari segi lain tidaklah ada apa-apa yang patut disalahkan saya pergi ke tempat itu. Saya hanya hendak bertemu.

SURAT KEEMPAT

Mereka adalah daripada kawan-kawan saya, mereka adalah Melayu dan mereka juga mengaku muslim. Yang demikian tidak ada salahnya saya menemui mereka. Andaikata semua mereka menukar fikiran dan mahu masuk menjadi ahli atau anggota PAS, itu adalah sebaik-baiknya.

Ketua pergerakan Pemuda UMNO, merenung tajam kepada saya, di sangkanya saya ini seorang ustaz, kerana saya memakai songkok pada hari itu. Maka berkatalah beliau, "Jemput duduk ustaz."

Saya ucapkan terimakasih, dan menyatakan saya datang secara kebetulan. Kawan kita pun membisik sesuatu. Tentulah yang dibisik itu menerangkan saya adalah Setiausaha PAS Pasir Mas. Dan mereka kelihatan sedikit cemas, maklumlah saya telah mendengar sebahagian daripada amanat penting yang merupakan tekit baru dari UMNO untuk mempengaruhi rakyat.

Saya sebenarnya tidak mempersoalkan tekit UMNO, kerana saya mempunyai tekit dan cara bergerak yang tersendiri. Bagaimanapun saya dengan hormat terpaksa meminta diri, kerana tentulah tidak ada sebab bagi saya menunggu di sana untuk bercakap-cakap dengan kawan lama yang sedang sibuk itu.

Kemudian saya pergi bertemu dengan Mohammad Daud bin Haji Saleh. Saya ajak beliau memasuki PAS. Encik Daud ini, saya dan kebanyakan orang memanggilnya Ayah Wok. Dia adalah di antara kawan-kawan saya gulungan tua. Saya tinggalkan borang permohonan menjadi ahli kepadanya setelah saya menerangkan perjuangan PAS, sebelum saya kembali ke Pasir Mas petang itu.

Encik Muhammad Daud ini adalah ipar kepada Muhammad Asri, dan saya telah kenal beliau sejak tahun

1947, ketika itu beliau di dalam Persekutuan Persetiaan Melayu Kelantan, satu pertubuhan yang mempelupuri perjuangan menentang Malayan Union di negeri Kelantan. Dan pelupur menubuhkan sekolah-sekolah rakyat di Kelantan.

Saudara mungkin tidak ingat atau tidak mengetahui perkara-perkara yang telah lalu seperti ini. Saya selalu cuba mengambil tahu seberapa banyak yang boleh saya dapat tahu. Kerana soal perjuangan ini adalah sambung menyambung dari seorang keseorangan, dari satu puak ke satu puak dan dari satu jenerasi ke satu jenerasi.

Biar apa pun yang sedang kita lakukan di zaman kita, sebenarnya kita sedang menyambung apa-apa yang telah dilakukan oleh orang-orang yang terdahulu daripada kita.

Orang-orang yang berbudi ialah orang-orang yang mengerti hakikat ini. Justeru kerana itu, pejuang-pejuang di zamannya hendaklah sentiasa memandang ke hadapan, dan menoleh juga ke belakang.

Saudara,

Dalam bulan April 1954, Ustaz Othman Abdullah, Ketua Pemuda PAS, dan juga Pegawai Penerangan PAS bersama-sama saudara Mohammad Asri telah datang ke Kelantan.

Rapat umum yang pertama telah dibuat di Pasir Mas, kemudian di Kota Bharu, dan diikuti pula dengan Pasir Putih dan Macang.

SURAT KEEMPAT

Sambutan rakyat di mana-mana sahaja ternyata cukup menggembirakan. Saudara Othman Abdullah telah menghembus bara yang tidak pernah padam di dalam jiwa rakyat. Api Islam dinyalakan kembali.

Semasa berada di Kelantan, saudara Mohammad Asri telah mula memikirkan kemungkinan kembali ke negeri Kelantan. Beliau dapat melihat dua cawangan PAS iaitu di Pasir Mas dan di Macang telah hidup subur, dan sekarang selepas rapat-rapat umum, cawangan Kota Bharu dan Pasir Putih telah ditubuhkan pula.

Yang Dipertua PAS di Kota Bharu ialah Mohammad Daud atau Ayah Wok, dan Yang Dipertua PAS di Pasir Putih ialah Ustaz Adam Kamel. Dengan ini sehingga tahun 1954, empat cawangan PAS telah ditubuhkan dan kemudian menjadi lima cawangan, dengan ditubuhkan pula cawangan Tanah Merah.

Penubuhan PAS cawangan Tanah Merah ialah dengan memindahkan ahli-ahli dan beberapa ranting di dalam jajahan Tanah Merah yang dulunya di dalam PAS cawangan Pasir Mas, kerana adalah menjadi dasar yang saya rencanakan iaitu satu cawangan PAS untuk satu jajahan di dalam negeri Kelantan.

Saya telah fikirkan, bahawa penyusunan partai menurut susunan pentadbiran negeri akan dapat melahirkan kader-kader politik PAS, sesuai dengan cara pemerintahan negeri.

Setiap persoalan rakyat dan masyarakat yang mesti diberi perhatian oleh partai adalah tertakluk kepada susunan pentadbiran masyarakat yang sedang berjalan.

Bentuk susunan masyarakat di negeri Kelantan adalah dari kampung-kampung menjadi mukim-mukim, dari

mukim-mukim menjadi daerah-daerah, dari daerah-daerah menjadi jajahan-jajahan, dan jajahan-jajahan itu tertakluk kepada pentadbiran negeri.

Saya tidak mahu memperbanyakkan cawangan-cawangan dan ranting-ranting. Kerana saya cukup sedar tentang kekurangan mereka yang layak menjadi pemimpin-pemimpin.

Saya tidak mahu ranting-ranting yang tidak mengerti bagaimana seharusnya mereka bergerak dan bertindak. Saya mahu satu susunan yang teratur dari bawah ke atas, dan dilatih mengerti tanggungjawab bagaimana menggerakkan partai di dalam masyarakat dan negara.

Tujuan PAS yang berbunyi hendak melaksanakan ajaran Islam di dalam masyarakat dan di dalam urusan pemerintahan negara, adalah boleh dicapai dengan beransur-ansur melalui cara yang saya fikirkan.

Saya percaya sebahagian daripadanya boleh dicapai sekalipun PAS belum berkuasa. Kerana dengan amalan anggota-anggota partai secara peribadi dan di dalam masyarakat PAS secara langsung, akan menolong mendatangkan keyakinan kepada manusia yang memerhati, baik dari keturunan muslimin atau bukan dari keturunan muslimin yang ada di dalam negara kita ini.

Kewajiban kita ialah menunjukkan tauladan dan kewajiban kita ialah menarik manusia kepada agama Allah.

SURAT KEEMPAT

Saudara,

Islam adalah agama fitrah, sesuai dengan tabiat semula jadi manusia. Tidak kira keturunan bangsa apakah manusia itu. Mereka boleh melihat, memikirkan dan jika Allah memberi petunjuk, mereka boleh menerima Islam sebagai agama atau sebagai 'way of life'.

Saya sama sekali tidak pernah merasakan Islam tidak mempunyai harapan menang di negara ini. Biar pun di negara kita ada berbagai-bagai keturunan bangsa dan berbagai-bagai apa yang dikatakan agama, tetapi saya sungguh-sungguh percaya jika PAS sebagai satu alat penyataan muslimin di negara ini, disusun menurut susunan masyarakat yang teratur. Digembelingkan kesedaran di dalam jiwa pengikut-pengikut. Dilaksanakan pengajaran Islam dengan teratur dan berdisiplin di dalam segala bidang, sosial, ekonomi dan kegiatan serta ikhtiar-ikhtiar politik, Insya Allah PAS akan menang dalam satu jangka yang pendek, seperti kejayaan Muhammad Rasulullah dalam tempuh yang singkat.

Muhammad lebih susah, kerana beliaulah sahaja seorang muslim di tengah-tengah masyarakat yang menyembah berhala. Adapun kita bukanlah hanya beberapa orang sahaja, tetapi beribu-ribu dan berjuta yang mengaku diri *wa ana minal muslimin*.

Saudara.

Saya berjuang bukan untuk politik, seperti pengertian orang-orang politik yang menganggap politik adalah permainan kotor. Saya berjuang sebagai seorang manusia muslim yang mengerti akan agamanya, dan kerana itulah saya ikut berpolitik. Saya ikut berpolitik kerana ianya sebahagian daripada petunjuk-petunjuk agama untuk menganangkan agama Allah.

Saya percaya kepada apa yang saya kata, dan kepada apa yang saya syarahkan. Cuma saya tidak dapat melaksanakannya sendirian. Kebahagiaan hidup menurut ajaran Islam hanya dapat dicapai melalui masyarakat manusia. Dan untuk mendapat sokongan manusia mestilah ada contoh tauladan dari pemimpin-pemimpin dan seluruh ahli-ahli PAS menerusi organisasinya.

Sebarang pertolongan yang diharapkan hanya daripada Allah semata-mata. Dan pertolongan Allah adalah sesuatu yang telah dijanjikan. Dan Allah adalah tidak pernah menyalahi janjiNya.

Langkah pertama telah saya kenalkan apa yang dikatakan hak orang Islam di atas orang Islam. Jika dijalankan dengan memahami pengertian, berilah nasihat kepada mereka yang meminta nasihat, yang mana terlalu luas makasudnya. Maka dengan cara mengamalkan hak orang Islam di atas orang Islam dengan sepenuhnya dan dengan bersungguh-sungguh, ianya telah meliputi kehendak-kehendak dan kegiatan sosial, ekonomi dan politik bagi membangun rasa persaudaraan, dan kekuatan perpaduan muslimin.

Kegiatan muslimin adalah menjadi satu bukti bicara, yang akan menarik sebanyak-banyaknya gulungan yang ti-

SURAT KEEMPAT

dak berada di kalangan rakyat, di mana pada merekalah sebenarnya kekuatan satu-satu umat manusia di bumi ini.

Saya mahu menyusun pergerakan dan kegiatan PAS meliputi semua bidang yang diperlukan oleh masyarakat. Dan caranya ialah menurut sistem organisasi pemerintah. Saya sama sekali tidak bersetuju partai diatur mengikut kawasan-kawasan pilihanraya.

Saya percaya dengan cara ini, pemimpin-pemimpin PAS dapat dilahirkan di berbagai-bagai bidang yang diperlukan oleh masyarakat dengan menjadikan segala langkah-langkah mengikut organisasi pemerintah sebagai latihan.

Dalam bulan Ogos 1954, Mesyuarat Agung PAS yang ketiga telah diadakan di Titi Serong, Kerian, Perak. Dari Kelantan hanya saya seorang yang hadir mewakili cawangan Pasir Mas.

Perkara yang terutama dalam Mesyuarat Agung ini, ialah membincangkan undang-undang PAS yang baru. Satu pindaan atau boleh dikatakan satu pembaharuan yang sangat luas.

Dalam membicarakan pindaan ini, saya tidak berjaya memasukkan perkara tidak boleh seorang anggota PAS menjadi anggota partai lain. Tetapi bagaimanapun saya telah berjaya meminda iaitu pegawai-pegawai agung dan ahli-ahli jawatankuasa Agung PAS hendaklah dipilih dan dilantik daripada ahli-ahli biasa PAS yang tidak menjadi ahli atau anggota partai lain.

Undang-undang tubuh PAS yang baru ini juga telah memasukkan tentang Dewan Ulama PAS. Saya tidak gemarkan ini. Maka saya beritahu saudara Mohammad Asri saya akan menentang diadakan satu Dewan Ulama di dalam PAS. Beliau menasihatkan saya supaya tidak menyentuh

hal Dewan Ulama kerana akan menimbulkan salah faham kelak.

Tahukah saudara mengapa saya tidak mahu diadakan sebuah badan yang dinamakan Dewan Ulama di dalam PAS?

Saya memang benar-benar tidak mahu, kerana seperti yang saudara mengetahui dari surat saya dahulu, pengertian dan pegangan saya tentang makna Ulama itu sendiri adalah berbeza. Saya tidak akan merasa perlu ditentang, jika PAS mahu mengada sebuah badan yang bersifat badan pertimbangan yang terdiri dari para ahli *fiqh*, atau ahli-ahli perundangan Islam.

Jika PAS mengadakan Dewan Ulama, yang dirasai oleh mereka itu bahawa mereka lahir gulongan yang tinggi di dalam PAS', itu lambat laun mungkin akan menyebabkan mereka menarik diri daripada PAS, jika musuh mencampuri untuk melumpuhkan PAS.

Menurut undang-undang tubuh PAS, Dewan Ulama dan organisasinya adalah sama sahaja dengan Dewan Pemuda dan Dewan Muslimat PAS. Demikian pula jumlah wakil-wakil yang mewakili mereka di dalam Mesyuarat Agung PAS adalah sama bilangannya dengan Dewan-dewan yang lain.

Kuasa yang tertinggi di dalam PAS ialah majlis Mesyuarat Agung PAS, di mana pelaksanaan dan pengendalian PAS adalah terserah kepada Jawatankuasa Agung PAS, yang berkuasa di antara dua mesyuarat agung. Justeru kerana itu Dewan Ulama adalah tidak diperlukan di dalam sebuah partai Islam, apatah lagi taraf dewan itu sama sahaja dengan dewan-dewan yang lain di dalam PAS.

Adapun yang tentu diperlukan ialah setiap pemimpin

SURAT KEEMPAT

PAS dari Pusat hingga ke ranting hendaklah terdiri dari mereka yang alim atau ulama yang mengerti pengajaran Islam, yang beriman dengan Allah, dan hari yang kemudian dan mengerti apa yang hendak diperjuangkan dan apa yang hendak dikerjakan.

Sungguhpun saya telah tidak membuat tentangan pada hari itu, tetapi kemudiannya, dalam pindaan-pindaan undang-undang tubuh PAS, di mana saya juga telah menjadi anggota jawatankuasanya, saya telah berjaya membuat pindaan sehingga Dewan Ulama PAS hanya diadakan pada peringkat negeri dan pusat sahaja.

Walau apa sekalipun, saya sebenarnya tidak menghendaki ada Dewan Ulama dalam bentuk yang masih ada pada PAS hingga sekarang. Sebuah badan yang indah khabar dari rupa. Sebuah badan yang bertaraf rendah, tetapi menyangka mereka kuasa tertinggi di dalam PAS.

Mereka yang tidak faham dan tidak mahu faham seperti apa yang saya faham tentang definisi Ulama, mungkin menyangka saya anti ulama. Iaitu ulama menurut pengertian mereka. Dalam hal ini saya harap saudara sendiri tidaklah ikut menyangka sama seperti sangkaan mereka itu.

Sehingga tahun 1954 itu, bermacam-macam telah dilakukan oleh PAS di Pasir Mas. Bagaimanapun itu semua adalah permulaan dalam peringkat seruan. Orang-orang UMNO dan Parti Negara semuanya menganggap gerakan PAS adalah satu gerakan yang tidak boleh berbuat apa-apa.

Awal tahun 1955, Muhammad Asri telah berada di Kota Bharu. Beliau dilantik sebagai Pesuruhjaya PAS di Kelantan dan Trengganu.

Pejabat agung PAS telah terpaksa dipindahkan lagi dari Kepala Batas, Seberang Prai, ke Kuala Lumpur. Buat sementara bertempat di Segambut, kemudian berpindah lagi bertempat di No. 24 Jalan Hamzah, Kampung Bharu, Kuala Lumpur.

Di awal tahun 1955, saya pun diperintah bertukar kembali ke Kota Bharu. Penukaran ini menyebabkan seluruh rencana saya yang baru dalam peringkat permulaan di Pasir Mas telah tergendala. Saya berharap akan menyusun PAS cawangan Pasir Mas supaya dapat dijadikan contoh sebuah cawangan PAS yang kemas dalam pentadbiran dan lancar dalam program kerja, semuanya telah terbengkalai.

Apa daya saya. PAS Pasir Mas terpaksa ditinggalkan. Dan jawatan Setiausaha telah diambil alih oleh saudara Ahmad bin Yatim.

Tugas saya di Pasir Mas belum selesai. Sebenarnya masih jauh dari selesai. Hasrat saya mahu jadikan PAS cawangan Pasir Mas satu model dari cita-cita perjuangan saya semuanya telah tergendala. Demikianlah takdir Allah.

Tahun 1955 adalah tahun saya dan Mohammad Asri, bekerja bersama-sama. Beliau Pesuruhjaya PAS, dan saya Setiausaha Badan Perhubungan PAS Negeri Kelantan.

Sementara itu saya juga menjadi Ketua PAS ranting Bandar Kota Bharu. Dan kemudiannya menjadi Yang Dipertua PAS cawangan Kota Bharu.

Pilihanraya ujian untuk memilih 52 kerusi Majlis Undangan Persekutuan telah diadakan. PAS meletakkan 11 orang calun.

Di Kelantan PAS telah bertanding dalam tiga kawasan pada masa itu, dan ketiga-tiga calun PAS telah kalah. Ba-

SURAT KEEMPAT

gaimanapun satu kemenangan tunggal yang didapati oleh PAS dalam pilihanraya itu di kawasan Kerian, Perak, telah memberi harapan untuk PAS dan juga telah menjadi hiburan kepada calun-calun PAS yang kalah.

Calun PAS yang telah berjaya itu ialah Tuan Haji Ahmad Tuan Husain, Tuanguru pondok di Pokok Sena, Seberang Prai. Beliau bertanding di Kerian atas permintaan PAS di sana.

Di Kelantan calun-calun PAS ialah saudara-saudara Mohammad Asri bin Haji Muda, di kawasan yang meliputi jajahan-jajahan Bacok dan Pasir Putih, Haji Muhammad Nor bin Haji Yusuf, di kawasan yang meliputi Macang dan Ulu Kelantan, dan Haji Mokhtar bin Haji Ahmad di kawasan Pasir Mas yang meliputi seluruh jajahan Pasir Mas.

Kawasan yang paling luas sekali ialah kawasan Ulu Kelantan, yang dimasuki oleh Haji Muhammad Nur, yang Dipertua PAS cawangan Macang. Saya tidak dapat berkempin menolong beliau dalam pilihanraya itu.

Sepanjang masa pilihanraya 1955 itu, saya telah membantu calun PAS di Pasir Mas, dan yang paling banyak masa dihabiskan ialah membantu Muhammad Asri, kerana kawasan pentandingannya tidak ada tenaga bantuan seperti di Pasir Mas.

Kami bergerak dalam satu kumpulan dengan sebuah kereta yang disewa. Mohammad Asri, saya dan Nik Abdullah, yang lebih terkenal dengan nama Pak Nik Lah Jembal, adalah sentiasa bersama di dalam gerakan kempin itu.

Di mana sahaja kami pergi, kamilah yang mengangkat alat-alat pembesar suara dan beterinya. Kami yang memasang, dan kami yang memainkan rekod, sementara me-

nunggu orang-orang berkumpul.

Kadang-kadang orang yang datang hanya beberapa orang sahaja. Saya akan bercakap dahulu memperkenalkan perjuangan PAS dan calunnya Mohammad Asri. Kemudian Mohammad Asri bercakap pula. Pak Nik Lah kita, kadang duduk, kadang-kadang berdiri dengan geram apabila terjadi sesuatu ejekan atau cemuhuan dari pendengar di tengah-tengah kampung.

Peranan Nik Abdullah (Allah yarham) adalah sebagai pengawal peribadi. Beliau adalah pendekar yang terkenal di Kelantan. Sungguhpun beliau telah mulai tua ketika itu, sikapnya masih gagah. Kadang-kadang beliau sendirian menangis mendengar isi pidatu kami. Dan walaupun kami diejek-ejek dan dihina, beliau tetap dapat menguasai perasaannya dengan penuh sabar dan meningatkan Allah.

Saya kasihkan beliau, kerana keinsafan dan kesabarannya. Dia telah pergi menemui TuhanYa beberapa tahun dahulu. Semoga Allah mencucurkan rahmatNya kepada roh Pak Nik Lah yang terhormat itu dan dimasukkan beliau di dalam kumpulan hambaNya yang diredzai. Amin.

Saudara yang dikasihi.

Apa yang saya tulis menceritakan kisah-kisah ini adalah terlalu sedikit. Kisah-kisahnya memang terlalu banyak dan bermacam-macam pula. Sungguhpun hanya sedikit sahaja yang saya sebutkan di dalam surat ini, tetapi di

SURAT KEEMPAT

dalam ingatan saya tergambar kembali hari-hari yang penuh dengan anika peristiwa di sepanjang masa ber-kempin di dalam pilihanraya tahun 1955, iaitu kira-kira 20 tahun yang lalu.

Seminggu selepas kekalahan, saya dan Muhammad Asri mulai bergerak kembali mendatangi kawasan pilihan-rayu untuk mengucapkan terima kasih kepada penyokong-penyokong dan menyatakan keazaman bahawa PAS akan bergerak terus.

Di satu tempat, ada orang berkata, masih ada lagi puak ini, sekalipun telah dikalahkan dengan begitu teruk.

Demikianlah saudara, kami telah bergerak dengan semangat yang cukup tinggi. Satu-satu kekayaan yang kami punyai di waktu itu, ialah semangat dan itulah sahaja yang kami miliki.

Sekian dahulu saudara, sehingga saya menulis lagi, saya mohon kepada Allah supaya diberi taufik dan hidayah kepada kita semua.

Wassalam.

SURAT KELIMA

Saudara segama yang dicintai.

Dalam surat saya lalu, telah daya sebutkan tentang satu-satunya kekayaan yang ada pada saya dan kawan-kawan ialah semangat. Semangat ini ialah 'iman' yang dilahirkan oleh kesedaran beragama.

Saya sekarang telah menetap bekerja di Kota Bharu. Tugas menyusun PAS adalah satu tugas yang dilakukan tanpa mengenal jam kerja.

Saya mendesak saudara Muhammad Asri supaya PAS mempunyai pejabat. Beliau merasa tidak ada kemampuan. Saya tegaskan yang saya sanggup mencari derma untuk menutup perbelanjaan sewanya. Akhirnya sebuah rumah telah disewa, di mana Muhammad Asri dan keluarga tinggal di belakang dan bahagian hadapan dijadikan pejabat PAS cawangan Kota Bharu.

Sewa rumah itu sebahagian daripadanya dibayar oleh saudara kita Muhammad Asri, dan sebahagian besar dibayar oleh PAS. Yang mencari derma ialah saya. Alhamdulillah, derma sentiasa didapati dari ahli-ahli dan penyokong-penyokong PAS, daripada penjual-penjual ayam, ikan dan beras di pasar Kota Bharu, dari kedai-kedai nasi orang Sumatra, dari kedai-kedai buku, dari kedai emas dan dari mana sahaja yang boleh saya dapati.

Seperti di Pasir Mas, demikianlah di Kota Bharu, papan

SURAT KELIMA

tanda yang memperkenal PAS telah saya usahakan dipasang. Satu 'signboard' yang besar dan panjang tertulis dengan terang 'PAS' adalah satu perkara yang sangat penting bagi saya. Perjuangan ini adalah hak, dan mesti dinyatakan dengan berani di tengah-tengah manusia yang tidak mengindahkannya.

Dengan adanya papan tanda yang terpampang dari jauh lagi orang-orang telah melihat dan mereka mengatakan, di sini rupanya PAS. Di pejabat PAS Kota Bharu ini, yang tidak jauh dari masjid Jame' Kota Bharu, adalah merupakan pusat kegiatan PAS di negeri Kelantan, sehingga pilihanraya tahun 1959.

Mesyuarat Agung PAS bagi tahun 1955 telah diadakan di Kota Bharu, bertempat di Madrasah Ahmadiah, Bunut Payong. Saya telah mewakili PAS cawangan Kota Bharu di dalam Mesyuarat Agung ini.

Dengan adanya Mesyuarat Agung PAS di Kota Bharu, kesannya adalah terlalu besar bagi guru-guru agama di negeri Kelantan.

Kursus-kursus diadakan di pejabat PAS Kota Bharu, dan cawangan-cawangan Tumpat dan Bacok telah ditubuhkan di dalam tahun 1956.

Anggota-anggota PAS bertambah dan terus bertambah. Tahun 1956 saya dipilih oleh Mesyuarat Agung PAS cawangan Kota Bharu menjadi Yang Dipertua, mengganti Encik Muhammad Daud bin Haji Saleh, sementara itu juga saya menjadi Setiausaha Perhubungan PAS negeri Kelantan.

Sungguhpun saya menjadi Yang Dipertua cawangan, tetapi saya menjalankan kerja dari satu meja sebagai Setiausaha PAS Kelantan, di samping kerja pentadbiran cawa-

ngan yang saya lakukan sendiri, dan ini telah meringankan kerja-kerja Setiausaha cawangan.

Tahun 1956, di samping kesibukan memberi penerangan di seluruh Kelantan, menubuh dan mengatur kerja ranting-ranting di dalam cawangan Kota Bharu dan mencari derma, saya dan Muhammad Asri mula memikul satu kerja baru, iaitu persiapan menerbitkan majallah '*Suara Islam*' sebagai lidah rasmi PAS Malaya.

Di masa itu juga kami telah berazam akan mengadakan satu lagu rasmi untuk PAS. Kami berurus dengan Encik Abdullah Bukhari, seorang yang terkenal di Kota Bharu. Saudara Muhammad Asri menyusun senikatanya. Encik Abdullah Bukhari menggubah lagunya untuk cawangan Kota Bharu yang akan membawanya ke Mesyuarat Agung PAS di Kuala Lumpur yang akan dimulai pada 23 Disember, 1956.

Mungkin saudara tidak pernah mendengar lagi lagu ini, kerana ianya telah dilupakan sahaja oleh orang-orang PAS. Dalam surat ini saya salin seluruh senikatanya:

*Bersatulah wahai kaum muslimin
Dengan semangat dan ruh kebenaran
Berjihadlah wahai kaum muslimin
Walau kalah atau capai kemenangan*

*Bersatulah wahai kaum muslimin
Dengan ubor sinar kebahagiaan
Berjihadlah wahai kaum muslimin
Walau rebah atau tegak kejayaan*

Berjuanglah wahai ansharullah

SURAT KELIMA

*Dengan semangat yang tak kenal kalah
Berkurbanlah wahai yang beriman
Dengan harta dan segenap kepunyaan*

*Bergerak kegerbang jaya
Agar bebas dan kekal merdeka
Beramallah wahai ruh yang suci
Hingga nyata benarnya janji Rabbi*

Ulangan:

*Selamatlah persatuan Islam melangkah
Membimbing umat kemedan siasah
Berpedumangkan Quran dan sunnah
Suburlah hidupnya dan berbuah.*

Mesyuarat Agung PAS yang bersidang di Kuala Lumpur pada 23, 24, dan 25 Disember, 1956 telah menerima lagu ini sebagai lagu rasmi PAS.

Saya akan menceritakan kepada saudara peristiwa-peristiwa di sekitar Mesyuarat Agung ini. Sebelum saya membawa saudara ke sana, perlu saya bawa saudara kembali kepada apa yang telah saya sebutkan berhubung dengan majallah *Suara Islam*.

Majallah *Suara Islam* adalah suara rasmi PAS. Tetapi diterbitkan di Kota Bharu, Kelantan. Pengurus dan pengarangnya ialah saudara Muhammad Asri, dan saya adalah penolongnya.

Kami mengarang bersama selain dari rencana-rencana sendiri, dan kadang-kadang berasingan. Kami mengatur kerja bersama-sama. Kadang-kadang kami bergilir pergi ke-

Pada masa kita berada di dalam keadaan politik yang sedang bergelombang di negeri kita sekarang ini, adalah penting lebih dahulu mengenali kedudukan kita di dalam politik negeri ini.

Politik tidak boleh dibawa-bawa dan dihanyut-hanyutkan oleh suasana hidup. Tambahan pula kita sebagai pegawai, sebagai pemimpin bagi satu parti Islam hendaklah ingat bahawa parti kita ini mempunyai ideoloji, mempunyai kepercayaan dan mempunyai keyakinan dalam kebenaran apa yang dijalankan.

Pada asasnya kita mengetahui bahawa wujudnya persatuan kita ini bukanlah semata-mata hendak mengikut perjuangan orang. Dalam pada itu tidaklah kita menafikan bahawa dalam perjalanan kita banyak yang bersamaan dengan perjalanan orang. Tetapi kita adalah mempunyai tujuan, satu cita-cita tinggi.

Kita adalah umat Islam, dengan sebab itu kita ingin melihat hukum-hukum Allah itu dapat dilaksanakan di bumi Allah ini.

Kalau dulu segala cita-cita Islam itu dapat dilaksanakan, maka tak ada sebab mengapa kita ketinggalan. Maka dengan dorongan ini, dan dengan kepercayaan bahawa hanya dengan ajaran Islam, dengan dasar hidup Islam itu sahajalah kita boleh selamat, maka inilah sebabnya kita percaya kepada pergerakan kita, kepada persatuan kita sendiri.

percetakan.

Kami menyusun lambaran-lambaran majallah itu dan menghantar kembali kepercetakan untuk dipinkan dan di-potong.

Kami membungkus dan mengirim ke seluruh negara. Demikianlah cara *Suara Islam* diterbitkan. Tetapi akhirnya kami tertolong juga. Anak-anak muda yang masih belajar di Kota Bharu seperti Abdul Halim Esa, Muhammad Haji Junid, Abdul Halim Abdul Rahman dan kawan-kawan mereka sering datang menolong.

Semua kerja perlu dilakukan dengan lancar. Biar bagaimanapun, kami tidak pernah menerima upah dari PAS kerana tugas-tugas ini, seperti yang disangka oleh sebahagian orang pada masa itu.

Suara Islam bilangan pertama telah diterbitkan pada 17 Disember 1957, bersamaan dengan 15 Jamadilawwal 1376.

Di dalamnya telah disiarkan kandungan sedutan dari ceramah Ustaz Zulkifli Muhammad, yang pada waktu itu adalah seorang dari anggota jawatankuasa politik PAS yang dituju khas untuk pegawai-pegawai parti PAS supaya memerhatikannya dengan bersungguh-sungguh. Ucapan itu telah direkodkan oleh jabatan penerangan PAS.

Saya fikir ada baiknya seluruh kandungan amanat politik itu disalankan di sini supaya dapat pula saudara memirkannya. Di bawah ini adalah isi amanat yang penting itu:

Kepercayaan ini tidak seperti setengah-tengah orang mempercayai sesuatu cara hidup. Kerana banyak juga orang yang mempercayai Islam, tetapi kepercayaannya sekadar untuk dijalankan pada diri masing-masing sahaja. Tetapi buat kita, kita yakin bahawa walau bagaimanapun kelslaman satu-satu orang itu, dan sejauh manapun kepercayaannya, namun hidupnya akan hampa, kalau tidak mengujudkan rasa mahu berjuang dan memperjuangkan Islam di dalam hidupnya.

Ada setengah orang berpendapat, kita tunggu lah hingga tiba masanya Islam itu dapat diterima oleh rakyat.

Masa itu tidaklah akan timbul dengan sendirinya, melainkan hendaklah kita dari persatuan yang mendukung ideologi dan cara hidup Islam ini menegakkan faham dan dasar kita ke tengah-tengah rakyat, agar rakyat dapat mempelajari semuanya daripada kita.

Ideologi ini, fahaman ini, dasar ini, tidak cukup dengan diajar-ajarkan, dan tidak pula cukup dengan dipesan-pesankan. Malah hendaklah disalurkan menurut saluran-saluran hidup manusia di masa ini.

Kalau orang lain mencapai cita-cita hidup mereka dengan politik, dengan berjuang, dengan memberi fahaman yang diperjuangkan oleh mereka kepada rakyat. Maka di atas saluran itu pula kita mesti bergerak dan berjuang.

Kita mahu merdeka sama seperti orang lain, kita mahu makmur sama seperti orang lain, kita mahu samarata sama seperti orang lain. Akan tetapi semuanya itu, kemerdekaan kita, kemakmuran kita, dan samarata kita, semuanya kita mahu dilengkungi oleh hukum-hukum Islam, oleh kebijaksanaan yang dipesan oleh Allah Subnahu wata'ala

dan oleh Nabi Muhammad (s).

Kita tidak percaya, bahawa dengan sentimen, dengan perasaan, yang tidak sedikit dan tidak kecil kesannya dalam kehidupan manusia, kita tidak percaya bahawa dengan itu, kita dapat mengendalikan hidup kita dengan sepenuhnya. Tetapi kita hanya percaya kepada satu sahaja, iaitu percaya kepada panduan Tuhan, kepada hukum-hukum Tuhan, kepada apa yang diajar oleh Tuhan. Inilah yang didukung oleh persatuan kita, dan inilah yang di-perjuangkan oleh kita.

Saya tidak percaya bahawa ada cara lain yang boleh menghasilkan cita-cita, sebab kalau kita fikirkan kepentingan hidup manusia dan di mana ia bertemu dengan ideologi Islam, maka kita dapati selamanya manusia itu kalah oleh perasaan-perasaannya. Jadi, kalau perasaanlah yang mengendalikan hidup manusia ini, maka kita yakin, bahawa perasaan dan kepentingan hidup manusia yang didorongkan oleh perasaan itu tidak akan sampai kepada apa yang dituntut oleh Islam.

Kerana itu kita merasa adalah penting bagi kita sendiri memperjuangkan, hingga fahamlah orang bahawa saluran hidup yang kita perjuangkan ini adalah pembawa bahagia bagi mereka.

Perhatilah, bahawa kalau semuanya fikiran-fikiran yang benar itu menang, maka tentulah dunia ini aman, tentulah dunia ini dipenuhi oleh kebenaran dan keadilan. Tetapi yang kita lihat adalah sebaliknya.

Demokrasi, kata pakar-pakar politik, adalah satu cara pemerintahan yang bukan pemerintahan orang ramai. Sebaliknya ialah pemerintahan mereka yang rajin dan giat dari orang ramai.

Ya, kalau orang Islam dan umat Islam yang berjiwa Islam itu lebih ramai, tetapi tidak giat, tidak rajin, maka pastilah faham Islam itu akan tenggelam. Kerana sebenarnya siapa yang rajin, yang bekerja dan yang bergiat, itulah yang akan mendapat tempat dalam mesyarakatnya. Dalam perkara ini, susunan kegiatan itulah yang penting dan inilah pula yang penting kita perhatikan.

Sesudah kita percaya kepada perjuangan kita, sesudah kita yakin bahawa kitalah yang benar dan apa yang kita fahamkan itulah yang akan menguntungkan kita, maka tibalah masanya pula kita menyalurkan dasar perjuangan kita di atas satu saluran dan landasan yang benar-benar menyampaikan kita kepada tujuan kita tadi.

Dasar persatuan kita, kalau dibandingkan dengan dasar orang lain, tidaklah kurang, malah lebih baik. Bukan sahaja kepada kita, malah orang lain itu sendiri merasa kitalah yang lebih baik, kitalah yang lebih berguna. Tetapi, ini semua tidaklah mencukupi, kerana yang pentingnya ialah kesanggupan dan keulitan kita mengendalikan motor perjuangan kita menuju kepada matlamat kita.

Tentu kita faham bersama, bahawa tak ada seorang pun dalam sesuatu pertubuhan itu kecil tenaganya. Malah semuanya mestilah besar, semuanya bermakna dan semuanya penting.

Kita lihat sekarang, di dalam persatuan Islam ini, ada cara-cara bekerja yang teratur, ada di dalamnya susunan. Tetapi susunan ini kerap kali lumpuh kerana banyak pihak yang tidak sempat bergerak sejajar dengan rakan-rakan di tepi, di kanan dan di kiri. Ini menyebabkan kelumpuhan kepada semua anggota persatuan kita.

SURAT KELIMA

Maka pada fikiran saya, sesudah tiap-tiap jawatankuasa, tiap-tiap anggota dan tiap-tiap pegawai itu faham akan tugasnya, maka hendaklah dia menjalankan tugasnya itu dengan benar-benar.

Banyak orang mengatakan bahawa soal yuran, soal penerangan, soal pertahanan fahaman, adalah soal kecil. Inilah yang merosakan kita, kalau ada satu perkara dalam pertubuhan kita ini yang menjadi soal kecil, maka semua perkara akan menjadi soal kecil.

Bahawa semua yang diatur di dalam dasar dan perlembagaan kita itu adalah penting Satunya tidak kurang kepentingan dari yang lainnya. Maka oleh sebab itu sudahlah pada tempatnya kita menerima cabarari, bahawa sesudah kita percaya kepada perjuangan yang kita anuti, maka hendaklah kita jalankan dengan keyakinan, bukan sahaja kita akan menang, bukan sahaja kita akan berjaya dalam wujud kita sebagai anggota pertubuhan yang benar-benar membela hak rakyat negeri ini. Tetapi kita akan pula dapat benar-benar membawa kebahagiaan hidup kepada manusia yang hidup di dalam negeri ini.

Janganlah sekali-kali kita lupa, bahawa yang kita perjuangkan ini adalah lebih baik, sebab kita mempunyai panduan yang besar, iaitu agama kita sendiri. Dan kita yakin bahawa keruntuhan-keruntuhan yang ada di dalam masyarakat ini adalah ditimbulkan oleh kejahilan di dalam cara-cara hidup beragama.

Banyak orang mengatakan bahawa pertubuhan kita ialah pertubuhan yang akan mengenengahkan agama, dan dengan mengenengahkan agama itu akan mengenepikan yang lain. Ini adalah satu kesilapan. Sebab kita yakin bahawa agama itu adalah hidup di dalam semua lapangan.

Jadi, tidak ada yang akan diketengahkan, dan tiada pula yang akan diketepikan.

Seorang rakan saya dalam syarahannya baru-baru ini mengatakan, bahawa majunya orang-orang Eropah itu kerana mereka meninggalkan agama mereka. Dan mundurnya orang-orang Islam kerana mereka pula meninggalkan agama mereka. Ini adalah kerana perbezaan antara agama yang dianuti oleh orang-orang Eropah itu dengan agama yang kita anuti.

Agama kita tidak serupa dengan agama orang. Dia adalah sama mengutamakan kemajuan dan memajukan. Setelah kita yakin, maka hendaklah kita jalankan benar-benar. Kalau orang jahat menjalankan kejahatannya benar-benar, maka tiada sebab kenapa kita orang baik tidak mahu pula menjalankan kebenaran kita dengan benar-benar.

Kalau ada di antara anggota-anggota atau pegawai-pegawai kita yang tidak yakin kepada dasar perjuangan kita, berhenti sahaja. Berhenti benar-benar, sebab cara yang pura-pura dalam perjuangan ini tidak menguntungkan.

Timbulah kepada kita satu pertanyaan, sampai ke manakah perjuangan kita ini? Sesudah kita bekerja dan berjuang. Sampai ke mana dan apa jadinya?

Jawapannya, nanti kita pula akan mengendalikan pemerintahan negeri ini.

Tidaklah kita mendirikan pertubuhan kita ini kalau kita percaya bahawa orang lain pun boleh melaksanakan apa yang hendak kita laksanakan. Kerana pada fikiran kita, kita lah yang boleh menjalankan. Sebab, kalau kita serahkan tugas kita kepada orang lain, maka tentulah

SURAT KELIMA

dibuatnya menurut kehendaknya. Tiada pula ada sebab yang mesti dia mengikut kehendak kita. Sebab dia memang orang lain. Jadi, kalau kita hendak menghasilkan cita-cita kita, maka mesti kita menjalankan sendiri. Jika kita menjalankan pertadbiran negeri ini, maka kita yakin akan dapat memberikan segala ubat-ubat untuk masyarakat. Ubat-ubat ini bukanlah merupakan sebutan sahaja, tetapi dengan 'amal. 'Amal dalam memperbaiki masyarakat, 'amal dalam membangun masyarakat dalam hidupnya.

Sementara itu kita faham bahawa perjuangan kemerdekaan adalah penting. Kita mahu kemerdekaan negeri ini tercapai secepat mungkin. Parti mana sahaja yang akan menandatangani perjanjian kerenderdekaan itu, tidaklah menjadi soal. Yang menjadi soal kepada kita, ialah kita mahu merdeka secepat-cepatnya. Kita mahu hak bangsa kita, hak bahasa kita, dipelihara, dipertahan dan diperkuatkan. Ini kehendak kita, mana-mana pun usaha untuk ini adalah usaha kita. Kalau orang lain mengusahakannya adalah langkah kita. Tetapi tiap-tiap usaha yang akan membantut ini, kita pasti tentang, dan kalau orang lain menentang, kita serta menentanginya.

Inilah pendirian kita. Kita yakin bahawa kita akan menang, bukan sahaja dalam susunan dan kerja kita, malah dalam ertikata membawa kemenangan sejati, dan kebahagiaan hidup kepada negeri ini.

Sekianlah, dan ingatlah bahawa tak ada kebenaran yang menang dengan tidak bekerja, dan tak ada kejahatan yang kalah kalau dia bekerja.

Merdeka dan Allahuakbar.

Demikianlah amanat dari saudara Zulkifli Muhammad, seorang pemuda yang Allah memberi kepadanya sebaik-baik pemberian. Beliau telah memberi pimpinan, dan beliau telah pergi. Kerana demikianlah yang dikehendaki Allah. Pemergiannya itu menjadikan dia tidak merasai kekeciwaan dan penderitaan batin seperti pejuang-pejuang yang berpegang dengan amanatnya.

Saudara, mungkin saudara tidak pernah berkenalan dengan saudara Zulkifli, maka saudara tidak mengetahui betapa mesra bergaul dengannya. Saudara tidak dapat mengikut pidatu dan kata-katanya. Saudara tidak dapat merasai betapa keikhlasannya dalam perjuangan semasa hayatnya.

Semasa *Suara Islam* bilangan pertama diterbitkan, di mana tulisan-tulisan saya juga termuat yang memakai nama pena 'Amal' dan juga nama samaran yang lain di samping tulisan tak bernama, iaitu atas nama sidang pengarang, saya sendiri belum lagi bertemu dengan saudara Zulkifli Muhammad.

Pertama kali saya bertemu dengan beliau ialah di dalam Mesyuarat Agung PAS pada 23 hingga 25 Disember, 1956, di Kuala Lumpur.

Sekembali dari Mesyuarat Agung PAS, saya menulis di dalam *Suara Islam* dengan nama 'Pemerhati' memakai tajuk: 'Oleh-oleh dari konggres PAS', dan disiarkan dalam bilangan 3, 15 Februari 1957, bersamaan 15 Rejab 1376.

SURAT KELIMA

Mesyuarat Agung PAS yang kelima telah berlangsung tiga hari berturut-turut sejak 23 sampai 25 Disember 1956 yang lalu.

Sebagai seorang yang pernah mengikuti dan menghadziri majlis-majlis Mesyaurat Agung PAS di masa yang lalu nyata sekali PAS telah mendapat sambutan rakyat di seluruh tanahair. Terbukti dari adanya wakil-wakil dari tiap-tiap district (jajahan) dari tiap-tiap negeri Melayu, dikecualikan Melaka.

Apa yang menarik perhatian saya kali ini ialah adanya wakil-wakil badan politik lain yang turut hadzir di dalam rapat umum yang telah diadakan pada hari pertama persidangan agung itu dibuka.

Juga turut hadzir dalam rapat umum itu, wakil-wakil dari G.P.I.I. (Gerakan Pemuda Islam Indonesia), iaitu saudara-saudara Anuar Akraman dan Abdul Majid Haryadi.

Rapat umum dimulai dengan pembacaan Al-Quranul-karim oleh Tuan Haji Abdul Latif dari Kelantan untuk tabarruk.

Saudara Abdul Majid Haryadi sebelum berpidatu telah menyampaikan salam muhibbah dari Tuan Muhammad Nasir, Ketua Umum Masyumi untuk pejuang-pejuang Islam di Tanah Melayu ini.

Pesanan Muhammad Nasir yang disampaikan juga oleh saudara wakil G.P.I.I. itu ialah: *Jangan merasa sombang jika kau mendapat kemenangan, dan janganlah merasa berputus asa kalau mendapat kekalahan.*

Pesanan ini, pesanan yang diminta sampaikan oleh seorang bapa perjuangan Islam Indonesia itu sangat besar kesannya mempengaruhi jiwa para peserta Mesyuarat Agung PAS seluruhnya.

KENAPA SAYA TINGGALKAN PAS

Dalam rapat umum PAS itu, turut berucap Tuan Dr. Burhanuddin dan Yahya Nasim, wakil Partai Rakyat.

Sesudah rapat umum, konggres Pemuda PAS dijalankan. Pemilihan ketua-ketua dan anggota-anggota Dewan pimpinan telah berlangsung dengan baik, yang hasilnya terpilih satu barisan atau jemaah pimpinan Dewan Pemuda PAS yang boleh dipertanggungjawabkan. Mudah-mudahan Dewan Pemuda PAS akan berkembang luas dalam tempuh yang sesingkat-singkatnya.

Mesyuarat Agung PAS dalam keseluruhannya, nampaknya lebih tenang dari masa-masa yang sudah. Para perwakilan dapat bekerjasama hingga perjalanan mesyuarat itu mendapat sepenuh-penuh kejayaan.

Dalam memilih pegawai-pegawai dan ahli-ahli jawatan-kuasa agung seperti biasa dilakukan secara undi sulit.

Mulanya ada tiga calun untuk dipilih menjadi Yang Dipertua Agung PAS, iaitu saudara-saudara Zulkifli Muhammad, Haji Hasan Adli dan Dr. Burhanuddin.

Tetapi dengan terpilihnya saudara Hasan Adli menjadi Ketua Dewan Pemuda PAS, maka beliau dengan sendiri telah menjadi seorang daripada Naib Yang Dipertua Agung PAS.

Yang demikian hanya tinggal dua calun sahaja yang akan dipilih oleh para perwakilan dengan tiada sebarang kempen.

Satu jemaah penyelia pilihanraya dilantik oleh mesyuarat sebelum kertas undi dibahagikan. Jemaah penyelia semuanya seramai sepuluh orang, dan mereka lebih dahulu memeriksa kertas-kertas undi yang mempunyai tanda rasmi serta menetapkan peraturan mengundi.

Undi kerana memilih yang Dipertua Agung dijalankan.

SURAT KELIMA

Sementara kertas-kertas sedang dihitung, seluruh mata dan telinga menuju kepada penyelia pilihanraya PAS, masing-masing ingin hendak mengetahui keputusan undi itu.

Akhirnya kiraan undi menunjukkan 12 suara memilih Zulkifli Muhammad, 84 suara memilih Dr. Burhanuddin. Dan undi yang rusak sebanyak empat sahaja.

Keputusan ini disambut dengan takbir dan teriakan merdeka oleh para perwakilan.

Demikianlah terpilihnya Tuan Dr. Burhanuddin Al-Hilmi, bukanlah dengan kemahuan beberapa orang PAS, tetapi nyata sekali pilihan ini oleh sebahagian besar dari orang-orang PAS.

Sesudah semua pegawai dan ahli-ahli jawatankuasa agung PAS yang baru dipilih, rapat umum penutup diadakan pula, di mana Tuan Dr. Burhanuddin muncul kehadapan bukan lagi sebagai bekas pemimpin, bukan lagi sebagai tokoh politik bersendirian, tetapi sebagai pemimpin parti politik yang tegas dalam cita-cita perjuangan terhadap kawan dan lawan.

Ucapan beliau yang pertama setelah kembali memegang parti politik memakan masa lebih dari dua jam lamanya.

Sebagai tanda gembira dengan terpilih Dr. Burhanuddin, wakil PAS cawangan Bungsar Road, (Jalan Bungsar) mengkalungkan bunga ke leher Doktor, dan Dewan Pemuda PAS menghadiahkan sebuah Quran bersekali dengan sebuah buku undang-undang dasar PAS dengan satu peringatan supaya sentiasa tunduk kepada ajaran Al-Quran. Yang mana itulah satu dasar dan pegangan PAS yang telah termaktub di dalam undang-undang tubuh

PAS.

Tuan Haji Ahmad Tuan Hussain, wakil PAS di Federal Council memberi peringatan halus kepada Tuan Yang Dipertua baru. Demikian juga wakil cawangan Hilir Perak, Haji Ahmad Haji Ali, telah membacakan satu ucapan yang lengkap, merupakan perjanjian taat setia, tetapi bersekali dengan amaran keras.

Amaran akhir diberi oleh saudara Othman Abdullah, bekas Ketua Dewan Pemuda PAS. Keseluruhan dari peringatan dan amaran itu, ialah mengingatkan Dr. Burhanuddin supaya memperjuangkan cita-cita Islam yang telah termaktub di dalam undang-undang dasar PAS.

Demikian beberapa kejadian yang telah berlaku dalam majlis persidangan PAS baru-baru ini yang diakhiri dengan bergambar ramai di halaman Sultan Sulaiman kelab untuk terus menghidupkan kenangan kepada kejadian yang bakal menjadi sejarah di masa hadapan.

Peristiwa yang berlaku di dalam majlis Mesyuarat Agung PAS telah kita ketahui. Satu perkara lagi yang tak patut dilupakan ialah kejadian-kejadian yang berlaku di asrama Mujahidin, demikian gelaran yang diberi oleh seorang kawan kepada Dewan masyarakat Kampung Baru, Kuala Lumpur, yang telah dipinjamkan kepada PAS untuk tempat penginapan para perwakilan dan perhati seluruhnya.

Di sana, pada malam sesudah mesyuarat, diadakan majlis bacaan Al-Quran, yang dibacakan oleh Tuan Haji Abdul Latif dari Tumpat, Kelantan.

Tiap-tiap kali diadakan majlis seumpama itu, derma kilat dijalankan sebagai derma kepada tabung kewangan pejabat agung PAS.

Di antara derma-derma yang diterima selain daripada wang tunai, juga sebutir telur dan sebatang bolpen yang kemudiannya dilelong kepada ramai. Hasil dari lelong merdeka ini berjumlah hampir lima puluh ringgit.

Derma kilat yang akhir sekali dijalankan ialah kerana menyediakan asas derma tabung pilihanraya. Ini juga mendapat sambutan yang memuaskan.

Pada malam akhir sesudah persidangan, pihak panitia sambutan menyediakan jamuan nasi minyak untuk seluruh para perwakilan. Dan besuknya pada 26 Disember 1956, semua peserta Mesyuarat Agung PAS yang kelima mulai beredar meninggalkan kota Kuala Lumpur. Masing-masing kembali membawa oleh-oleh sambil bernyanyi mengingatkan lagu resmi PAS yang telah dipelajari dari wakil Kota Bharu, sepanjang malam perpisahan itu.

Saya dan kawan-kawan seperjuangan kembali ke tempat masing-masing dengan kenangan-kenangan dan perasaan baru dengan tekad baru untuk menghadap perjuangan yang lebih hebat lagi di masa akan datang.

Demikianlah telah saya tuliskan di dalam majallah

KENAPA SAYA TINGGALKAN PAS

Suara Islam. Saya masukan tulisan ini di dalam surat kepada saudara, bukanlah kerana ianya tulisan saya, tetapi kerana ianya adalah menggambarkan peristiwa-peristiwa di sepanjang Mesyuarat Agung PAS, dan semangat yang dimiliki oleh orang-orang PAS pada masa itu. Di mana ianya adalah menjadi sebahagian daripada sejarah perjuangan di negara kita ini.

Sehingga ini, surat yang kelima ini saya berhentikan. Isnya Allah akan saya sambung lagi cerita-cerita yang pada hemat saya ada faedahnya buat saudara mengetahui. Bukan sahaja cerita-cerita saya sendiri dalam hubungan dengan perjuangan Islam di negara kita, tetapi juga beberapa hal yang lain yang ikut berlaku dalam masa itu.

Semoga apa yang saya tulis ini akan menjadi renungan saudara dan kawan-kawan kita yang lain.

Sekian, wabillahittaufik walhidayah.

SURAT KEENAM

Saudara yang dihormati.

Surat saya yang lalu telah menceritakan suasana Mesyuarat Agung PAS di Kuala Lumpur, di mana dalam Mesyuarat Agung itulah telah dipilih Dr. Burhanuddin Al-Hilmi sebagai Yang DiPertua Agung PAS, mengambil tempat Dr. Haji Abbas bin Haji Ilias, yang tidak dapat bergerak cergas disebabkan terikat dengan tugas beliau sebagai kakitangan pemerintah.

Bagaimanapun beratnya tekanan yang dirasai oleh Tuan Dr. Haji Abbas dalam memegang jawatan Yang Dipertua Agung PAS, beliau telah berbuat apa yang telah dibuat olehnya.

Sewaktu Dr. Haji Abbas bertugas di Trengganu, pengaruh PAS mulai disemai di sana.

Beliau telah meminta saudara kita Muhammad Asri datang ke Kuala Trengganu kerana perjumpaan menerangkan perjuangan PAS. Oleh sebab kawan kita tidak dapat ke sana, maka saya telah pergi menggantinya. Pertemuan telah dibuat di sebuah hotel di Kuala Trengganu. Sayangnya pun tidak dapat mengingatkan lagi bila tarikhnya.

Dari kejadian ini dapat saudara faham, bahawa Dr. Haji Abbas telah berbuat apa yang terdaya dibuatnya untuk PAS. Di mana negeri sahaja beliau ditempatkan oleh pemerintah, maka tumbuhlah PAS di sana.

KENAPA SAYA TINGGALKAN PAS

PAS sedang melalui zaman pertumbuhannya. Dari segi kegiatan politik di zaman beliau, ada orang mengatakan PAS laksana ular, ekornya bergerak tetapi kepalanya tidak.

Demikianlah yang telah ditakdirkan oleh Allah. PAS menyedari akan keadaan itu. Justeru kerana itu, maka sebahagian dari orang-orang PAS telah memikirkan soal seorang pemimpin yang benar-benar bebas dapat bergerak memimpin perjuangan PAS.

Beberapa nama telah difikirkan, dan di antaranya ialah Dr. Burhanuddin Al-Hilmi. Beliau adalah telah dikenali sebagai pejuang sejak sebelum perang Pasifik.

Dr. Burhanuddin pernah ditahan oleh Inggeris pada tahun 1936, kerana kecamannya terhadap dasar Inggeris di Palestine dan membela hak Arab muslimin.

Bagaimanapun, oleh kerana beliau telah memimpin Parti Kebangsaan Melayu Malaya, maka ada keraguan pada setengah-tengah daripada orang-orang PAS pada mulanya, kerana rasa bimbang berlaku penyelewengan cita-cita Islam yang diperjuangkan oleh PAS kepada cita-cita kebangsaan Melayu.

Keraguan dan kebimbangan ini telah dapat diatasi, terbukti dari undi-undi yang didapatinya olehnya. Justeru kerana ada keraguan itulah telah berlaku ucapan-ucapan yang merupakan amaran dan hadiah Al-Quran serta undang-undang tubuh PAS.

Sebenarnya tidak ada sebab yang harus dibimbangkan, kerana dasar PAS yang berpandu kepada Quran dan sunnah adalah berasas kepada mesyuarat.

Selama sesuatu perkara dimesyuaratkan secara terbuka dengan dada yang lapang, dan tidak berlaku penyusunan

komplot-komplot dalam parti yang bermesyuarat sebelum mesyuarat, maka tidak akan berlaku penyelewengan dari dasar dan cita-cita perjuangan Islam.

Dr. Burhanuddin telah dipilih menjadi Yang Dipertua Agung, dan Zulkifli Muhammad, pemuda gedung pengetahuan, telah juga dipilih sebagai Timbalan Yang Dipertua Agung PAS.

Mereka adalah satu pasangan yang telah dikenali di dalam dan di luar negeri. Dr. Burhanuddin pernah menghadziri sidang Afro-Asia, dan Zulfifli Muhammad pernah menjadi Ketua Umum atau Presiden Persatuan Pelajar-pelajar Indonesia — Malaya di Mesir semasa beliau berada di sana.

Saudara dapat menduga sendiri, bahawa dengan adanya pasangan pemimpin, dan di dalam jawatankuasa agung PAS tetap terdiri tokoh-tokoh lama termasuk juga Dr. Haji Abbas, maka orang-orang yang berjenaka, PAS laksana ular yang ekornya bergerak, kepalanya tidur, sudah pasti tidak berani berjenaka begitu lagi.

Perubahan yang berlaku hasil dari Mesyuarat Agung tahun 1956 itu telah mulai memperlihatkan kehebatan gerakan PAS sepanjang tahun 1957.

Saya telah mulai memikirkan perasaan yang telah lama terpendam di dalam hati saya, iaitu berhenti dari bekerja dengan pemerintah. Telah lama saya berfikir hal ini. Maka saya pun menetapkan hati, sebelum Malaya merdeka saya mesti meletakkan jawatan, supaya bebas berjuang untuk menegakkan agama Allah.

Kawan-kawan menasihatkan supaya saya tidak berhenti dari jawatan saya. Tetapi hal ini bagi saya bukanlah perkara baru. Sepatutnya saya tidak memasuki perkhidmatan

bomba. Tujuan sebenar saya meninggalkan Kulim, Kedah, adalah kerana didorong oleh kemahuan untuk menyambung pelajaran ke Indonesia.

Pelajaran saya telah terhalang kerana kemaraan kilat tentera Jepun menyerang Malaya pada bulan Disember, 1941. Sekolah tempat saya belajar di Pulau Pinang, 'Al-huda', telah ditutup terus.

Sebenarnya nenek saya menyatakan pada tahun 1942, saya akan dihantar ke Mekah untuk belajar di sana selama tiga tahun, dan dari Mekah meneruskan pelajaran ke Mesir. Katanya, semua perbelanjaan akan ditanggung oleh adiknya, iaitu datuk saudara saya yang telah menjadi rakyat di Saudi Arabia.

Datuk saudara saya sangat mengharapkan saya datang ke Mekah. Orang tua yang tidak pernah saya dapat ingat wajahnya itu rupanya sangat sayang kepada saya. Dialah yang azan sewaktu kembali dari masjid Kulim bila didapati cucu saudaranya telah lahir ke dunia ini. Bagaimanapun saya adalah dilahirkan bersamaan suara azan dari masjid yang tidak jauh dari rumah kami di Kulim.

Pagi itu adalah hari Isnin, satu Rejab, 1346 atau bersamaan 24 Disember 1927, atau 25 Disember 1927. Demikianlah yang saya ketahui. Cerita yang diberitahu kepada saya, datuk saudara saya itu telah mendo'akan dan menimang-nimang saya semoga menjadi seorang yang baik. Harapan beliau supaya saya datang ke Mekah pada tahun 1942 telah terhalang oleh peperangan, dan akhirnya beliau meninggal dunia di Mekah.

Semuanya yang terjadi adalah menurut apa-apa yang telah ditentukan Allah. Demikianlah apa-apa yang membawa saya masuk ke dalam pasukan bomba Malayan

SURAT KEENAM

Union pada awal Januari, 1947 semuanya tidaklah berlaku, kiranya tidak begitulah yang dikehendaki oleh Allah.

Seorang kawan yang bekerja bomba di Kuala Kubu Bharu menasihatkan saya supaya meminta kerja bomba. Beliau menyatakan, yang ia baru beberapa hari sampai dari lawatannya ke Indonesia. Bagi beliau yang berasal dari Indonesia dan mempunyai keluarga dan kenalan, hal itu tidak menjadi persoalan. Demikian katanya. Tetapi bagi saya terlalu berbahaya untuk menyeberang ke Sumatra pada masa itu kerana keadaan perang sedang berlaku di mana mungkin saya akan ditangkap oleh Belanda atau oleh republikan yang sedang berperang.

Nasihat kawan ini, masuk dalam pasukan bomba dahulu, sementara menunggu waktu dan peluang terbuka untuk pergi ke Indonesia.

Peluang itu tidak terjadi, perjuangan kemerdekaan Indonesia memakan waktu bertahun-tahun, dan saya telah berada di Kelantan, negeri yang saya pilih untuk dihantar dari pusat latihan di Kuala Lumpur.

Sekarang perjuangan kemerdekaan telah sampai ke kemuncaknya. Perjuangan mengisi kemerdekaan akan bermula. Saya berazam untuk memberi seluruh diri saya kepada perjuangan ini.

Pada hari 31 Ogos, 1957, saya masih belum berhenti dari jawatan saya. Pada hari itu saya dalam bercuti. Saya berada di Kuala Lumpur, bersama-sama orang-orang yang menghadziri upacara proklamasi kemerdekaan Tanah Melayu oleh Tunku Abdul Rahman.

Saya, dengan memakai pingat PAS di baju, berada di antara ribuan orang-orang yang memakai pingat UMNO di Stadium Merdeka sejak pagi-pagi lagi. Orang-orang UMNO

itu tidak pula ada yang mengenali saya, kerana itu, mereka yang sedang berbangga itu tidak menghiraukan saya. Bagaimanapun saya dapat merasa mereka itu memerhati saya dan berbisik-bisik sesama mereka.

Upacara proklamasi kemerdekaan berjalan lancar, dan selepas proklamasi dibuat oleh Tunku Abdul Rahman, maka suara azan pun kedengaran dengan kalimat-kalimat Allahuakbar . . .

Suara begitu merdu dan iramanya pula begitu indah, ditambah oleh suasana hening yang wujud di ketika itu, terasa oleh saya lambaiannya sampai kelubuk hati dan menggetarkan jiwa. Air mata saya mengalir tidak putus-putus sepanjang azan itu.

Telah lahirlah bayi yang merdeka. Saya ikut menyaksikan kelahirannya. Saya juga akan ikut bertanggungjawab terhadap perkembangan dan kedewasaannya.

Saya punya tanggungjawab terhadap Allah dan masyarakat dalam memelihara kemerdekaan dan mengisi kemerdekaan, seperti telah saya ikut bertanggungjawab dalam perjuangan mencapai kemerdekaan.

Saya tidak hiraukan apa-apa yang dibisik-bisik oleh orang-orang UMNO dan apa-apa yang mereka fikirkan tentang saya pada masa itu. Itu adalah urusan mereka.

Sewaktu keluar dari Stadium Merdeka, saya telah menemui seorang dari guru saya di sekolah Al-Huda, iaitu Ustaz Salleh Bilah. Saya mendatangi beliau mengucap salam dan memperkenalkan diri saya, kerana tentu beliau tidak dapat mengingat saya lagi.

Ustaz yang pernah mendidik saya ini menggenggam erat tangan saya, sambil memerhati lencana atau pingat PAS di baju saya.

SURAT KEENAM

Saya anggota PAS. Demikian saya katakan memecah kehairanan beliau. Selepas itu kami pun berbual-bual dan berpisah.

Keinginan hendak meninggalkan kerja semakin memuncak. Saya tulislah surat minta berhenti dari perkhidmatan bomba. Tetapi saya dinaisihat supaya menemui doktor untuk mengesahkan bahawa kecacatan pada tapak kaki saya oleh kerana ditembusi paku dalam tahun 1955, sebagai sebab yang layak diberi saguhati kerana perkhidmatan selama sebelas tahun. *

Bagaimana saya tertikam paku adalah satu hal yang saya masih dapat mengingatkan. Satu malam dinihari, kebakaran telah berlaku di sebuah kilang papan di tepi sungai Kelantan. Saya pada malam itu tidak di dalam tugas. Tetapi saya tidak merasa senang tinggal di tempat tidur, setelah mengetahui kebakaran berlaku dekat perkampungan Melayu tidak jauh dari masjid Kota Bharu.

Saya berlari-lari pergi ke tempat kebakaran, dan menyaksikan satu kebakaran yang besar sedang menganas. Saya ikut membantu teman-teman sekerja saya yang sedang melawan kebakaran itu.

Api begitu marak sekali, dan sebuah rumah papan berhampiran pagar kilang yang sedang habis terbakar itu, telah cuba menjengkau pun rumah kayu satu keluarga. Seorang tua, mungkin kepala keluarga rumah mulai azan.

Apabila saya mendengar suara azan dan melihat api

telah menyambar, saya terus bertindak membawa talian dan menujukan sumpitan air untuk membasahi seluruh dinding dan atap rumah itu yang sedang terdedah kepada sambaran api. Alhamdulillah, rumah itu telah diselamatkan. Tetapi saya telah terpijak paku yang ada pada sebatang kayu dari tiang pagar kilang papan yang telah ditumbangkan.

Khabarnya dua orang teman saya memegang kaki, dan dua orang yang lain memegang kayu berpaku yang melekat di kasut saya. Saya hanya sedar kembali apabila saya diusung dan diletakkan di tangga rumah yang telah diselamatkan oleh Allah itu.

Seorang perempuan telah memberi kain kelubungnya mengesat darah yang mengalir dari dua jurusan iaitu tapak kaki dan dari atasnya. Saya telah dihantar ke hospital pada jam kira-kira 3.00 pagi.

Doktor tidak datang, sekalipun diberitahu oleh Penolong hospital melalui talipon, bahawa tapak kaki saya telah tembus. Arahan doktor, hanya beri suntikan dan boleh dibenarkan pulang. Demikianlah layanan yang saya terima.

Kaki saya tidak berhenti-henti sakit, dan mulai bengkak. Dua hari kemudian saya dihantar ke hospital lagi, dan kali ini dimasukkan ke dalam wad. Saya terpaksa dirawat selama 13 hari di dalam hospital, barulah dibenarkan saya pulang ke rumah.

Semenjak itu kaki kanan saya sentiasa kebas di jari dan di belakang kekura kaki. Saya tidak boleh melompat, saya tidak boleh tergelicok, saya tidak boleh berpijak di atas tempat-tempat yang tidak rata.

Semenjak itu juga saya tidak dapat lagi mendirikan ibu

SURAT KEENAM

jari kaki kanan saya semasa duduk *tahiyyat* di dalam sembahyang. Hal ini telah menjadi perbicaraan orang apabila saya menjadi imam sembahyang di sebuah kampung di Kelantan. Mereka tidak tahu keadaan kaki saya yang telah cacat, kerana itu sekalipun orang-orang kampung itu telah menerima syarahan saya dan menyokong PAS, namun peri saya duduk *tahiyyat* tidak menegakkan ibu-jari telah menjadi buah mulut hingga sampai di Kota Bharu.

Doktor telah memeriksa kaki saya, dan setelah melihat gambar X-ray tidak didapati sebarang kecacatan pada tulang-tulang saya, doktor menulis surat mengesahkan yang saya tidak cacat apa-apa pun. Demikianlah hamba Allah yang hanya mendapat sedikit pengetahuan itu.

Tanpa mendapat pengesahan dari doktor, kerajaan tidak dapat membuat pertimbangan berhubung dengan sebarang suguhan perkhidmatan. Demikianlah kata Presiden Majlis Bandaran Kota Bharu. Dan kerana itu disuruh saya memberi notis selama tiga bulan untuk berhenti kerja.

Sungguh benar, saya telah cacat hingga sekarang. Tetapi yang mendorong saya hendak berhenti dari jawatan, ialah panggilan jihad. Justeru kerana itu, tidaklah menjadi persoalan kepada saya, apakah saya diberi hadiah oleh kerajaan Kelantan atau tidak. Sesungguhnya saya mengetahui, bahawa ganjaran dari Allah adalah lebih besar dan sudah pasti.

KENAPA SAYA TINGGALKAN PAS

Mulai dari 20 April, 1958 saya telah bebas dari jawatan kerajaan. Seluruh perhatian saya hanya kepada parti siang dan malam. Kawan kita Muhammad Asri mengeluh. Maklumlah bagaimana dia boleh menolong saya dan keluarga, kerana pada masa itu hendak menolong dirinya sendiri pun terlalu sukar.

Saya pun tidak pernah meminta pertolongan dari dia dan kawan-kawan lain, kerana semua mereka adalah miskin belaka. Yang kaya hanya Allah sahaja.

Yang saya fikir hanyalah rancangan kerja, sebagai Setiausaha Badan Perhubungan PAS Kelantan, (sebenarnya masa itu Kelantan dan Trengganu) dan juga kerja-kerja saya sebagai Setiausaha PAS cawangan PAS Kota Bharu, sekalipun sebenarnya saya adalah Yang Dipertua cawangan.

Perjuangan kian memuncak. Tenaga penerangan kami di Kelantan bertambah seorang, dengan masuknya saudara Khaider Khatib menjadi anggota pada tahun 1957. Bagaimanapun sebelum beliau menjadi anggota dengan rasmi, beliau telah memberi sumbangannya di dalam majallah *Suara Islam*, sebagai penulis tetap ruangan "Dari hati ke hati."

Tahun 1957, Haji Ishak Lofhi, bapa saudara Muhammad Asri telah saya minta menjadi ahli. Beliau sebenarnya telah memberi sokongan moral sejak ditubuhkan PAS cawangan Kota Bharu. Tetapi bagaimanapun beliau baru bergerak menjelang pilihanraya tahun 1959.

Saya bergerak dan terus bergerak. Menjelajah seluruh Kelantan dan Trengganu dan lain-lain. Di mana sahaja saya berada, saya telah menulis untuk *Suara Islam* dan

mengirim ke Kota Bharu.

Di waktu ini orang-orang PAS seperti dari ranting Beta Hulu, yang dipimpin oleh saudara Abdul Rahman bin Awang Sulung telah menghantar beras sebagai bantuan kepada keluarga saya.

Jika saya berada di Kota Bharu, seorang kawan iaitu Tengku Ibrahim bin Tengku Bakti, seringkali menghadiahkan saya tembakau paip, kerana waktu itu saya mengisap paip.

Segala puji bagi Allah yang Maha Mengetahui. Sesungguhnya tidak ada suatu pun yang tertinggal dari rekod Allah, sekalipun saya tidak menyebutkan satu persatu, samaada yang saya masih ingat atau yang saya telah terlupa.

Setelah ditentukan tarikh terakhir khidmat saya di dalam pasukan bomba negeri Kelantan, saya telah mengambil baki cuti saya yang terhak, dan membuat perjalanan ke Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak. Perjalanan ini dilakukan atas nama majallah *Suara Islam*. Mencari pasaran dan sambil juga memungut hutang.

Di samping itu seluruh perjalanan itu dipenuhi dengan program-program penerangan yang diatur oleh PAS Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis. Gerakan penerangan ini berakhir di Perlis pada 29 Mei, 1958.

Saya kembali ke Kelantan pada 30 Mei, 1958. Pada awal bulan Jun saya mulai membuat perjalanan ke Pahang, dan terus ke Kuala Lumpur menghadziri mesyuarat Jatakuasa Agung PAS sebagai wakil peribadi Pesuruhjaya PAS Kelantan.

Di Kuala Lumpur saya berada kira-kira 10 hari, kerana mengajar lagu PAS dan berceramah di Selangor.

Tuan Dr. Burhanuddin meminta saya ikut bersamanya

KENAPA SAYA TINGGALKAN PAS

menghadziri perjumpaan PAS di Singapura pada 14 Disember, 1958. Dari Singapura saya kembali ke Johor dan kemudian ke Melaka dan Negeri Sembilan.

Sebelum saya menceritakan hal-hal selanjutnya mengenai saya sendiri, perlu juga saya beritahu saudara bahawa pada tahun 1958, Ketua Dewan Pemuda PAS telah bertukar dari Haji Hasan Adli kepada Abu Bakar Hamzah.

Pertukaran ini adalah disebabkan tindakan tegas dari jawatankuasa agung PAS. Cerita bermula dari Dewan Pemuda menangguhkan Mesyuarat Agung mereka, sedangkan undang-undang tubuh PAS menerangkan bahawa Mesyuarat Agung Dewan hendaklah dilakukan sebelum dari pada Mesyuarat Agung PAS.

Dewan Muslimat telah bersedia untuk bermesyuarat dan memilih Puan Khadijah Sidek untuk menjadi ketua-nya. Tetapi Dewan Pemuda telah membuat penangguhan.

Jawatankuasa Agung PAS, memerintahkan supaya mesyuarat Dewan Pemuda diadakan serentak dengan Dewan-dewan Ulama dan Muslimat.

Haji Hasan Adli telah memulaukan, dan beliau kemudiannya telah bertindak balas dengan menyerang Jawatankuasa Agung PAS di dalam Mesyuarat Agung PAS.

Keributan sementara itulah yang menyebabkan beliau telah diberi gelaran sebagai panglima jihad. Maka tenteram kembalilah seluruhnya, dan Abu Bakar kemudiannya sebagai Ketua Dewan Pemuda PAS yang ketiga, berangkat

SURAT KEENAM

ke Kahirah, Mesir menghadziri Persidangan Pemuda Afro-Asia.

Saudara Abu Bakar Hamzah belum pernah bertemu dengan saya sebelum hari mesyuarat Dewan Pemuda itu. Khabarnya beliau telah menjadi ahli PAS sejak tahun 1955.

Mesyuarat Agung PAS 25 Disember 1958 itu telah memilih barisan pemimpin yang akan menghadapi pilihanraya kebangsaan tahun 1959.

Professor Dr. Burhanuddin dan Professor Zulkifli Muhammad terus memegang pimpinan. Dan Haji Hassan Adli, Panglima Jihad dipilih sebagai Naib Yang Dipertua Agung PAS.

Pegawai-pegawai pejabat Agung pun telah disusun oleh Jawatankuasa Agung yang merupakan satu barisan penggempur dan penggerak untuk menghadapi pilihanraya negeri-negeri dan persekutuan.

Saya telah dilantik sebagai Ketua Penerangan PAS. Dan Pesuruhjaya-Pesuruhjaya di negeri-negeri ialah: Perlis, Haji Ahmad Long; Kedah, Sheikh Othman Al-Yunusi; Pulau Pinang, Ustaz Abdul Wahab Nor; sebagai pemangku, selain daripada ditugaskan sebagai Pesuruhjaya Perak; Selangor, Hamidon Husain; Negeri Sembilan, Muhammad bin Haji Yaakub; Melaka, Haji Abdul Karim; Pahang, Tengku Abdul Hamid; Trengganu, Ustaz Ahmad Azam dan Kelantan, Muhammad Asri.

Semua negeri-negeri kecuali negeri Johor, telah mempunyai pesuruhjaya masing-masing. Patut juga saya sebutkan pada masa itu di Singapura, jajahan Inggeris yang belum merdeka juga telah ditubuhkan PAS, dan Pesuruhjayanya ialah saudara Abdullah Zawawi Hamzah.

KENAPA SAYA TINGGALKAN PAS

Mesyuarat Agung Disember, 1958 itu telah meminda nama PAS dari Persatuan Islam Sa Malaya kepada Persatuan Islam Se Tanah Melayu.

Dulunya ketua penerangan PAS ialah saudara Othman Abdullah, di samping itu beliau juga menjadi Setiausaha Agung PAS semenjak pejabat agung PAS dipindahkan ke Kuala Lumpur.

Saya bertugas sebagai Ketua Penerangan PAS bermula dari 1 Januari, 1959. Besar keinginan saya hendak menyusun jabatan penerangan PAS supaya menjadi jabatan yang teratur kemas bagi menghadapi pilihanraya 1959. Tetapi keadaan tidak mengizinkan lagi untuk saya mengatur dan menyusun.

Jabatan penerangan yang saya menjadi ketuanya, tidak mempunyai pembantu-pembantu khas di pejabat selain daripada dua orang kerani pejabat agung. Staf penerangan adalah cukup ramai. Di mana-mana sahaja terdapat anggota-anggota PAS yang berkebolehan berbicara dan berpidatu. Soalnya yang saya fikirkan paling perlu diusahakan, ialah penyatuan cara dan teknik penerangan yang seragam, di samping beranika ragam menurut suasana dan tempat.

Tugas ini adalah sangat diperlukan. Tugas ini harus saya lakukan sendiri dalam tempuh yang sangat singkat, di mana semuanya tidak boleh dilengahkan lagi, kerana setiap partai politik di Tanah Melayu pada waktu itu masing-masing bersiap sedia dengan angkatan penggempur untuk memenangi pilihanraya.

Saya sedar bahawa saya bukanlah orang yang terlalu pandai. Umur saya baru melewati tiga puluh dan sedang memasuki tahun ketiga puluh satu.

Berpidatu juga, saya bukanlah di antara orang-orang yang terlalu baik di dalam PAS. Sungguhpun begitu, saya merasa dan percaya saya mampu berbuat lebih daripada apa yang telah saya buat, andaikata saya mempunyai waktu mengatur dan menyusun lebih awal dari Januari, 1959.

Sehingga tahun 1958, PAS masih dalam peringkat perkembangannya. Beberapa tahun lagi diperlukan untuk mengembang seluas-luasnya, untuk disusun rapi organisasinya, di samping membentuk dan melahirkan sebanyak-banyak kader-kader mujahid muslimin di negara kita ini.

Tanpa kader-kader politik yang dilahirkan di dalam masyarakat sebanyak-banyaknya, tanpa organisasi yang teratur kemas dari pusat, negeri, cawangan dan ranting-ranting, saya telah merasa adalah mustahil bagi PAS dapat memainkan peranan partai politik Islam yang sebenarnya seperti yang diharapkan, di mana dapat menjadi contoh kepada manusia berbilang keturunan di negara ini.

Perjuangan PAS adalah untuk melaksanakan ajaran Islam di dalam diri seseorang, di dalam masyarakat dan di dalam urusan pemerintahan negara.

Perjuangan PAS perlu membela Melayu, kerana Melayu adalah teras politik negara ini, dan mereka adalah muslimin. Tetapi perjuangan PAS adalah untuk kebahagiaan hidup manusia seluruhnya di negara ini tanpa mengira muslimin atau bukan muslimin.

Kebaikan dan kemurnian cita-cita atau dasar perjuangan Islam PAS, tidak dapat ditelan oleh manusia dengan kata-kata pidatu, tetapi mesti dengan amal perbuatan yang menimbulkan keyakinan.

Untuk kemenangan beberapa kerusi dalam pilihanraya

1959, dan untuk kemenangan-kemenangan selanjutnya PAS memerlukan pembentukan kader-kader. Hanya kader-kader yang dibentuk sesuai dengan cita-cita perjuangan Islam sahajalah yang layak ditapis untuk menjadi calun-calun partai Islam.

Inilah yang tidak pernah ada di dalam PAS dalam erti kata menyempurnakan kewajiban mempersiapkan diri ke arah melaksanakan tanggungjawab menjadi pemimpin-pemimpin, pelupur-pelupur dan pejuang-pejuang yang dapat kelak dihormati, disegani dan dikasihi selama-lamanya oleh pengikut-pengikut dan rakyat, di samping kebencian lawan dan musuh yang terpaksa menghormati di dalam hati mereka.

Saudara, semuanya telah berlalu. Tidak ada siapapun yang patut disalahkan atas keadaan yang telah terjadi.

Sebagai sebuah partai politik yang ikut berjuang bagi mencapai kemerdekaan, dan juga mahu ikut dalam menentukan nasib umat Islam dan manusia di negara ini, PAS tidak boleh mengelakkan diri dari ikut serta di dalam pilihanraya.

Demikianlah suasana pada masa itu. Tidak ada orang-orang PAS yang mahu membiarkan parti Perikatan (UMNO, MCA, MIC) menang tanpa tentangan. Dan tidak patut PAS tidak berusaha untuk mendapat beberapa kerusi supaya sekurang-kurangnya dapat bersuara di Parlimen dan di Dewan-dewan negeri.

Yang diharapkan oleh PAS ialah mendapat peluang ber-suara untuk memainkan satu peranan pembangkang yang jujur dalam melaksanakan tugas menyuruh berbuat baik, dan mencegah dari berbuat kejahanan.

Kerana musim pilihanraya telah tiba, maka seluruh ke-giatan terpaksa ditumpukan kepada segala-gala yang ber-hubung dengan pilihanraya.

Ya, kerana mahu kepada kemenangan, seluruh tenaga partai dikerahkan untuk memperhebatkan jentera pilihan-ray. Pilihanraya dan kemenangan telah menjadi perkara yang paling penting. Dan kerana keadaan telah begitu jadi-nya, maka terjadilah apa-apa yang telah terjadi yang membawa akibat kepada masa depan perjuangan Islam di ne-gara kita ini.

Sepanjang bulan Januari, 1959 saya telah membantu kerja-kerja pejabat agung. Kegiatan-kegiatan di luar di-mulai pada awal bulan Februari melawat negeri. Saya ber-kejar ke sana ke mari memberi kursus-kursus cita-cita per-juangan PAS, cara-cara kerja pilihanraya, tektik-tektik pe-nerangan dan membuat pidatu di rapat-rapat umum an-juran PAS yang biasanya sekurangnya tiga kali sehari.

20 Februari, 1959 saya kembali ke Kuala Lumpur, menyusun panduan penerangan untuk dibincangkan pada petang 21 Februari, dan jam 9.00 malam saya mesti be-rangkat lagi dengan keretapi kerana rapat umum di Bukit Mertajam pada 22 Februari jam 2.30 petang.

Selesai rapat umum, kembali lagi ke Kuala Lumpur dengan keretapi dan sampai pada pagi 23.2.59 untuk menyambung kerja-kerja di pejabat.

Pada 25 haribulan malam berangkat lagi dengan keretapi ke Bagan Serai, Perak untuk rapat-rapat umum di Tanjung Piandang, Kuala Kangsar dan Kota Lama Kiri pada 26.2.59.

Pada 27.2.59 saya diberi sebuah kereta buruk, umurnya memang terlalu tua, tapi kereta tua itu juga ingin berjuang mengalahkan parti Perikatan. Kadang-kadang kereta yang saya pandu itu terbatuk-batuk. Penumpang-penumpang semua orang-orang muda yang bersemangat, termasuk Hasan Shukri, Setiausaha Agung PAS sekarang (1975). Perjalanan ini dibuat setelah rapat umum di Padang Rengas pada jam 10.00 pagi itu. Petang jam 3.30 di Lenggong dan pada malamnya di Kampung Luat.

Besuknya 28.2.1959 jam 10.00 pagi dimulai bersyarah di Raban, petang, di Gerik dan malamnya berpidatu di pekan minggu Taiping.

Kiranya saya patut kembali ke pejabat agung pada pagi 1.3.59, tetapi kerana terlalu keras permintaan, maka terpaksa diikuti lagi beberapa rapat umum di sekitar Kuala Kangsar. Jam 12.00 tengah malam barulah dapat bertolak dari Padang Rengas. Kerana orang terlalu ramai, nyaris saya terjatuh dari keretapi malam itu. Syukur kepada Allah yang telah menyelamatkan saya.

Pagi 2.3.1959 tiba di Kuala Lumpur. Anak-anak saya yang sudah beberapa hari tidak saya lihat, telah keluar ke sekolah. Saya harus menghadapi tugas-tugas di pejabat dan petang nanti berpidatu di Kuang dan malam di Datuk Keramat. Bila saya kembali lagi tengah malam, kedua-dua

SURAT KEENAM

anak saya Zahrah Rosminah dan Muhammad Fahmi sedang tidur nyenyak.

Sehingga 9.3.59, pergerakan saya ditumpukan di Selangor, di samping menjalankan tugas-tugas di pejabat agung. Saya telah menyediakan beberapa siaran-siaran untuk cawangan-cawangan dan anggota-anggota penerangan sukarela.

10 April 1959, saya keluar lagi kerana kursus dan rapat-rapat umum di Pahang Barat. Pada 12 April, saya kembali ke Kuala Lumpur dan malam besuknya saya berangkat ke Kedah, kerana memerhati persiapan masuki pilihanraya negeri di Kedah dan Perlis.

Dermikianlah hal-hal yang telah berlaku pada sebelum pilihanraya 1959. Saya menceritakan kepada saudara hanya sebahagian daripadanya. Insya Allah dalam surat yang akan datang akan saya menceritakan kepada saudara betapa saya berkejar berlari untuk menolong calun-calun PAS.

Sehingga kita bertemu lagi melalui surat yang lain, saya ucapkan selamat sejahtera kepada saudara.

Sekian, wassalam.

=====

SURAT KETUJUH

Saudara seagama yang diingati.

Beberapa hari ini saya terlalu sibuk dengan berbagai urusan, dan pada hari ini barulah dapat saya menulis lagi kepada saudara.

Sebelum saya menceritakan kisah-kisah dan pengalaman-pengalaman sepanjang masa berkempen pilihanraya pada tahun 1959 itu, perlu juga saya ceritakan perkembangan politik sekarang yang sedang bergolak di Asia Tenggara.

Kemenangan yang berturut-turut oleh kaum komunis di Semenanjung Indochina, di Vietnam, di Kemboja atau Khymer dan di Laos, adalah mempunyai pertalian yang sangat erat dengan negara kita. Saya maksudkan dari segi umat Islam. Bahaya komunis kepada Asia Tenggara adalah merupakan satu kenyataan.

Manusia yang bukan Islam, yang beragama Buddhis dan lain-lain sedang hanyut oleh arus perkembangan ini. Dan kita juga boleh ditenggelam dan dibawa arus banjir komunis.

SURAT KETUJUH

Negara-negara di Indochina adalah negara-negara manusia keturunan agama Buddhis, seperti juga negara China sendiri, manusianya keturunan Buddhis dan lain-lain agama atau falsafah yang semuanya sudah ketinggalan zaman untuk berhadapan dengan zaman sains dan teknologi yang sedang menguasai fikiran manusia pada masa ini. Cara hidup ala barat atau cara *Dajjal* telah tidak dapat mempertahankan diri dari serangan cara hidup *Yakjuj* dan *Makjuj* dari timur.

Manusia di Thailand juga keturunan Buddhis, manusia ini tidak mempunyai daya bertahan, seperti juga halnya manusia-manusia di Indochina. Apabila mereka itu dapat kita ramalkan sebagai satu kaum yang tidak akan dapat bertahan, maka seluruh beban menyelamatkan rantau ini adalah duduknya pada umat Islam sahaja. Hanya muslimin yang percayakan Allah sahajalah yang boleh mempelupuri perjuangan menyelamatkan manusia di rantau Asia Tenggara ini daripada dikalahkan oleh *Makjuj*.

Kekuasaan dan pengaruh Amerika di rantau ini sedang beransur-ansur hilang. Nampaknya orang-orang kulit putih telah sama sekali kehilangan muka di Indochina, kecuali bangsa Perancis, bekas penjajah di Indochina. Mengapa pula Perancis lebih dapat diterima oleh orang-orang komunis di Indochina sekarang ini? Jawabnya, kerana Perancis sekarang sedang beransur-ansur akan memasuki khemah *Yakjuj*. Manusia Perancis bukanlah gemarkan orang-orang Amerika Syarikat yang berasal mula dari kepulauan British.

Hal ini sedang berlaku di barat. Dan di timur pula, apabila nyata berlaku kekosongan di rantau Asia Tenggara, maka pertarungan hebat merebut pengaruh tentu sekali


akan berlaku di antara manusia Russia (*Yakjuj*) yang berkulit putih dengan manusia China (*Makjuj*) yang berkulit kuning.

Yang demikian ialah kerana di sana ada dua kuasa besar antara gulungan-gulungan manusia komunis, yang akan bertarung dan akan bertentang sesama mereka, maka Asia Tenggara akan terus menjadi daerah yang sentiasa bergolak.

Saudara boleh menduga betapa bahayanya kepada kita umat Islam. Negara kita telah pernah dijajah, dan yang sebenarnya kita ini baru sahaja merdeka dari penjajahan barat dari gulungan *Dajjal*. Barang dijauhkan Allah hendaknya, janganlah pula kita ini terlepas dari mulut harimau termasuk pula ke mulut buaya.


Semua boleh berlaku, semua tadbir manusia tidak boleh mengalahkan takdir Allah. Dan takdir Allah itu berlaku adalah berpunca dari perbuatan manusia itu sendiri. Jika kita tidak berusaha, berjuang dan berkorban menurut jalan Allah, akan berlakulah sunnah Allah terhadap kita. Semuanya bukanlah Allah yang mengzalimkan kita, tetapi semuanya itu berpunca dari kita yang mengzalimkan diri kita sendiri.

Dalam surat ini tidaklah saya hendak menghuraikan apa-apa yang saya fikirkan berhubung dengan negara-negara anggota Asean. Masing-masing ada 'problem' rumah-tangga yang memerlukan kepada perhatian yang sungguh-sungguh. Sebenarnya 'problem' mereka adalah juga 'problem' kita, kerana ada perkaitan yang langsung disebabkan kita sendiri pun adalah berada di dalam kawasan bumi yang kedudukannya sangat penting dan kaya raya dengan hasil buminya.



Kenangan lawatan Dr. Abdul Rauf dari Kolej Islam Malaya. Bergambar dihadapan pejabat PAS Kora Bahru, Kelantan, pada tahun 1956.
Duduk dari kanan: M. Daud Haji Saleh, Ustaz Hasan Haji Idris, Amaluddin Darus, Mohd. Asri; Dr. Abd. Rauf, Nik Muhaiyuddin Musa, Haji Ishak Lothfi dan Wan Sulaiman Haji Ibrahim.

Salah satu rapat umum yang diadakan oleh PAS pada tahun 1957.



Saudara,

Biar bagaimanapun jua, janganlah saudara merasa takut dan janganlah pula merasa bimbang. Sesungguhnya demikianlah yang ditegaskan oleh Allah kepada orang-orang yang percayakan Allah dan hari akhirat, iaitu mereka yang mengambil Al-Quran sebagai petunjuk dan berjuang menurut jalan Allah, maka akan ditunjuk oleh Allah jalan keselamatan. Selama Allah menolong kita, tidak ada siapa yang dapat mengalahkan kita. Semoga saudara termasuk di dalam gulungan manusia yang benar-benar percaya.

Saya telah menulis tentang pertarungan manusia di bumi ini, dalam buku saya '*Manusia di langit dan manusia di bumi*.' Saya percaya saudara telah membacanya. Fikirlah apa-apa yang saya tulis, dan jangan fikirkan siapakah saya.

Sekarang biarlah saya bawa saudara kembali mengikuti cerita pengalaman saya sepanjang masa berkempen pilihanraya 1959 yang lalu. Dalam surat yang lalu telah saya terangkan mengenai keberangkatan saya ke Kedah. Pada tanggal 14 April 1959, saya telah berada di Kedah.

Besuknya 15-4-1959 penamaan calun Dewan Undangan negeri di Kedah dan Perlis.

PAS meletakkan calun-calun seramai 23 orang iaitu 23 dari 24 kawasan di Kedah. Sementara itu di Perlis

KENAPA SAYA TINGGALKAN PAS

PAS bertanding dalam 10 kawasan dari 12 kawasan negeri itu.

Petang itu juga saya bertolak dari Alor Star kerana meninjau persiapan di Perlis. Dan pada malam itu saya ikut berkempen untuk Ustaz Ibrahim, di kampung Kubang Paya.

Sepatutnya pada 16 April 1959, saya telah bertolak ke Telok Anson, Perak. Saya telah berjanji akan menemui saudara Hasan Adly pada 17.4.1959. Tetapi telah terpaksa dibatalkan semua program di Perak, kerana pada 16.4.1959 saya diarahkan supaya memberi ceramah kepada calun-calun PAS seluruh Kedah pada jam 10.00 pagi.

Semua kegiatan saya ditumpukan di Kedah dan Perlis. Rapat-rapat umum terlalu banyak yang diatur untuk saya, sehingga telah mengganggu kesihatan saya.

Pada 24 April jam 10.00 pagi saya berpidato di Guar Cempedak, pada jam 2.00 petang berkejar ke Jenun, dan pada jam 8.00 malam kembali ke markas memberi ceramah mengenai manifesto PAS kepada calun-calun dan tenaga-tenaga penerangan PAS.

Kesihatan saya ternyata terganggu. Saya tidak dapat berbicara dengan baik dalam rapat umum bersama-sama Dr. Burhanuddin di Pulau Pinang, pada 25 April 1959.

Pada 26 April 1959, saya bertolak kembali ke Kuala Lumpur. Hanya sebentar sahaja saya dapat berada bersama keluarga di Kuala Lumpur kerana terpaksa bertolak ke Melaka.

Rapat umum pertama di Melaka ialah di Masjid Tanah pada 28 April, 1959. Calun PAS di sini ialah saudara Muhammad Yusuf bin Injah.

Beberapa hari di Melaka tidak pernah dapat berihat

SURAT KETUJUH

siang dan malam. Program sentiasa ada di kawasan-kawasan yang ditandingi oleh calun-calun PAS. Saya merasa demam mulai bertambah, tetapi saya tidak mahu berehat, sekalipun dinasihatkan oleh saudara Dr. Haji Abbas, yang di masa itu sedang berkhidmat di Melaka.

Bagaimanapun pada 30.4.1959, saya terpaksa membatalkan semua program siang, kerana memang tidak berdaya lagi. Dan pada malamnya saya ikut kembali dalam rapat umum di Sungai Udang. Calun PAS di sana ialah Dr. Muhammad Nor Nordin.

Pada 5 Mei, 1959 saya mulai bergerak di Negeri Sembilan hingga tanggal 12 Mei, barulah saya kembali ke Kuala Lumpur. Ingat dihati hendak berehat sehari dua bersama keluarga. Tetapi rupanya tugas telah menunggu.

Malam itu saya ikut berkempen untuk calun PAS di Padang Sultan Sulaiman Kelab, Kampung Bahru, bersama saudara Zulkifli Muhammad. Sementara itu kami berunding tentang program-program selanjutnya.

PAS Perak telah menunggu-menunggu saya datang segera. Tetapi pertarungan di Kedah dan Perlis terlalu hebat di masa itu. Justeru kerana itu kami bersetuju supaya saya pergi ke Kuala Kangsar untuk berunding membatalkan semua program di Perak, dan terus ke Kedah hingga 20 Mei, 1959.

Pada pagi 13 Mei, 1959 saya bertolak ke Kuala Kangsar. Tiba di sana hari telah petang. Tiada ada seorang pun yang mahu membentarkan saya pergi ke Kedah. Mau tidak mau terpaksalah saya memenuhi beberapa program di Perak, mulai dari malam itu juga.

Pada 15 Mei, 1959 saya berkempen di kawasan Pengkalan Baru, Beruas, di tiga tempat. Selesai bersyarah di kawasan-kawasan ini, pada tengah malam itu juga saya berkejar ke Taiping dan tiba di sana pada jam 2.30 dinihari.

Di Taiping saya berbincang dan bertukar-tukar fikiran dengan beberapa pemimpin PAS Perak, berhubung dengan kegiatan-kegiatan menghadapi pilihanraya. Di sinilah saya bertemu dan mulai berkenal dengan seorang muda bekas pegawai penerangan UMNO Perak yang telah menjadi anggota PAS. Beliau ialah saudara Yazid Jaafar.

Jam menunjukkan 4.35 pagi, dan tarikhnya telah memasuki 16 Mei, 1959. Saya berangkat ke negeri Kedah, dan saudara Yazid Jaafar telah ikut bersama saya ke Kedah. Setiba di Kedah, kami berpecah menurut program yang diatur oleh orang di sana. Sementara berpidatu di beberapa tempat, saya juga melawat pusat-pusat gerakan pilihanraya PAS dan menunjuk cara-cara kerja menghadapi pilihanraya.

Pada 17 Mei 1959, saya bertolak ke Perlis melawat markas pilihanraya PAS di sana. Umumnya sambutan rakyat di Kedah dan Perlis adalah sangat menggalakan sekali. Saya merasa yakin PAS boleh memenangi beberapa kerusi untuk menjadi pembangkang. Sebenarnya itulah harapan saya. Sekalipun PAS meletakkan calun-calun yang cukup dalam pilihanraya itu, tetapi saya tidak mengharapkan kemenangan untuk memerintah.

Kemenangan PAS yang membolehkan PAS memerintah pada waktu itu di negeri manapun juga adalah akan menggikan PAS dalam mencapai cita-cita perjuangan Islam di negara ini. Saya telah berfikir begitu, kerana dengan

SURAT KETUJUH

keadaan calun-calun PAS yang bertanding itu bukanlah terdiri dari kader-kader yang telah dibentuk untuk memainkan peranan politik Islam yang sebenarnya.

Demikianlah fikiran saya. Tetapi melihat dari suasana kempen pilihanraya di Kedah dan di Perlis, pada hemat saya, PAS mungkin akan memenangi kerusi-kerusi lebih dari yang diduga semula. Lapuran-lapuran yang diterima dari banyak kawasan memperlihatkan tanda-tanda kemenangan. Hal ini memang telah menggegarkan hati orang-orang UMNO di Kedah dan Perlis. Bagaimanapun Ketua-ketua UMNO menyakinkan orang-orangnya supaya jangan bimbang, kerana mereka mempunyai senjata sulit.

Sepanjang hari 18.8.1959 saya bergerak memerhati jentera pilihanraya di negeri Perlis, di samping membuat beberapa pidatu di beberapa rapat umum. Saya kembali ke markas di Kangar pada tengah malam. Di sana telah menunggu orang-orang yang akan membawa saya ke Kupang, Baling, Kedah.

Malam telah memasuki 19.5.1959. Hari mengundi di Kedah dan Perlis ialah pada 20 Mei, 1959. Di markas pilihanraya PAS Perlis, saya diberitahu dan ditunjukkan satu surat yang disibarkan, sebagai apa yang dimaksudkan satu senjata sulit Parti Perikatan.

Surat itu telah tersibar luas mulai daripada 18.5.1959, dan saya diperlihatkan surat yang berkenaan itu yang mana telah disebarluaskan secara luas ke kampung-kampung.

Sebenarnya surat yang dikatakan senjata sulit itu, tidaklah menjadi sebarang persoalan bagi orang-orang yang mengerti politik. Tetapi bagi orang kampung yang tidak mengerti apa-apa tentang perkembangan politik, tentulah terperanjat dan ketakutan apabila mendengar

kata-kata orang yang menyebarkan surat itu, bahawa itu-lah bukti yang Ketua PAS ada hubungan dengan komunis, dan Dr. Burhanuddin telah ditangkap. Siapa yang menyokong PAS bermakna menyokong komunis dan akan ditangkap.

Apa yang dimaksudkan dengan surat sibaran fitnah itu ialah supaya rakyat jangan mempercayai PAS yang kononnya ada hubungan dengan komunis. Demikianlah caranya lawan PAS melancarkan senjata sulit mereka.

Surat sibaran itu adalah satu dokumen sejarah perjuangan Kebangsaan Melayu yang tersiar di dalam sebuah buku cenderamata sebagai mengenangkan perjuangan anak Melayu di luar negeri. Buku itu telah diterbitkan di Indonesia semasa perayaan menyambut kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu.

Surat itu adalah dari Parti Kebangsaan Melayu Malaya yang berpusat di Singapura bertarikh pada 1 Mei 1950. Isi surat itu ialah:

Bahawa dengan ini, kami pihak Pucuk Pimpinan Parti Kebangsaan Melayu, Malaya, yang berpusat di Singapura, berhubung kegentingan dalam menghadapi beberapa kemungkinan di masa-masa yang akan datang, memutuskan:

1. Tuan Ibrahim bin Haji Yaakob adalah diberi kuasa penuh untuk melanjutkan pergerakan Kebangsaan Melayu, Malaya, di luar negeri, di mana dia berada, menurut dasar dan tujuan Parti Kebangsaan Melayu, Malaya.

SURAT KETUJUH

Surat tersebut telah ditandatangani oleh Mohammad Taha Kalu selaku 'Acting President', dan Abdullah Zawawi, selaku 'Secretary General', dan oleh Dr. Burhanuddin selaku Penasihat Agung Parti Kebangsaan Melayu, Malaya.

Dengan tergesa-gesa saya menyusun jawaban kepada sibaran fitnah yang terlalu kotor itu. Pada malam itu juga pemuda-pemuda PAS Perlis bekerja menseklostail-kannya, dan saya terus berangkat ke Kedah.

Saya tiba di rumah Pesuruhjaya PAS Kedah, Lebai Othman Al-Yunusi (sekarang Haji) pada jam 2.00 pagi. Kepada beliau saya beritahu perkembangan fitnah busuk itu dan saya arahkan beliau menyalin dari jawaban saya sebagai fitnah busuk itu, dan sibarkan kepada rakyat secepat mungkin. Selepas itu saya berangkat terus ke Kupang, di Baling, bersama pemuda-pemuda PAS dari sana yang mengambil saya dari Perlis.

Sampai di Kupang, malam hampir bertukar ke siang. Kami bersembahyang subuh beramai-ramai dan berdoa kepada Allah.

Saudara tidak tahu betapa perasaan saya waktu itu. Saya telah merasa tentang kekalahan PAS dalam pilihan-raya yang akan berlaku pada 20.5.1959. Dan saya telah merasa betapa kesan-kesan dari kekalahan di Kedah kepada negeri-negeri lain yang berikutnya.

Bagaimanapun sejak jam 8.30 pagi saya bergerak dan bersyarah kepada rakyat. 8.30 di Kuala Ketil; 9.30 di Tawar; 11.00 di Kuala Pegong. Ini semua di kawasan Baling Barat. Kemudian bersyarah lagi di kawasan Baling Timur. 12.30 tengahari di Kuala Kupung; jam 3.00 petang di Pulai; 4.30 di Pekan Baling.

Malam itu jam 8.30, saya pergi ke Kampung Iboi. Di sana saya menangis sepanjang syarahan. Hanya Allah sahaja yang mengetahui betapa perasaan saya. Demikianlah saudara, saya menangis dan meratap kepada Allah. Tentu bukan kerana saya pengecut, tetapi kerana pada waktu seperti itu terasa oleh saya terlalu sedih dengan tipudaya lawan yang meletakkan saya dan orang-orang PAS sebagai komunis atau sebagai prokomunis.

Saya menyerahkan seluruh diri saya kepada Allah dalam perjuangan untuk menegak kalimat Allah, untuk kebahagiaan seluruh manusia di dalam negara ini. Masakan saya jadi seorang komunis, masakan PAS bisa jadi prokomunis. Meletakkan orang-orang PAS sebagai komunis adalah sama erti dengan mengkafirkan orang-orang PAS. Setiap muslim yang menjadi komunis adalah terang telah murtad. Saya adalah muslim, beriman dengan segala rukun iman dan tidak rela untuk mengambil apa-apa atau siapa pun jua menjadi Tuhan selain daripada Allah. Saya berjuang menurut jalan Allah, saya bersyarah berdasarkan kepada petunjuk Allah. Saya tidak berniat untuk bertopengkan agama sebagai alat mencari kemenangan politik.

Pada 19 Mei 1959, harian *Warta Negara* yang terbit di Pulau Pinang menyiaran berita dengan tajuk: '*Sokongan Pemimpin Agung PAS kepada Ketua Parti Komunis*'. Di Alor Star, Mei 18, salinan surat-surat dokumen yang mengesahkan bahawa Pemimpin Agung Persatuan Islam SeTanah Melayu ada membuat perhubungan rapat dengan Ketua Parti Komunis Indonesia, Ibrahim bin Haji Yaakob, telah disibar di seluruh negeri Kedah untuk pengetahuan umum hari itu.

Dalam surat-surat salinan dokumen itu lengkap dengan tanda-tanda tangan 3 orang dari Pucuk Pimpinan Parti

SURAT KETUJUH

Kebangsaan Melayu, Malaya (PKMM) yang berpusat di Singapura dan yang telah diharamkan oleh kerajaan tak lama dulu.

Ketiga-tiga orang dari Pucuk Pimpinan itu ialah Dr. Burhanuddin Al-Helmy sebagai Penasihat, Tuan Taha Kalu sebagai Pemangku Yang Dipertua dan Encik Abdullah Zawawi sebagai Setiausaha Agung. Mereka telah menurunkan tandatangan dalam surat-surat dokumen sebagai memberi kuasa penuh kepada Ibrahim Haji Yaacub yang sekarang berada di Indonesia bagi melanjutkan pergerakan Kebangsaan Melayu, Malaya di luar negeri, menurut dasar dan tujuan Parti tersebut.

Surat-surat dokumen itu telah dikeluarkan di Singapura bertarikh 1 Mei, 1950.

Demikianlah berita yang disiarkan di dalam *Warta Negara*, yang mana diikuti oleh cakap-cakap mulut yang berupa ugutan kepada rakyat di kampung-kampung yang tidak mengetahui tujuan dan permainan politik ala demokrasi,

Sementara itu, walaupun pemuda-pemuda UMNO yang menyebarkan sibaran fitnah itu menambah dengan kata-kata ugutan, tetapi surat itu tidak menyebutkan UMNO atau Perikatan sebagai pihak yang menerbitkannya. Di bawah surat itu hanya tercetak: *Reproduced and Printed by PL Kuala Lumpur.*

Surat fitnah dan ugutan-ugutan itu mulai berjalan dari 18 Mei dan telah menghancurkan harapan PAS di Kedah dan Perlis dalam pilihanraya tahun 1959 itu. Orang-orang tua dan perempuan-perempuan, juga orang-orang lain yang tidak ada pengetahuan mengenai perkembangan politik telah menjadi takut dengan fitnah kotor itu. Satu hal yang sangat mendukacitakan dan

sangat-sangat saya kesali.

Dari kejadian ini, yakinlah saya bahawa yang dikatakan politik itu kotor, ialah kerana perbuatan orang-orang yang kotor mengendalikan politik itu. Politik bagi saya tidak kotor, yang mengotorinya ialah manusia-manusia yang mempunyai hati yang kotor.

Malam itu jam 11.30 saya minta orang-orang PAS di Baling menghantar saya ke Kulim. Besuknya 20.5.1959 saya bertolak dari Kulim menuju ke Parit, di Perak. Selepas rapat umum malam itu, saya dihantar ke Ipoh untuk menumpang keretapi ke Kuala Lumpur.

Pagi 21.5.1959 saya tiba di Kuala Lumpur. Dan pada jam 2.00 petang saya bertolak bersama Ustaz Zulkifli Muhammad menuju Melaka. Malam itu kami membuat pidatu di kawasan Kandang. Pada 22 Mei 1959, kami bersyarah di empat tempat di negeri Melaka. Kekalahan PAS di Kedah dan Perlis, memperlihatkan tanda-tanda kekalahan lagi di Melaka. Melaka, bukanlah sebuah negeri yang dianggap pengaruh PAS telah bertapak seperti di Kedah dan Perlis.

Selesai rapat umum malam itu juga kami kembali ke Kuala Lumpur. Jam 5.00 pagi 23.5.1959 kami sampai. Beberapa orang dari Sabak Bernam telah menunggu untuk membawa saya ke sana.

Jam 8.30 pagi saya berangkat ke Sabak Bernam. Rapat umum diadakan pada jam 11.00 pagi. Selepas ini jam 2.00 saya menyeberang sungai dengan perahu ke Bagan Datuk, di Perak.

Penerangan di Hilir Perak tidak berhenti-henti dari pagi hingga ke malam. Calun-calun PAS ialah saudara-saudara Ali Akhbar, Haji Rais, Adnan dan Haji Ahmad

SURAT KETUJUH

bin Haji Ali.

Saya meneroka kawasan saudara Haji Ahmad bin Haji Ali mulai pada 25.5.1959. Rombongan kami bertolak dengan motobot, dan kemudian meminjam basikal dari penyokong-penyokong PAS di suatu tempat, lalu berbasikal di sepanjang sungai Perak.

Pada jam 4.30 petang, saya berpidatu di Kampung Selat Pulau. Hampir maghrib berpidatu lagi di kampung Gelongong, dan malam itu jam 9.15 baru dimulai rapat umum di Kampung Biak.

Hari Selasa 26 Mei, 1959 jam 2.00 petang rombongan kami menyeberang Sungai Perak, dan mulai membuat penerangan di Kampong Gajah, Kampung Telok, dan malamnya jam 8.30 bersyarah di Bandar Tua. Kemudian kami bertolak ke kampung Pasir Salak.

Saya tidak dapat ingat di manakah tempatnya di antara tempat-tempat ini yang saya telah diberitahu ada ancaman, andaikata PAS membuat syaranan, pensyaranannya akan diajar dan dicampak ke Sungai Perak.

Saudara kita, Haji Ahmad memberitahu kepada saya hal ini. Tetapi saya katakan tidak perlu dibimbangkan. Tidak ada sebarang kecelakaan yang menimpa kita melainkan sesuatu yang telah tertentu akan mengenai kita.

Saya berpidatu di bawah sepohon kayu di tepi sungai. Orang ramai mengikuti dengan tenang pidatu saya mengenai perjuangan Islam. Saya melihat orang-orang mulai menangis, dan menurut calun PAS, saudara Haji Ahmad Haji Ali, semua yang hadir di situ menangis belaka.

Al-hamdulillah, hari itu tidak ada darah yang mengalir. Apa yang ada ialah airmata mereka yang insaf, telah

KENAPA SAYA TINGGALKAN PAS

mengalir beberapa lama. Semua pendengar datang berjabat tangan dengan saya dan rombongan kami apabila selesai majlis penerangan di bawah pokok itu.

Malam di Pasir Salak itu menjadi malam kenangan. Saya mengajar lagu PAS kepada rombongan kami. Mereka belajar dan nyanyikannya dengan seluruh hati.

27 Mei, 1959 ialah hari mengundi pilihanraya negeri Perak. Kami bertolak dari Pasir Salak dengan basikal. Rombongan kami termasuk dua muslimat berjumlah se-puluh orang. Orang-orang kampung meminjamkan basikal kepada kami untuk sampai ke Bandar.

Di Kampung Bandar, barulah kami mendapat motobot. Dengan menumpang motobot kami sampai di satu tempat yang dipanggil Kunci Air. Hari telah petang hampir jam enam. Tidak ada kenderaan untuk ditumpangi ke Telok Anson yang sejauh kurang lebih tujuh batu dari Kunci Air.

*
Kami berjalan kaki hingga hampir Telok Anson barulah kami dapat menumpang sebuah bas, dan akhirnya kira-kira jam 7.20 sampailah kami di Telok Anson. Pengembaran ini adalah satu kejadian yang sering dingatkan kepada saya oleh saudara Haji Ahmad, calun PAS yang bertanding pada tahun 1959 itu, bila-bila kami bertemu.

Untuk kembali ke Kuala Lumpur pada pagi 28 Mei 1959, saya ditumpangkan oleh saudara Haji Ahmad kepada sebuah lori kecil yang membawa akhbar ke Telok Anson. Lori ini membawa sebanyak-banyak nenas untuk dijual di Kuala Lumpur. Maka nenas-nenas dan saya sendiri semuanya menjadi penumpang lori kecil itu. Tambang menumpang lori telah dibayar oleh saudara Haji

SURAT KETUJUH

Ahmed bin Haji Ali.

Pada malamnya saya ikut berkempen di Port Swettenham, sekarang Pelabuhan Kelang.

29 Mei 1959 saya membuat pidatu dan ceramah di tiga tempat di negeri Selangor. Kemudian pada tanggal 30 saya bertolak ke Seremban. Dari Seremban bertolak ke Bagan Pinang membuat penerangan pada jam 4.00 petang dan malamnya pula di Sirusa.

31 Mei bergerak di kawasan pilihanraya Rantau, menolong Datuk Raja Abu Hanifah. Besuknya pergi di kawasan pilihanraya Pasir Panjang, di mana calunnya ialah saudara Marzuki. Saya mengucap subhanallah, bila melihat beliau, kerana rupa parasnya, seolah-olah saya dan dia bersaudara. Memang kami berdua kelihatan hampir serupa.

Pada tanggal 2 Jun, 1959 setelah menghadiri enam rapat umum di Negeri Sembilan, saya pun kembali ke Kuala Lumpur. Pergerakan dilakukan di negeri Selangor.

Pada mulanya telah ditetapkan yang saya akan bertolak ke Pulau Pinang pada 3.6.1959. Tetapi setelah difikir-fikirkan iaitu ada lebih baik saya balik ke Kelantan, maka saya sampaikan maksud saya kepada saudara Zulkifli Muhammad. Beliau bersetuju dengan fikiran saya. Maka dibatalkan rancangan ke Pinang, dan saya berangkat ke Kelantan pada 4.6.1959, melalui Kuala Lipis. Dari sana saya menumpang keretapi ke Kuala Krai, dan dengan teksi ke Kota Bharu.

Jam 10.30 malam saya sampai di Kota Bharu dan terus ke pejabat PAS, dan mulai hari Jum'at 5.6.1959 saya mulai bergerak menyusun jentera pilihanraya, berceramah dan berpidatu di Kelantan.

Pada 18.6.1959 saya telah pergi ke beberapa kawasan di Besut, Trengganu. Tetapi malamnya kembali lagi ke Kelantan memberi penerangan di Gong Capa, Pasir Putih.

Kerana desakan dari Ulu Kelantan saya terpaksa membatalkan beberapa program di kawasan Besut dan di Pasir Putih. Pagi-pagi 19.6.1959 saya bertolak ke Macang. Dari Macang terus ke Kuala Krai mengejar keretapi pada jam 9.15 pagi.

Saudara Khaider Khatib calun PAS telah menunggu di stesyen keretapi, dan kami pun bertolak dengan menumpang keretapi ke Bertam.

Jam 2.00 petang bersyarah di Bertam, dan malamnya di Dabong. Pembesar suara yang digunakan bukanlah pembesar suara yang biasa. Sebenarnya lebih baik dikatakan tetuang sahaja, kerana demikianlah alat itu yang terpaksa dipegang cerobongnya sambil bersyarah.

Pada 20.6.1959, jam 8.30 pagi rombongan kami bertolak dengan motobot memudeki Sungai Pergau. Kami singgah sebentar di Kampung Kandek, atau lebih dikenali sebagai kampung Bulan Bintang. Orang-orang dari kampung ini diketuai oleh saudara Abdullah, telah menjadi ahli PAS pada tahun 1953, semasa mereka berada di Pasir Mas, kerana terpaksa berpindah dari kampung halaman mereka kerana darurat dahulu.

Alangkah gembira perasaan saya menemui mereka yang telah lama tidak bertemu. Semasa mereka di Pasir Mas, mereka menumpang di rumah keluarga, dan sebahagian tinggal dirakit di Sungai Kelantan, di kampung Jias. Saya sering benar ke kampung Jias, memberi ceramah dan kursus.

Setengah jam kami di sini, berangkat pula kami me-

SURAT KETUJUH

nuju ke Jerimbun. Selesai penerangan di Jerimbun, kami menghilir kembali ke Kuala Balah untuk rapat umum pada malamnya.

Malam itu kami kembali ke Dabong, sampai kira-kira jam 1.30 malam. Kami berbual-bual sambil berbaring. Malam itu adalah malam kiraan undi pilihanraya negeri di Trengganu. Hingga jam 5.00 pagi kami mengikuti radio yang menyiarkan berita-berita pilihanraya di sana.

PAS memenangi 13 kawasan dari 24 kawasan. Saya gembira campur sedih, kerana kemenangan sebanyak 13 lawan 11 adalah satu kemenangan yang lemah dan mudah digugat. Bagaimanapun *'ala kullihal'*, kami bertakbir beramai-ramai.

Saya dapat menduga kemenangan di Kelantan akan bertambah dari dugaan semula, kerana saya telah memahami saikoloji rakyat Kelantan hasil dari pergaulan yang lama dengan mereka. Insya Allah saudara akan dapat mengikuti bagaimana dugaan saya tentang kemenangan PAS di Kelantan dalam surat saya yang akan datang.

Pada 21.6.1959 pagi-pagi lagi rombongan kami telah kembali ke Kuala Krai, dan saya terus pergi ke Kota Bharu. Petang itu saya memberi kursus kerja kepada pekerja-pekerja pilihanraya kawasan saudara Haji Ishak Lofthi. Dan pada malam itu satu rapat umum telah diadakan di Langgar, Kota Bharu. Kawasan ini calun PAS ialah saudara Haji Muda, yang dulunya imam muda masjid Pasir Mas.

Rapat-rapat umum dan ceramah kepada pekerja-pekerja terus menerus dibuat hingga ke malam 23.6.1959. Pada 24.6.1959 adalah hari mengundi di Kelantan. Tetapi

saya bertolak ke Kuala Trengganu bersama-sama saudara Othman Abdullah, Setiausaha Agung PAS, kerana menghadziri persidangan PAS Trengganu.

Mesyuarat itu adalah membincangkan perkara-perkara persiapan menubuhkan kerajaan PAS di Trengganu. Kami menghadapi persoalan-persoalan yang terpaksa dibincangkan hingga jauh malam.

Sementara itu kami juga mengikuti berita radio yang terus menerus menyiarakan keputusan pilihanraya. Sehingga jam 3.00 pagi PAS telah memenangi sebanyak 18 kawasan dan parti Perikatan hanya satu.

Saya rasa terlalu mengantuk dan telah tertidur sehingga dibangunkan oleh kawan-kawan kerana sembahyang Subuh.

Pagi-pagi itu, 26.6.1959, saya diberitahu PAS telah menang 28 kawasan dan parti Perikatan memenangi dua kawasan sahaja.

Jam 9 pagi, saya pergi ke pejabat taligrap, dan mengutus taligram kepada saudara Muhammad Asri, Pesuruhjaya PAS Kelantan berbunyi:

"Kemenangan tuan-tuan adalah kemenangan saya dan kita. Gembira sambil bersyukur".

Selepas itu sebelum tengahari saya bersama-sama saudara Othman Abdullah berangkat menuju Mentakab, dalam perjalanan kembali ke Kuala Lumpur.

Sekian dahulu saudara, sehingga saya menulis lagi saya ucapkan selamat sejahtera kepada saudara, semoga saudara di dalam sihat wal'afiat.

Wabillahittaufik walhidayah.



Sdr. Baharuddin Abdul Latif Wakil Kerua Pemuda PAS sedang menyampaikan hadiah Al-Quran dan buku undang-undang tubuh PAS kepada Dr. Burhanuddin Al Helmy setelah terpilih sebagai Yang Di Pertua Agong PAS pada bulan Desember 1956.



* Y. B. Tuan Haji Ahmad 'Tuan Hesin' sedang menyampaikan ucapan Dr. Haji Abbas, Yang Di Pertua Agong PAS pada tahun 1956 di Kuala Lumpur.

SURAT KEDELAPAN

Saudara yang dikasihi.

Dalam surat yang lalu saya telah sebutkan, iaitu saya bertolak dari Kuala Trengganu bersama-sama saudara Othman Abdullah.

Sepanjang perjalanan, kami berbicara mengenai perkembangan dan kemungkinan-kemungkinan yang akan berlaku. Setelah puas kami berbicara, masing-masing mulai diam dan saya mulai berfikir tentang cita-cita perjuangan PAS, bermula dari babak kemenangan di Trengganu dan di Kelantan.

Saya sungguh-sungguh merasa kemenangan PAS yang baru didapati di Trengganu dan di Kelantan itu satu cabaran yang sangat berat, di mana akan menentukan masa depan cita-cita perjuangan Islam di negara ini.

Sungguh-sungguh di luar dugaan kami dari pimpinan PAS, bahawa PAS akan memenangi di Trengganu hingga dapat memerintah negeri Trengganu. Di Kelantan sendiri sewaktu saya berbincang dengan saudara Muhammad Asri, kami menganggarkan akan dapat memenangi paling banyak sepuluh kerusi Dewan Negeri. Tetapi ternyata sekarang PAS memenangi 28 dari 30 kerusi Dewan Negeri Kelantan. Satu kemenangan yang besar. Satu kemenangan yang dikatakan oleh seorang pemimpin Perikatan sebagai satu kekalahan yang sangat pahit.

Saya merasa ketakutan dengan kemenangan ini. Kerana di Trengganu saya telah melihat percakaran sama sendiri setelah menang 13 dari 24 kerusi Dewan Negeri. Percakaran itu akan melumpuhkan perpaduan dan keutuhan kerajaan yang akan ditubuhkan di sana. Saya baru beberapa jam meninggalkan Kuala Trengganu. Tanda-tanda kehancuran kerajaan PAS di Trengganu yang bakal ditubuhkan bermula dari apa yang saya saksikan tadi.

Di Kelantan, kemenangan jauh lebih besar dan sudah tentu kedudukannya jauh lebih kukuh. Tetapi apa yang saya menunggu ialah kemampuan untuk melaksanakan cita-cita politik Islam yang menjadi tujuan perjuangan PAS.

Islam sebagai satu ideologi atau cara hidup adalah merupakan satu konsep ciptaan Allah yang memerlukan kepada pengetahuan dan kebijaksanaan untuk melaksanakannya. Pengetahuan dan kebijaksanaan sahaja tidaklah mencukupi, malah yang diperlukan sekali ialah kekuatan hati dan keteguhan jiwa dalam menghadapi rintangan dan persoalan dan juga ujian yang bakal tiba terhadap manusia.

Ketakutan saya didorongkan oleh ketiadaan kader-kader selama ini, apatah lagi sebahagian dari mereka yang menang, tadinya dipujuk-pujuk supaya mahu bertanding di dalam pilihanraya di samping sebab-sebab yang lain yang telah mendorong sebahagiannya ikut bertanding.

Untuk memerintah bukanlah soal yang terlalu rumit. Yang sulitnya ialah untuk melaksanakan cita-cita politik Islam dengan modal kemenangan yang baru didapati itu, dengan manusia-manusia yang tidak pernah dibentuk menurut cita-cita perjuangan Islam itu sendiri.

SURAT KELAPAN

Hal ini saya curahkan seluruhnya kepada saudara Zulkifli Muhammad, apabila saya bertemu dengan beliau sekembali dari gerakan di Pantai Timur.

Zulkifli merenung mata saya, dan dengan tenang beliau berkata 'Kita menang terlalu cepat'.

Walau apa pun yang telah terfikir oleh saya, dan yang demikian juga dirasai oleh saudara Zulkifli Muhammad, namun sebagai orang berpartai hal ini terpaksalah diterima sebagai satu kenyataan.

Saya cuba mencari sebab-sebab kemenangan PAS yang mendadak di Kelantan dan di Trengganu. Juga kemungkinan menang di beberapa kawasan di Kedah dan di Perlis. Saya tidak ragu-ragu bahawa PAS pasti memenangi beberapa kawasan di dalam pilihanraya negeri di Kedah dan di negeri Perlis, kalaularah tidak disebabkan mainan kotor yang dilakukan oleh lawan PAS.

Kekotoran dalam politik rupanya adalah sambal dari apa yang dikatakan demokrasi politik oleh manusia-manusia yang mempercayai konsep liberal.

Kemenangan PAS yang telah dicapai di Trengganu dan di Kelantan sama sekali tidak memperlihatkan sebarang tektik kekotoran. PAS menghadapi rakyat dengan soal-soal pokok tentang perlembagaan dan kerakyatan, keselamatan Melayu sebagai muslimin dan tuanpunya negara ini. Keseluruhaninya pidatu-pidatu dari orang-orang PAS adalah soal keselamatan politik bangsa Melayu yang mana mereka lah orang-orang Islam atau keturunan Islam di negara ini.

Kesedaran yang ditimbulkan oleh PAS menembusi hati dan jiwa rakyat yang tidak mempunyai sebarang kepen-

tingan apa-apa selain daripada harapan untuk mendapat pimpinan dari pemimpin-pimpinan yang bercakap dan berjanji akan membela agama, bangsa dan tanahair.

Rakyat telah memberi mandat kerana mereka inginkan perubahan. Mereka percaya kepada ucapan-ucapan yang diberi di dalam rapat-rapat umum, mereka menerima nasihat guru-guru agama di kampung supaya mengundi PAS. Mereka sebenarnya telah merasai pemerintahan Parti Perikatan yang telah memenangi pilihanraya ujian pada tahun 1955.

Sekalipun pilihanraya tahun 1955 di zaman sebelum kemerdekaan itu tidak semuanya ahli-ahli Dewan dipilih oleh rakyat, namun pada rakyat Parti Perikatan telah pun memerintah.

Orang-orang UMNO sendiri merasa tidak puas dengan partinya di dalam parti Perikatan. Merekalah yang keluar dari UMNO dan memasuki PAS atau memberi sokongan kepada PAS.

Maka menanglah PAS untuk memerintah negeri-negeri yang miskin di Pantai Timur itu. Trengganu mempunyai kelebihan wang beberapa juta ringgit kerana hasil dari perkeluaran besi di Dungun yang belum ditutup pada masa itu.

Adapun Kelantan yang mempunyai sebuah kerajaan yang kukuh oleh kemenangan yang besar itu, berhadapan dengan satu kenyataan yang ditinggal oleh pemerintahan sebelum PAS berkuasa di sana, iaitu belanjawan negeri Kelantan bagi tahun 1959 sudah pun kekurangan, berbanding dengan negeri Trengganu yang masih berlebihan.

Dalam perjalanan kembali ke Kuala Lumpur, saya dan saudara Othman Abdullah telah menyertai kempen pili-

hanraya di beberapa tempat di Pahang.

Inilah kempen terakhir bagi pilihanraya-pilihanraya negeri yang telah dibuat. Pilihanraya negeri di Pahang berlangsung pada hari Sabtu 27 Jun, 1959. Pada hari mengundi inilah kami bertolak kembali ke Kuala Lumpur. Tugas yang mesti dihadapi ialah membuat persiapan menghadapi pilihanraya parlimen.

Sejak 28 Jun, saya berulang alik dari Kuala Lumpur ke Kelang, kerana mesyuarat-mesyuarat menyusun manifesto PAS untuk pilihanraya parlimen Persekutuan Tanah Melayu.

Di samping berulang alik kerana mesyuarat menyusun manifesto, juga terpaksa menghadziri beberapa majlis jamuan kesyukuran yang diadakan oleh orang-orang PAS. Sudah tentu dikehendaki berpidatu lagi.

Pada 5 Julai, 1959 perundingan-perundingan yang dibuat di Kelang sehingga jam 4.00 pagi, barulah dapat kembali ke Kuala Lumpur. Perundingan-perundingan ini termasuk soal-soal calun-calun yang akan dibawa dari pantai barat untuk bertanding di Pantai Timur. Kawan kita Muhammad Asri dan Haji Ishak Lofthi telah ikut bersama dalam perundingan ini.

Keesukan harinya pada jam 4.00 petang saya mengajak kawan kita Muhammad Asri menghadziri jamuan kesyukuran orang-orang Kelantan yang tinggal di kawasan setinggan di Kuala Lumpur. Kebanyakan dari mereka ialah pedagang-pedagang kecil dari Pasir Mas. Di antara mereka yang paling bersemangat ialah saudara Muhammad Nor bin Haji Senik.

Jamuan itu diadakan sebagai membayar nazar katanya. Kami dijamu pulut kunyit dan ayam percik. Betapapun

murahnya jamuan mereka orang-orang yang kerdil itulah yang telah bekerja-untuk PAS dan merekalah yang mera-yakan kemenangan PAS dengan seluruh hati mereka.

Saya tidak mahu melupakan mereka itu, sekalipun sebahagian dari mereka tidak dapat saya mengingat nama-namanya, namun mereka adalah orang-orang yang setia tanpa mencari sesuatu kepentingan dari perjuangan, pengorbanan dan dari kemenangan PAS.

Tugas saya selepas jamuan nazar ini ialah bertolak ke Padang Rengas, di Perak. Kemudian ke Bukit Besar dan Alor Star di Kedah. Kembali ke Butterworth dan Bukit Mertajam.

Pada jam 9.30 malam 7 Julai 1959, saya datang lagi ke Padang Rengas, dan pada tengah malam selesai berunding dengan ketua-ketua PAS Perak, barulah bertolak bersama Haji Hasan Adli ke Ipoh.

Pagi-pagi 8 Julai saya berangkat ke Telok Anson, dan dari sana saya kembali ke Kuala Lumpur, kerana mesyuarat pada malam itu. Perjalanan saya semuanya dilapurkan dan malam itu kami berbincang hingga jam 3.00 pagi. Urusan menghadapi pilihanraya parlimen dibincangkan terus menerus hingga tengah hari 10 Julai 1959.

Sudah berhari-hari siang dan malam tidak ada rihat. Masa tidur hanya antara tiga atau empat jam sahaja. Setiap detik dipergunakan untuk persiapan pilihanraya parlimen.

Sebahagian besar dari calun-calun PAS telah ditentukan untuk bertanding. Dr. Burhanuddin akan bertanding di Besut, Khadijah Sidek di Dungun dan Hasan Adli di Kuala Trengganu Utara.

Saudara Zulkifli Muhammad akan bertanding di Bacok, Othman Abdullah di Tanah Merah, Datuk Raja Muham-

mad Hanifah di Pasir Mas Hilir dan Haji Ahmad Prai — Haji Ahmad Abdullah dari Butterworth akan bertanding di Kuala Kelantan. Adapun saya sendiri belum ditentukan samada di Ulu Kelantan atau di Tumpat.

Kawan kita Muhammad Asri adalah Pesuruhjaya PAS di Kelantan, dan apabila beliau memenangi pilihanraya negeri, sepatutnya dialah yang dipilih menjadi Menteri Besar di Kelantan. Kawan kita mempunyai pertimbangan lain dari apa yang sepatutnya, kerana sesuatu sebab keluarga yang tidak perlu saya membuat ulasan, maka jawatan Menteri Besar itu telah diberi kepada Haji Ishak Lofthi.

Muhammad Asri dicadangkan sebagai Yang Dipertua Dewan Perhimpunan Negeri Kelantan, dan dia juga akan bertanding dalam pilihanraya parlimen di kawasan Pasir Putih.

Oleh sesuatu sebab yang berkembang di saat selesai pilihanraya negeri, memaksakan parti meletakkan Nik Man bin Nik Mat sebagai calon untuk kawasan parlimen Pasir Mas Hilir. Beliau telah pun memenangi pilihanraya negeri di kawasan Meranti, di Pasir Mas.

Sehingga ini belum seorang pun dari anggota PAS di Kelantan yang telah bergelar 'Datuk'. Justeru kerana itu, saya belum menyebut 'Datuk' pada nama-nama mereka yang sekarang telah bergelar 'Datuk'.

Saya akan mulai menggunakan tambahan perkataan Datuk dalam surat-surat akan datang, iaitu setelah sampai kepada cerita bermulanya pemerintahan PAS, sekalipun gelaran itu telah diterima pada tarikh-tarikh yang tidak bersamaan.

Pada 11 Julai 1959 saya bertolak ke Kelantan dengan keretapi untuk bertanding di satu kawasan pilihanraya di

Kelantan.

Pada 12 Julai, bersama dengan kawan kita Muhammad Asri, saya telah pergi ke Pasir Putih dan Kuala Krai, kerana urusan-urusan tadbir menghadapi pilihanraya parlimen. Dan keesokan harinya saya ke Pasir Mas dan ke kampung Pek di Macang, kerana membuat syarahan.

Pada 14 Julai 1959, saya masih lagi di Kota Bharu, sambil menunggu perkembangan yang sedang berlaku di Tumpat. Perkembangan itu tidak perlu saya ceritakan sendiri. Begitu juga yang lain-lainnya, apabila ianya langsung mengenai diri saya, biarlah orang lain yang membuat kajian dan nilaiannya. Demikianlah yang sepatutnya.

Hampir tengah malam baru saya diberitahu supaya pergi ke Kuala Krai untuk bertanding di kawasan Ulu Kelantan.

Kawasan ini meliputi 3 kawasan pilihanraya negeri iaitu sebahagian daerah Macang dan seluruh daerah Ulu Kelantan. Kawasan ini adalah satu dari kawasan yang terluas di dalam kawasan-kawasan pilihanraya di Tanah Melayu. Dari tiga kawasan negeri, dua dimenangi oleh PAS dan satu oleh Perikatan. Kemenangan PAS ialah di Macang Selatan oleh saudara Haji Muhammad Nor bin Haji Yusuf, dan di Ulu Kelantan Barat oleh saudara Khaider Khatib dengan undi kelebihan tidak sampai lima ratus undi.

Pada 15 Julai pagi-pagi lagi saya berangkat ke Kuala Krai kerana penamaan calun di sana. Maka mulailah saya memasuki pertandingan pilihanraya melawan calun Perikatan iaitu Yang Mulia Tengku Indraputra.

Saudara tentu tidak mengetahui betapa sulitnya masuk bertanding pilihanraya tanpa wang. Perhubungan melalui kereta terlalu terbatas. Pada umumnya perhubungan di

SURAT KELAPAN

kawasan Ulu Kelantan itu lebih banyak memerlukan penggunaan motobot dan keretapi.

Sehingga selesai pilihanraya itu, saya tidak sempat sampai ke seluruh pelusuk kawasan yang di timur bersempadan negeri Trengganu, di barat bersempadan negeri Perak dan di selatan bersempadan negeri Pahang.

Saya bekerja sekadar yang terdaya. Ramai anggota-anggota PAS dan penyokong-penyokong bekerja bersama-sama siang dan malam. Umumnya mereka bukan sahaja memberi tenaga, malah mengeluarkan wang dari saku masing-masing pula, kerana mahu memenangkan calun-calun PAS yang masuk bertanding.

Akhirnya sampailah ke hari mengundi 19 Ogos 1959. Pada malam kiraan undi saya dikawal begitu kuat oleh pemuda-pemuda PAS yang diketuai oleh saudara Ismail bin Abdullah. Konon khabarnya saya akan ditembak, sekiranya menang. Beberapa kawan menasihatkan supaya saya tidak pergi ke tempat mengira undi. Tentu saya tidak setuju dengan saranan seperti itu. Saya telah pergi ke sana dan pemuda-pemuda PAS telah memberi kawalan yang sungguh rapi.

Kawasan pertandingan saya itu adalah satu kawasan yang sukar dijamin kemenangannya, apabila diperhatikan jumlah undi-undi yang didapati oleh calun-calun negeri. Sekiranya saya menang pada hemat saya hanyalah dengan beberapa undi sahaja. Dan sebenarnya telah saya rasa betapa beratnya untuk menang dengan tidak punya wang yang cukup untuk kenderaan-kenderaan motor di sungai dan di darat. Maka berlakulah hukum Allah terhadap ham-banya.

Sepuluh calun-calun PAS yang bertanding di Kelantan

semuanya telah menang, kecuali saya seorang sahaja yang alah dengan undi sebanyak 464 undi sahaja.

Adat berlawan memang begitu. Saya telah berdiri memberi ucapan tahniah kepada Tengku Inderaputra yang telah berjaya dalam pilihanraya itu. Demikianlah semuanya berakhir.

Telah kalahlah saya di dalam pilihanraya parlimen, di satu kawasan yang ditentukan oleh kawan-kawan saya untuk saya. Hal-hal mengenai sebelum kalah dan sesudah kalah semuanya adalah di dalam urusan Allah belaka. Sebagai seorang yang percaya kepada Qadar, tidak ada apa yang patut saya merasa keciwa.

Pagi-pagi 20 Ogos, saya kembali ke Kota Bharu. Dijangka pada tanggal 22 saya akan kembali ke Kuala Lumpur. Tetapi pada 4.00 petang pada 21 Ogos, saya diberitahu supaya menerima tawaran untuk menjadi Ahli Dewan Negera.

Saya telah menyatakan kepada kawan kita Muhammad Asri, berilah masa kepada saya untuk berfikir.

Persoalan ini datangnya secara mendadak, kerana PAS Kelantan telah pun menentukan dua orang Senator yang akan dipilih mewakili Kelantan pada persidangan Dewan Negeri yang akan berlangsung pada 23 Ogos, 1959. Dua orang itu ialah pertama Tuan Haji Nik Muhammad Adib dan yang kedua Tuan Haji Muhammad Nor bin Haji Ibrahim.

Saya tidak tahu entah apa gerangan sebabnya, maka Tuan Haji Muhammad Nor telah menolak jawatan itu. Kerana penolakannya di saat akhir itulah, maka saya ditawarkan menjadi Senator. Sungguh terasa berat sekali perasaan saya hendak menerima tawaran itu. Semalam saya

SURAT KELAPAN

memikirkannya. Lalu hal ini saya kemukakan kepada saudara Khaider Khatib, dan kemudian kepada Dr. Burhanuddin apabila kebetulan beliau datang ke Kota Bharu pada 22 Ogos 1959.

Kepada mereka saya nyatakan keberatan saya untuk menerima. Tetapi nasihat mereka adalah sama sahaja meminta saya menerima. Akhirnya pada jam 6.35 petang 22.8.1959, saya tandatangani borang pengakuan menerima pencalunan menjadi Ahli Dewan Negara.

Pada 23 Ogos 1959 saya ikut hadzir menyaksikan persidangan Dewan Negeri Kelantan, di mana pada hari itu saya dipilih oleh Dewan Negeri Kelantan menjadi Senator selama tiga tahun bersama Tuan Haji Nik Muhammad Adib yang juga dipilih untuk selama enam tahun.

Beberapa hari kemudian pada 27 Ogos saya kembali ke Kuala Lumpur. Pergerakan PAS tidak pernah berhenti-henti sejak selesai pilihanraya. Di Kelantan dan di Selangor saya terus hadzir memberi ceramah-ceramah kepada anggota-anggota PAS. Pada 5 September 1959, saya membuat penerangan di Ulu Bernam dan menubuhkan PAS cawangan Ulu Bernam, di seberang Tanjung Malim, Perak.

Jawatankuasa Agung PAS yang bersidang pada 9.9.1959 membenarkan perletakan jawatan saya sebagai Ketua Penerangan PAS, dan kembali ke Kota Bharu, Kelantan.

Pada hari Jumaat, 11 September, saya telah mengangkat sumpah sebagai Ahli Dewan Negara, dan keesokannya Parlimen Persekutuan Tanah Melayu dibuka dengan resmi oleh Sri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung.

Bermulalah satu babak dalam perjuangan, di mana sekarang PAS memerintah dua buah negeri di dalam Perse-

kutuan Tanah Melayu, dengan 13 anggotanya di Dewan Rakyat dan 4 orang lagi di Dewan Negara. Senator-senator PAS dari Trengganu ialah saudara Da Abdul Jalil dan Tuan Haji Abbas, di mana semuanya seramai 17 orang anggota PAS di dalam parlimen untuk menyuarakan fikiran dan pendapat-pendapat sebagai satu gulungan pembangkang yang terbesar di dalam parlimen.

Peranan PAS sebagai pembangkang di parlimen telah pun dirumuskan iaitu akan memainkan peranan pembangkang yang aktif dan 'adil'. Maksud dari 'adil' ini ialah anggota-anggota PAS akan tidak membuat bangkangan semata-mata kerana kita adalah pembangkang.

Sesuatu yang mahu dikerjakan oleh kerajaan, jika baik akan disokong, jika kurang baik akan diberi pandangan, atau dengan lain perkataan akan membuat teguran-teguran yang membina.

Akan tetapi dalam sebarang perkara yang tidak baik akan ditentang habis-habisan.

Demikianlah caranya PAS akan memainkan peranan sebagai pembangkang yang dirumuskan oleh saudara Zulkifli Muhammad, di mana setiap anggota mempunyai kebebasan untuk berbicara dalam garis-garis yang telah dirumuskan itu.

Soal di parlimen sebagai pembangkang adalah sangat mudah ditentukan sikap dan cara tindakannya. Tetapi se-

bagai partai yang menguasai negeri, di mana negeri-negeri itu masing-masing telah mempunyai perlembagaan, di mana perlembagaan itu pula tertakluk kepada tidak bertentangan dengan perlembagaan negara Persekutuan, maka ini adalah satu persoalan yang sangat berat.

Kekuasaan negeri dan kekuasaan Persekutuan telah dibahagi dan diatur, di samping kekuasaan negeri-negeri dalam batas-batasnya yang diizinkan oleh perlembagaan, terdapat pula kekuasaan Persekutuan di dalam negeri-negeri menurut ketentuan-ketentuan perlembagaan negara.

Dalam melaksanakan pentadbiran, ada jabatan-jabatan negeri dan ada pula jabatan Persekutuan, yang masing-masing berkuasa menurut batasnya. Sementara ada kuasa-kuasa yang ditentukan sebagai kuasa bersama atau tanggungjawab bersama dalam perlaksanaannya.

Dewan negeri tidak boleh membuat undang-undang yang bertentangan dengan undang-undang Persekutuan apatah lagi bertentangan dengan perlembagaan Persekutuan. Dewan negeri tidak boleh meminda perlembagaan yang membawa perbezaan-perbezaan dan pertentangan dengan setiap peruntukan-peruntukan yang telah ada di dalam perlembagaan Persekutuan.

PAS telah memenangi dan berkuasa di dua negeri di dalam Negara Persekutuan Tanah Melayu yang perlembagaannya dan perlembagaan negeri-negeri di dalamnya adalah semuanya bercorak 'secular'. Negara dan perlembagaan yang menurut istilah orang-orang Eropah dan Amerika sebagai negara yang 'ideal' dalam urusan keduniaan, di mana tidak bercampur dengan hal-hal keagamaan dan kepercayaan kerohanian.

Cita-cita politik PAS, sebagai sebuah partai yang memperjuangkan perlaksanaan cara hidup dan hukum-hukum Islam di dalam diri seseorang, masyarakat dan urusan perintahan negara tidaklah akan dapat dilaksanakan dengan sempurna dalam keadaan yang sedang ujud di negara ini. Cita-cita politik PAS hanya akan dapat diisi sedikit demi sedikit sekiranya PAS menguasai kekuasaan di peringkat Persekutuan.

PAS, hanya menguasai dua buah negeri di Pantai Timur yang terkenal miskin dan mundur dan sementara itu perintahannya tertakluk kepada undang-undang dan perlembagaan yang telah ada di samping mesti bekerjasama dan mendapat kerjasama dari kerajaan pusat 'Persekutuan', di Kuala Lumpur yang dikuasai oleh Parti Perikatan.

Inilah satu cabaran yang perlu dihadapi oleh PAS. Hal ini tidaklah menyulitkan, sekiranya tadinya telah ada persediaan kader-kader mujahid yang terlatih dengan konsep perjuangan politik Islam, di mana tentu mereka dapat bersabar dengan kekuatan jiwa dan keteguhan hati. Malangnya inilah yang tidak ada dan belum sempat diadakan oleh PAS, sebelum kemenangan yang memeranjatkan itu.

Kemenangan PAS yang membawa kepada menguasai negeri adalah satu kemenangan yang terlalu cepat datangnya, sebelum partai meningkat kepada kematangan dalam perjuangan yang besar ini.

Memasuki pilihanraya adalah perjuangan yang kecil. Tetapi menang dan memerintah adalah satu perjuangan yang besar.

Saya tidak tahu adakah telah pernah saudara fikirkan hal yang seperti ini dahulu, sekiranya saudara ada

SURAT KELAPAN

bersama-sama pada zaman itu. Andaikata saudara tidak sezaman dengan perkembangan-perkembangan ini, maka hal-hal yang berlaku sesudah saudara dewasa tidak dapatlah saudara memberi nilai yang adil, kecuali saudara mahu surut ke belakang melihat asal usul dan mula pertamanya.

Sekian dahulu. Semuga kita bertemu lagi dalam surat yang akan datang, wassalam.

*

SURAT KESEMBILAN

Saudara yang diingati.

Dalam surat saya yang lalu telah saya nyatakan pendapat saya, bahawa berhubung dengan keadaan-keadaan yang ujud dari segi perlombagaan dan pertadbiran, maka cita-cita politik PAS hanya akan dapat dijayakan sedikit demi sedikit melalui kekuasaan PAS di peringkat Persekutuan.

Ini bermakna kekuasaan PAS yang didapati di peringkat negeri sahaja adalah satu beban berat yang terpaksa digalas dan oleh keberatannya akan kelihatanlah perjalanan yang terhoyong-hayang, atau terumbang-ambing, dan sekiranya kekuasaan pusat tidak juga didapati mungkin segala-galanya akan patah di separuh jalan.

Kedudukan kerajaan PAS di Trengganu telah saya ramalkan tidak akan dapat bertahan lama, kerana kenyataan yang telah saya lihat sendiri pada permulaan hendak membentuk kerajaan di sana. Saya percaya pihak Parti Perikatan yang telah mengatakan kekalahan mereka di sana seperti menelan pil yang pahit, tidak akan berdiam diri untuk menggugat kerajaan PAS Trengganu yang lemah dari permulaannya lagi.

Hal ini telah berlaku dan akhirnya tumbanglah kerajaan pilihan rakyat ala demokrasi barat itu melalui slogan dan drama politik ala demokrasi barat juga. Saya telah ikut sama cuba menyelamatkan kerajaan PAS di Trengganu.

SURAT KESEMBILAN

Tetapi segala tenaga dan usaha yang dicurahkan ke sana tidak dapat juga menyelamatkannya daripada menghadapi keruntuhan yang tidak dapat dielakan lagi.

Demikianlah riwayat pemerintahan PAS di Trengganu. Saya tidak mahu menulis dan mengulas hal-hal mengenainya secara luas. Pada hemat saya persoalan kemenangan PAS di sana, dan kemudian kejatuhan kerajaan PAS adalah memerlukan satu penulisan yang khusus baginya.

Saya fikir ada lebih baik saya tidak menulis mengenainya kerana banyak sekali hal-hal yang mengenai pergolakan di Trengganu itu yang saya tidak dapat ingat lagi, seperti ingatan saya terhadap perkembangan dan pergolakan di negeri Kelantan.

Kelantan, bagi saya terlalu sebatی, sebab saya mulai menggerakkan PAS di Kelantan sejak tahun-tahun lima puluhan. Saya menaruh harapan terlalu besar bahawa di negeri Kelantan dengan penduduknya yang sedemikian rupa akan dapat dibimbing menjadikan contoh betapa perjuangan Islam dapat digerakkan dari sana. Contoh perjuangan Islam yang digerakkan dari sana akan diperhati dan diikuti oleh kawan dan lawan di seluruh tanahair.

Saya sangat sedar bahawa rakyat Kelantan jika mempunyai pemimpin-pemimpin yang benar-benar bekerja untuk mereka, tidak syak lagi akan terus memberi pengorbanan untuk menghasilkan kejayaan kepada cita-cita perjuangan PAS yang lebih luas lagi.

Justeru kerana keinsafan inilah saya telah meletak jawatan sebagai Ketua Penerangan PAS Pusat, yang seharusnya berkediaman di Kuala Lumpur, supaya saya

KENAPA SAYA TINGGALKAN PAS

dapat kembali berada di Kelantan di tengah rakyatnya, dengan harapan akan dapat memberi sumbangan tenaga dan fikiran saya terhadap kemajuan dan kemantapannya dalam saat ujian yang sangat berat sekali.

Saya telah berpindah kembali ke Kota Bharu. Dan dalam bulan Disember 1959, kongres Dewan Pemuda PAS telah melantik saya menjadi pengurus tetapnya, dan Mesyuarat Agung PAS pula telah memilih saya menjadi ahli Jawatankuasa kerja Agung PAS.

Hasrat saya mahu menyatukan tenaga untuk membela dan mempertahan kerajaan PAS di Kelantan. Sekalipun saya sedar terlalu sulit persoalannya, berhubung dengan kedudukan perlombagaan negeri dan negara Persekutuan.

Pada hemat saya biar betapa pun sulitnya perkara-perkara yang akan dihadapi oleh kerajaan negeri dalam tujuan melaksanakan manifesto pilihanraya khasnya dan cita-cita PAS keseluruhannya nanti, semuanya akan dapat diatasi dengan cara menyusun partai dan menanam kesedaran berpartai, sambil menunjuk di mana titik-titik kelemahan yang menyebabkan cita-cita PAS tidak dapat dilaksanakan seperti konsep Islam yang menjadi dasar perjuangan PAS.

Jika partai disusun kemas, setiap persoalan diajak pengikut-pengikut PAS mengerti duduk perkara, dan setiap pemimpin PAS menjadi sebaik-baik tauladan dalam hidup *ubudiah* dan berbakti kepada Allah, maka segala apa yang mungkin berlaku untuk melumpuhkan PAS di Kelantan tidak akan berkesan, malah setiap usaha dan bukti kejujuran pimpin PAS akan diberi rahmat dan diberkati oleh Allah.

Saya percaya dengan sebenar-benar percaya bahawa

SURAT KESEMBILAN

manusia adalah boleh menurut pemimpin-pemimpinnya. Rasulullah (s) mengatakan bahawa manusia itu di atas agama atau cara hidup ketua-ketua mereka. Hal ini saya tidak merasa ragu-ragu sama sekali atas kebenarannya.

Saya berazam akan berusaha supaya rakyat Kelantan yang dituduh sebagai bodoh kerana memilih PAS diberi kesedaran pengetahuan hingga setiap mereka sentiasa bersama pemimpin-pemimpinnya menjadi model atas persaudaraan muslimin, menjadi model atas kesedaran muslimin, menjadi model atas tingkah laku muslimin, menjadi model atas kesebaran dan keazaman muslimin, dan menjadi model atas kesungguhan perbuatan muslimin.

Ini perlu dilakukan melalui organisasi kepartaian, melalui kursus-kursus dan pembentukan kader-kader di seluruh negeri secara langsung dan berkesan kepada rakyat. Di samping itu saya berminat untuk berusaha membantu menerbitkan semula majallah '*Suara Islam*' yang telah terkandas penerbitannya sejak bermula kempen pilihanraya. Inilah satu tugas penting yang perlu diberi nafas kembali sertamerta oleh PAS.

Sayang sekali, biar apa pun yang saya fikirkan, kawan-kawan lama yang telah menang dalam perjuangan pilihanraya lebih sibuk memikirkan rancangan-rancangan membuat persiapan mencari kawasan-kawasan bijeh besi dan sebagainya. Sehingga saudara Zulkifli Muhammad merasa begitu sedih memerhatikan perkembangan-perkembangan yang mendadak ini. Sesungguhnya inilah perkara yang menyerang beberapa orang dari pejuang-pejuang kita yang tidak pernah saya duga akan jadi begitu dalam tempuh yang begitu cepat.

Saya teringat peringatan-peringatan Tuhan berhubung

ujian terhadap mereka yang mengaku telah beriman. Saya terkenang kepada peristiwa kesombongan Iblis hingga dilaknat oleh Allah. Iblis meminta diberi peluang untuk menggoda Adam dan keturunannya dari atas dan dari bawah, dari kiri dan dari kanan dan juga dari hadapan dan dari belakang.

Sesungguhnya iblis itulah syaitan, musuh Adam dan keturunannya, yang belum bersara dari melaksanakan tugas dan sumpahnya supaya Allah akan mendapati kebanyakan keturunan Adam tidak akan berterima kasih kepadaNya.

Nyatalah setelah kemenangan didapati, maka syaitan daripada gulungan jin dan manusia memulakan peranan mereka, menimbulkan rasa sesuatu di dalam dada manusia.

Inilah satu kenyataan yang terpaksa dihadapi sejak permulaan tahun 1960. Justeru kerana itu sebarang apa yang saya cakap dalam ikhtiar untuk menjadikan Kelantan sebagai model dari segala segi, telah ditaruh cap sebagai ahli tiori.

Mengingatkan ini semua, maka patahlah harapan saya untuk melihat majallah '*Suara Islam*' akan dapat diteruskan penerbitannya setelah tergendala kerana pilihanraya itu. Justeru kerana itu, maka saya bulatkan hati saya untuk memulakan penerbitan buku yang akan menuju kepada memiliki percetakan sendiri dan menerbit majallah bulanan serta juga mingguan, yang bebas dari milik partai, tetapi yang tentunya ialah memperjuangkan cita-cita Islam.

Demikianlah Pustaka Islam dilahirkan, dengan buku pertama penerbitannya ialah '*Umat Islam di antara Dajjal dan Yakjujawamakjuf*' tulisan saya sendiri, telah diterbitkan pada tahun 1961.

Dengan terbitnya buku pertama dari Pustaka Islam, tidak lama kemudian saya terbaca dalam akhbar Utusan Melayu berita yang menyebutkan PAS mulai melangkah dengan memulakan penerbitannya dengan nama Pustaka Islam.

Saya telah membuat bantahan kepada Utusan Melayu melalui pemberitanya di Kota Bharu, iaitu berita yang dilapurkan itu adalah tidak betul sama sekali. Saya mesti menafikannya, kerana PAS sama sekali tidak kenamengena dengan Pustaka Islam yang saya usahakan itu.

Sebenarnya sebelum berita itu keluar, saya telah pun meminta kawan-kawan menyokong rancangan yang telah saya mulakan itu. Maksud saya Pustaka Islam yang saya pelupuri itu hendak dijadikan satu perkongsian antara orang-orang PAS. Sayang sekali rancangan itu pun tidak mendapat perhatian.

Saya telah dapat beberapa mesin cetak yang telah terlalu tua usianya. Saya telah menyewa sebuah kedai sebagai tempat percetakan Pustaka Islam. Saya juga telah mendapat lesen percetakan. Adapun yang tidak dapat ialah hendak menjalankan percetakan itu. Sebabnya ialah

kerana saya tidak mempunyai wang untuk membeli alat-alat dan modal pusingannya.

Telah saya minta kawan-kawan di Kota Bharu ikut serta dalam rancangan perkongsian yang saya usahakan itu. Kata saya kita cari seorang yang layak untuk menguruskan percetakan dan penerbitan, kerana saya sendiri tidak mahu membiarkan diri saya terikat dengan tugas perniagaan itu. Bagi saya bergerak menyusun partai dan meningkatkan kesedaran ahli-ahli PAS melalui kursus-kursus langsung kepada cawangan-cawangan PAS adalah penting, di samping usaha penerbitan yang perlu diadakan.

Kawan kita mengatakan tindakan saya mendapatkan mesin-mesin lama itu tidak bijak, dan berbagai-bagai lagi yang tidak perlu saudara tahu. Bagi saya mesin itu masih boleh bekerja dan sebenarnya mesin-mesin itu telah berjasa besar sejak puluhan tahun dahulu. Mulanya ianya digunakan oleh Mustafa Press di Kota Bharu, kemudian ianya merupakan mesin-mesin pengasas Pustaka Dian, yang membawa Pustaka Dian mendaki kejayaan. Apabila Pustaka Dian telah menukarkan mesin-mesinnya dengan mesin-mesin otomatis, saya mengambil sebanyak tiga mesin, di mana harganya sebanyak dua ribu ringgit ditangguh pembayarannya.

Akhirnya setelah lebih setahun mesin-mesin itu terpaksa saya kembalikan dan telah dijual kepada seorang hamba Allah di Kuala Trengganu yang akan memulakan perniagaan percetakan di sana.

Demikianlah yang telah terjadi. Biarpun saya telah punya lesen dan mesin-mesin percetakan, namun kerana tidak ada modal untuk memulakannya, maka percetakan Pustaka Islam itu tidak pernah dapat berjalan seperti

yang diharapkan.

Kawan-kawan tidak mahu menyokongnya, sebaliknya mereka memperhitungkan betapa keuntungan yang telah saya dapat dari empat buah buku yang telah saya terbitkan. Mereka mengatakan saya menumpukan perhatian kepada Pustaka Islam dan tenaga saya kepada partai telah berkurangan.

Sebenarnya sekiranya diteliti betul-betul, hakikatnya ialah perniagaan saya yang baru dalam peringkat permulaan adalah mengalami kelemahan yang amat sangat.

Buku-buku baru diterbitkan sebanyak empat jenis, belanja cetaknya masih terhutang. Buku-buku yang dikirim kepada penjual-penjual buku umumnya dengan cara diberi hutang. Baki simpanan bertimbun-timbun. Jika dikira stok campur orang-orang yang berhutang, kira-kira perniagaan menunjukkan ada sedikit keuntungan. Tetapi piutang belum tentu dapat dipungut semua, dan buku-buku yang masih dalam simpanan belum tentu akan dapat dijual segera, apatah lagi untuk dijual semuanya.

Hanya penerbit-penerbit buku sahajalah yang mengetahui akan hakikat dari segala kesulitan yang dialami oleh mereka. Mungkin jika banyak buku-buku yang saya dapat terbitkan, dengan begitu pusingan dapat dilakukan dalam hubungan dengan penjual-penjual buku yang terhutang kepada Pustaka Islam.

Untuk menghidupkan Pustaka Islam, saya terpaksa tidak dapat membayar ansuran kereta saya sebanyak \$212.00 sebulan. Akibat daripadanya kereta itu ditarik balik oleh penjualnya. Saya tidak mempersoalkan ada atau tidak ada kereta. Saya membeli sebuah basikal,

dan di Kota Bharu saya berpergian ke mana-mana dengan basikal sahaja.

Kawan kita telah melihat saya menunggang basikal dari atas keretanya di tengah-tengah bandar Kota Bharu. Beliau menyatakan kepada saya cara yang saya lakukan itu adalah memalukan. Dan saudara Zulkifli pada satu masa mendesak saya mempunyai kereta untuk keperluan perjuangan.

Bagi saya sama sekali tidak merasa hina menunggang basikal, dan tidak ada sebab untuk merasa malu kerananya. Kepada saudara Zulkifli saya terangkan, bahawa elauan sebagai ahli Dewan Negara yang saya terima hanya lima ratus sebulan, potongan untuk parti waktu itu 15% bermakna yang saya terima hanya \$425.00 sahaja. Pembayaran ansuran kereta \$212.00 sebulan, menyewa rumah dan menjaga kereta dan belanja rumah, belanja pergerakan yang tidak putus-putus memakan jumlah yang besar sekali. Justeru kerana itu, tidak menanggung beban mempunyai kereta adalah lebih baik bagi saya dengan pendapatan yang kecil begitu.

Pendapat saya diakui benar, tetapi perjuangan memerlukan saya mempunyai sebuah kereta, demikian saudara Zulkifli menegaskan. Kerana desakan ini menyebabkan saya terpaksa patuh dan membeli kereta lagi, dan kali ini sebuah kereta telah terpakai dengan ansurannya \$150.00 sebulan.

Tahukah saudara di England, apabila MacMillan menyerahkan jawatan Perdana Menteri kepada Harold Wilson, keesokannya beliau berbaris menunggu bas untuk pergi kepercetakannya. Dan tahukah saudara bahawa Menteri Luar negera Sweden pernah menunggang basikal datang

SURAT KESEMBILAN

ke kedutaan Rusia di sana, hingga memeranjatkan duta Rusia dan kakitangan kedutaan Rusia. Hal ini diceritakan oleh seorang pegawai kedutaan Rusia (agen rahsia) yang mencari perlindungan politik di Australia.

Sesungguhnya seorang pejuang tidak perlu merasa hina atau malu melakukan sesuatu yang umumnya dilakukan oleh rakyat, kerana kita juga adalah rakyat. Kesenatoran saya pada masa itu, tidak bermakna saya bukan lagi seorang rakyat seperti rakyat yang lain. Saya selamanya adalah hamba Allah, seorang daripada anggota masyarakat, di mana saya berjuang kerana Allah untuk membela nasib mereka dan kita semua.

Berhubung dengan *Pustaka Islam* akhirnya saya berhentikan perniagaan itu, sebagai bukti saya lebih mementingkan parti dari perniagaan saya sendiri. Ini disebabkan pada suatu hari saudara Zulkifli telah datang ke rumah saya. Kami berbicara secara umum mengenai kegiatan perjuangan. Beliau menyatakan PAS kekurangan orang dalam gerakan penyusunan. Dari cakap-cakap beliau membayangkan juga usaha saya itu telah mengurangkan kegiatan saya dalam partai.

Yang demikian saya tegaskan bahawa *Pustaka Islam* akan saya tutup terus, kalau kawan-kawan telah merasakan ini satu usaha yang menghalang saya dari menumpukan masa saya kepada partai.

Demikianlah riwayat *Pustaka Islam* yang saya usahakan dengan harapan akan disokong oleh kawan-kawan dan kemudian akan dilantik seorang lain menjadi pengurusnya, telah tidak mendapat sokongan. Saya tutuplah *Pustaka Islam*, beribu-ribu ringgit wang di tangan orang dan beribu-ribu pulang buku masih dalam simpanan.

Saya kembali mencerahkan seluruh masa dan tenaga untuk partai, kerana saya sangat menghormati permintaan saudara Zulkifli Muhammad. Sebahagian besar wang di tangan orang telah senyap terus, dan buku-buku dalam simpanan saya telah diserahkan kepada Pejabat Agung PAS di Kuala Lumpur untuk dijual dan wangnya semua untuk pejabat Agung PAS.

Saya lupakan soal penerbitan dan percetakan. Saya tanggung kerugian matabenda seluruhnya, dan saya serahkan diri saya untuk perjuangan menuju cita-cita menegakkan kalimah Allah.

Permintaan saudara Zulkifli Muhammad, adalah satu permintaan yang sungguh jujur. Beliau menghendaki tenaga saya untuk partai. Untuk mencapai cita-cita perjuangan itu, setiap pejuang faham, bahawa perjuangan untuk mencapai cita-cita itu hendaklah dilakukan bersungguh-sungguh atau kalau tidak mahu hendaklah ditinggalkan sungguh-sungguh pula.

Zulkifli Muhammad tidak dapat melakukan sendirian, bahkan Nabi Muhammad pun telah melakukan perjuangan Islam ini dengan sendirian. Justeru kerana itu saya tidak ragu-ragu bila perjuangan menghendaki, maka saya tutup-lah cerita *Pustaka Islam* yang saya usahakan dengan ber-susah payah itu.

Ada kawan-kawan yang mengatakan tindakan saya menutup *Pustaka Islam* itu sebagai merajuk atau berkecuhati. Ada pula yang mengatakan saya sememangnya bodoh dalam tindakan saya itu.

Berbagai pendapat dari kawan-kawan itu, tidak tepat sama sekali. Saya tidak mengerti merajuk, kerana itu adalah sikap anak-anakan. Tidak pula saya bodoh, kerana

saya punya pengetahuan. Yang mendorongkan saya, ialah kerana sebagai pembaca, pensyarah dan pengkursus isi Al-Quran, maka saya tertakluk kepada apa yang saya temui di dalam Al-Quran.

Allah, Tuhan saya dan Tuhan saudara telah berfirman; *"Katakanlah kepada mereka adakah ibubapa kamu, anak-anak kamu, saudara-saudara kamu, suami-suami kamu dan isteri-isteri kamu dan keluarga kamu, adakah harta-harta kekayaan yang kamu miliki dan perniagaan yang kamu bimbangkan kerugiannya dan rumah-rumah kediaman yang disukai kamu itu lebih dicintai oleh kamu dari Allah, dari RasulNya dan dari perjuangan untuk jalanNya? Jika demikianlah, maka tunggulah hingga Allah memberi keputusanNya dan sesungguhnya Allah itu tidak memberi hidayah kepada kaum yang fasik."*

Demikian kata-kata Tuhan kita yang termaktub pada surah At-Taubah, ayat 24. Bagaimana sikap saudara dengan ayat Allah ini? Kita mengatakan sesungguhnya Allah itu benar, sesungguhnya 'Arasy-Nya itu benar, sesungguhnya MalaikatNya itu benar, sesungguhnya Rasul-rasulNya itu benar, sesungguhnya kitab-kitab Allah itu benar, sesungguhnya Qada dan Qadar itu benar, sesungguhnya Syurga itu benar, sesungguhnya Neraka itu benar, dan sesungguhnya Qiamat itu benar dan Hisab itu benar. Sekali lagi saya mengulangi pertanyaan, apakah sikap saudara dengan firman Allah itu? Mendengar dan taat atau mendengar tetapi berpaling?

Biar siapa pun mengatakan saya bodoh, saya cukup sedar dengan sikap saya, dan memadailah Allah sendiri yang menjadi saksi atas apa-apa yang saya lakukan. Tidak

Saya ke
untuk p
saudar
tang
sin
P.

kita yang tersembunyi dari
seluruh alam ini. Saya harap
bahawa manusia yang sedikit
juga akan manusia keturunan

Saudara.

Sekarang saya kembali kepada persoalan PAS sedang berkuasa di Kelantan. Tentu saudara ingin tahu dan teman-teman saudara pun demikian pula, apakah yang telah dibuat oleh PAS di Kelantan.

Suatu hal yang perlu sekali saya bicarakan sebelum kita membincangkan tentang PAS. PAS bukanlah partai politik yang lain-lain ialah perkara agama yang menjadi dasar politik PAS, tetapi agama itu tidak menjadi dasar politik kepada sebarang partai politik yang lain di tanahair kita ini.

Hanya PAS sahaja satu-satunya partai politik yang berteras kepada cita-cita Islam. Selain daripada PAS tidak ada satu pun yang bermaksud hendak melaksanakan ajaran Islam di dalam diri seseorang, di dalam masyarakat dan di dalam urusan pemerintah negara.

Sekarang PAS sedang berkuasa di Kelantan, kerana telah menang pilihanraya pada tahun 1959. Dan PAS yang mahu memerintah dengan dasar Islam terpaksa memahami kedudukan perlombagaan-perlombagaan, persekituan dan negeri Kelantan.

Soal agama dalam pengertiannya yang terbatas seperti

SURAT KESEMBILAN

yang direstu oleh kekuasaan penjajahan Inggeris, telah dikekalkan oleh UMNO dan Perikatan dalam bentuk yang ada dan sangat menyenangkan hati bekas penjajah Inggeris Nesrani itu.

Demikianlah adanya. Urusan agama dalam pengeritan yang terbatas itu tertakluk kepada kekuasaan raja yang dibantu oleh Mufti dengan jabatannya, dan Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu dengan pejabatnya. PAS tidak boleh menyoal sesuaikah ini dengan cita-cita perjuangan PAS. Semuanya telah tertulis di dalam perlembagaan.

Untuk meminda perlembagaan negeri Kelantan supaya sesuai dengan konsep Islam seluruhnya, PAS adalah mempunyai kemampuan untuk berbuat. Dewan Negeri Kelantan dikuasai oleh PAS dengan suara yang lebih dari cukup untuk meminda perlembagaan negeri. Tetapi sebarang pindaan tidaklah boleh bertentangan dengan peruntukan-peruntukan yang telah ada di dalam perlembagaan Negara Persekutuan. Dewan negeri tidak boleh mengatasi perlembagaan Persekutuan. Justeru kerana itu lah telah saya sebutkan dalam surat yang dahulu, bahawa yang perlu kepada PAS ialah menguasai kerajaan Persekutuan di Kuala Lumpur, dan membuat sesuatu di Parlimen dengan bijak dan sabar.

Dapatkah saudara memikirkan betapa berat beban yang kami pikul dan betapa besar pula halangan yang kami hadapi, untuk melaksanakan cita-cita perjuangan Islam di tanahair kita ini?

Saya harap saudara ikut memikirkan juga hal ini. Jika saudara dapat memikir dan menimbang dengan 'adil, maka saudara akan sependapat dengan saya, adalah sukar

untuk dapat dijalankan keseluruhan cita-cita politik Islam dengan segala halangan yang ada dari sudut undang-undang pertadbiran dan perlembagaan.

Bagaimanapun, tidaklah bermakna apabila kita tidak bebas berbuat apa-apa yang dikehendaki, maka kita campakkan semua sekali apa yang ada di tangan kita.

Kami telah cuba berbuat apa sahaja yang dapat dibuat. Isnya Allah saya akan menceritakan sebahagian dari apa-apa yang telah kami cuba membuatnya. Sehingga saya menulis lagi, saya do'akan saudara dan seluruh mukminin dan mukminat, muslimin dan muslimat yang telah mati dan yang sedang hidup, semoga diberkati oleh Allah dan diberi pertolongan dengan sebaik-baik pertolongan supaya mendapat keselamatan dan kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Sekian.

SURAT KESEPULUH

Saudara.

Saya menulis lagi untuk menceritakan apa-apa yang dapat saya ceritakan kepada saudara. Dalam surat yang lalu telah saya terangkan betapa beratnya persoalan untuk menjayakan cita-cita politik Islam. Tetapi biar bagaimanapun sukar dan sulit, kami berazam akan mencuba sebanyak yang boleh untuk merubah, memperbaiki apa-apa yang dapat dirubah atau dibaiki.

Sebuah jawatankuasa perancang dasar telah dibentuk yang anggotanya terdiri dari mereka yang mewakili pejabat agung dan PAS Kelantan. Jawatankuasa ini dipengerusi oleh Pesuruhjaya PAS. Anggota-anggota jawatankuasa ini ialah Datuk Haji Muhammad Asri, Haji Muhammad Nor bin Haji Yusuf, Khaider bin Khatib, dan Zulkifli Muhammad dan saya sendiri. Saudara Zulkifli dan saya adalah mewakili pejabat agung PAS.

Kami berbincang-bincang berbagai-bagai persoalan termasuk di antaranya ialah perkara memperbaiki sedapat mungkin pentadbiran pejabat agama dan Majlis Ugama Islam dan Isti'adat Melayu. Keinginan kami adalah ke arah penyatuan pentadbirannya.

Pihak kerajaan negeri mengemukakan perkara ini. Menurut saluran, perkara-perkara yang menyentuh pejabat agama dan Majlis Ugama adalah langsung di bawah kuasa Sultan. Justeru kerana itu izin dari pihak Istana adalah

up

ini sebuah jawatankuasa dibentuk, di jaan negeri yang diperintah oleh PAS supaya diwakili oleh dua orang anggota.

Suara anggota PAS seramai dua orang ini adalah ter-lalu kecil untuk mempertahankan pindaan-pindaan yang dimaksudkan oleh PAS dari segi pentadbiran apa yang dikatakan agama itu. Jawatankuasa telah bekerja menu-rut salurannya. Cadangan untuk satu perubahan yang besar telah tidak dapat dilakukan. Umumnya hanya sedikit sekali dari cadangan-cadangan pihak kerajaan PAS telah dimasukkan. Dan akhirnya semua ini telah diperundang-undangkan dan disahkan menurut saluran yang biasa.

Tentu sekali kami tidak merasa puashati. Tetapi apa yang dapat dibuat oleh pemerintahan PAS di Kelantan tidak lebih daripada apa yang telah berlaku di sana di antara tahun 1960 dan 1962.

Demikian sahajalah yang dapat saya bayangkan dalam lapangan yang difahamkan sebagai perkara-perkara agama. Bagi saya tentulah hal-hal itu satu sudut sahaja dari yang maksudkan tentang agama. Bagi kita, seperti yang sau-dara juga maklum, tidak ada satu perkara pun yang tidak terhitung di dalam apa yang dikatakan agama Islam, di mana seluruh aspek kehidupan manusia telah ditentu-kan garisnya oleh Allah, dengan huda atau petunjuk, menerusi Quran dan sunnah Rasulullah.

Dalam sebuah negara Islam, pentadbiran negara adalah diatur dalam bentuk kesatuan yang tidak memerlukan mahkamah agama, sekolah agama dan guru agama misalnya. Seluruh urusan mengatur kehidupan manusia dari

SURAT KESEPULUH

segi politik, ekonomi dan sosial adalah satu jua dan tidak boleh diceraikan pentadbirannya.

Perkataan agama tidak perlu ditunjul-tunjul. Yang perlu ialah perlaksanaan cara hidup Islam itu supaya hidup subur di dalam segala bidang masyarakat dan negara, menurut ketentuan Allah dan RasulNya.

Saya telah jelaskan bahawa PAS tidak dapat membuat lebih dari apa yang telah dibuat di Kelantan. Semoga Allah mengampunkan kami atas kelemahan-kelemahan kami yang tidak dapat menyempurnakan titah perintah-Nya.

Pada hermat saya, sekiranya dapat disusun kembali masyarakat di Kelantan tentulah akan dapat dijayakan sedikit sebanyak cita-cita PAS, sebagai langkah yang paling perlu sekali iaitu mendapat kuasa pemerintahan di peringkat negara Persekutuan.

Setiap perubahan hendaklah dimulai dari bawah, iaitu langsung dari kampung-kampung ke mukim-mukim, dan dari sinilah akan tergabung tenaga raksaksa yang akan melahirkan Thio-Demokrasi, yang sesuai dengan ajaran Islam.

Saya telah kemukakan pendapat-pendapat saya, iaitu jawatan-jawatan Imam dan Ketua kampung (di Kelantan Penghulu) hendaklah merupakan jawatan yang disatukan pada satu peribadi. Dengan ini akan melahirkan daya pimpinan yang tidak terpisah kepada bentuk yang ada yang dikatakan ini urusan negeri dan yang itu urusan agama.

Bermula dari sini pimpinan di mukim telah dapat dipilih dari mereka yang mengerti agama dan beragama.

Sebuah masjid untuk satu mukim adalah juga di-

kembarkan dengan pejabat peribadi yang menjadi ketua, di mana itulah peribadi yang menjadi Imam sembahyang muslimin di sana dan tempat tumpuan rakyat dan pegawai pemerintah yang melawat ke mukim itu.

Pada peringkat di atas daripadanya pun demikian pula. Penghulu atau penggawa beransur-ansur diganti dengan mereka yang berpengetahuan Islam untuk memegang jawatan itu. Bangunan pejabat penghulu atau penggawa ini juga hendaklah berada di kawasan masjid. Dan di sini pun siapa yang menjadi penghulu atau penggawa itulah yang memimpin sembahyang umat Islam di sana.

Langkah penyatuan yang dimulakan dari bawah, perlu diikuti kepada perubahan penggantian atau pengambilan pegawai-pegawai pertadbiran negeri di mana agama adalah menjadi soal yang paling penting dalam temuduga terhadap pemohon-pemohon jawatan ini.

Jika ini dilaksanakan, maka pegawai-pegawai pertadbiran negeri beransur-ansur akan berganti dengan mereka yang berpengetahuan agama, maksudnya tentulah keluaran universiti, dan dengan perubahan ini pimpinan di peringkat daerah atau jajahan di Kelantan sudah dapat disatukan.

Memanglah ini satu teori, dan teori ini tentulah mengambil masa untuk melaksanakannya. Saya percaya bahawa teori ini bukanlah satu teori yang tidak dapat dilakukan dalam peringkat kekuasaan negeri. Memang perlaksanaannya tidak akan begitu digemari oleh mereka yang lemah imannya, dan mungkin akan lahir sabotaj dan pengkhianatan, tetapi itulah yang dikatakan perjuangan.

Saya sering memperkatakan perkara ini. Sehingga saya

katakan pada suatu masa masjid-masjid perlu dibina dengan bentuk yang bertingkat, di mana di sana selain dari tempat bersembahyang, ada juga bilik-bilik pejabat untuk imam atau apa namanya yang mahu disebutkan, dan ada juga bilik perpustakaan dan ada ruang untuk majlis-majlis syarahan dan sebagainya.

Seorang kawan bertanya saya adakah saya telah melihat atau mengetahui bentuk masjid 'Syuhadak' di Jogjakarta, Indonesia. Saya jawab, belum.

Kalau saudara mahu mengetahui inilah di antara perkara-perkara yang dikatakan saya hanya ahli teori. Tulisan saya yang dinamakan '*Umat Islam di antara Dajjal dan Yakjujawamakjuj*' juga dikatakan teori oleh sebahagian kawan-kawan.

Saya dapat menahan perasaan kerana saya ingin kepada perpaduan di antara umat Islam ini kekal. Dan saya sangat mengharapkan PAS dapat dijadikan alat untuk membuktikan amalan ajaran Islam yang nanti akan diterima oleh masyarakat di seluruh tanahair kita, apabila PAS di Kelantan khasnya dapat dijadikan contoh untuk mak-sud itu.

Pada tahun 1962 saya telah membawa satu cadangan di dalam mesyuarat jawatankuasa perancang dasar ber-hubung dengan penubuhan Kolej Islam di Kelantan. Dalam cadangan yang dibuat secara ringkas, saya syurukan supaya kerajaan PAS mempelupuri melahirkan sebuah

Kolej Islam, yang saya gelarkan sebagai Kolej Islam Semenanjung.

Istana Nilam Puri dan kawasannya tidak jauh dari Kota Bharu adalah hak milik kerajaan negeri Kelantan, dapat dijadikan asasnya.

Sumber kewangannya hendaklah dari peruntukan kerajaan negeri, dari anggota-anggota PAS dan umat Islam seluruh tanahair, dan juga dari umat Islam di luar negeri, samada dari negara-negara atau dari peribadi-peribadi.

Penubuhan Kolej Islam ini, hendaklah merupakan satu rancangan yang menuju kepada sebuah Universiti Islam, seperti halnya yang berlaku kepada Aligar Kolej di India, yang dipelupuri oleh Syed Ahmad Khan, di mana kemudiannya telah menjadi Universiti Aligar.

Kertas cadangan saya ini dikemukakan dengan ketawa kecil dalam mesyuarat itu. Inilah satu kertas kerja dari ahli teori kita. Demikianlah kata-kata yang dikatakan sewaktu kertas itu dibentangkan, disambut dengan senyum-senyum lebar dari beberapa orang yang hadir.

Saya diam menunggu apa reaksi saudara Zulkifli Muhammad. Beliau merenung kertas sekeping itu, dan menghadapkan satu pertanyaan kepada saya:

"Apakah maksud saudara Amaluddin mengemukakan cadangan ini?"

Saya mulai berbicara. Saya katakan, sejak beberapa tahun yang lalu Kolej Islam di Kelang, telah diberi wang oleh kerajaan pusat sebanyak \$60,000.00 setahun. Maka sejak itu Kolej Islam di Kelang itu telah kehilangan kebebasannya yang mana dengan itu harapan untuk menjadikan Kolej Islam di Kelang sebagai asas menuju Universiti Islam adalah jauh penggang dari api.

SURAT KESEPULUH

Sebuah partai Islam seperti PAS, mesti sedar yang cita-cita perjuangan Islam adalah satu cita-cita yang jauh dan panjang. Justeru kerana itu persediaan hendaklah dipelupuri oleh PAS yang telah berkuasa di Kelantan untuk melahirkan satu Universiti Islam supaya menjadi kenyataan.

Saya tegaskan, bahawa inilah perkara utama yang menjadi tujuan saya mengemukakan cadangan itu.

Rancangan pertama boleh dimulakan dengan satu fakulti hingga merupakan sebuah universiti yang lengkap dalam berbagai-bagai bidang pengetahuan.

Saya katakan bahawa dasar dari kolej atau kemudiannya menjadi universiti kelak hendaklah diasaskan kepada pengetahuan dan pendidikan Islamiah. Yang mana universiti itu, seolah-olah sebuah kolam ilmu untuk direnangi dan diselami oleh para pelajarnya.

Umat Islam memerlukan sebuah universiti yang sanggup mengeluarkan para intelek muslimin yang kaya dengan cita-cita Islam dan tidak menjadi matlamat belajarnya semata-mata untuk mencari pekerjaan makan gaji, sebagai yang telah berlaku kepada kebanyakan lepasan universiti-universiti dari merata-rata tempat.

Saya tegaskan, bahawa umat Islam memerlukan ulama — intelektual yang berilmu dan beriman, untuk berbakti, di segala bidang dan lapangan yang diperlukan oleh kehidupan manusia di dunia ini.

Seterusnya saya katakan bahawa sekalipun kerajaan negeri berada di dalam keadaan kesempitan kewangan, namun soal ini adalah sangat penting sekali diberi perhatian oleh PAS sebagai sebuah partai yang memperjuangkan cita-cita politik Islam.

Usaha ini mestilah dijayakan dengan penuh kesedaran dan didukung oleh setiap anggota PAS di seluruh tanahair. Demikian sebahagian dari penjelasan saya dalam mesyuarat itu yang masih dapat saya ingat hingga sekarang.

Saudara Zulkifli Muhammad menyatakan pendapatnya, bahawa cadangan saya itu hendaklah diterima. Setelah saudara Zulkifli memberi ketegasan, maka yang lain-lain tidak lagi sanggup berdebat. Cuma dikatakan kerajaan negeri tidak mempunyai wang. Zulkifli menekan supaya perkara itu mesti diterima dan dijalankan.

Oleh kerana mesyuarat itu diberitahu, jawatankuasa belanjawan tahun 1963 telah selesai bersidang, maka saudara Zulkifli menyuruh dimasukkan perkara itu ke dalam ucapan titah belanjawan yang akan disampaikan dalam pembukaan sidang Dewan Negeri kelak.

Demikianlah yang telah terjadi. Cadangan saya telah tidak dibincangkan, tetapi telah dipaksa oleh saudara Zulkifli supaya diterima sebagai dasar yang akan dilaksanakan oleh kerajaan PAS di Kelantan.

Selepas sidang belanjawan 1963, kerajaan negeri telah membentuk sebuah jawatankuasa bagi menyusun persiapan ke arah melaksanakan cita-cita ini. Jawatankuasa tersebut dipengerusikan oleh Datuk Haji Muhammad bin Nasir, Timbalan Menteri Besar pada masa itu.

Jawatankuasa ini bekerja dan timbul cadangan untuk mencari tapak di satu tempat dekat lapangan terbang Gong Kedak, di tepi laut, yang letaknya beberapa batu dari bandar Pasir Putih.

Bagaimanapun setelah pilihanraya 1964, PAS telah kehilangan Zulkifli Muhammad bersama isterinya, kerana kemalangan jalan raya dekat Kuantan. Maka saudara

SURAT KESEPULUH

Abu Bakar Hamzah telah dibawa bertanding di dalam pilihanraya kecil di Bacok.

Selesai pilihanraya ini saudara Abu Bakar Hamzah telah berpindah ke Bacok, dan beliau mencampuri secara cergas di dalam rancangan ini.

Rancangan ini akhirnya dijayakan dengan tertubuhnya Pusat Pengajian Islam yang bertempat di Nilam Puri, seperti cadangan asal saya yang diketawakan dahulu.

Banyak orang merasa bangga dengan adanya Pusat Pengajian Islam Nilam Puri itu. Tetapi bagi saya sendiri sebagai pencetus kepada cita-citanya, tidak dapat berbangga. Kerana kelahiran dan pelaksanaan Pusat Pengajian Islam dengan dua fakultinya itu tidaklah memperlihatkan cara dan pendidikan yang boleh membawa kepada tercapai apa yang dulunya diharap-harapkan.

Apabila begitulah gayanya, maka nyatalah tujuan asal yang saya kemukakan dan saudara Zulkifli Muhammad memaksa supaya diterima itu telah gagal untuk mencapai matlamatnya.

Begitulah saudara cerita asal mula tercetusnya Pusat Pengajian Islam di Nilam Puri itu. Andaikata saudara Zulkifli Muhammad tidak meninggal dunia ini, saya percaya keadaannya adalah berbeza dari apa yang telah terjadi dewasa ini.

Nasib Pusat Pengajian Tinggi Islam Nilam Puri ini sama sahaja riwayatnya akan berakhir seperti Kolej Islam di Kelang yang telah menemui ajalnya melalui Universiti Kebangsaan. Begitulah yang sedang terjadi. Pusat Pengajian Islam Nilam Puri pada masa ini adalah di dalam proses penyerahan diri kepada Universiti Malaya.

Cita-cita asal saya mencetuskan idea itu ialah ke arah

lahirnya Universiti Islam yang hidup subur dalam berbagai-bagai bidang ilmu pengetahuan untuk melahirkan ulama intelektual muslimin yang sangat diperlukan oleh masyarakat muslimin di negara ini. Muslimin memerlukan ulama-ulama (intelektual) yang rela mengabdikan diri kepada Allah dengan sebenar-benarnya. Hanya dengan begitu sahaja barulah mereka mendapat wali-wali untuk membela dan menyelamatkan mereka.

Sayang sekali semuanya telah berjalan di luar garis yang diharapkan. Justeri kerana itu umat Islam di negara ini perlulah berusaha lagi dan berdoa sehingga dimakbulkan Allah agar mereka mempunyai sebuah universiti Islam yang bebas dari sebarang penyelewengan cita-citanya.

Sekian, wabillah ittaufik walhidayah.

SURAT KESEBELAS

Saudara yang dikasihi.

Sebelum saya memulai menulis surat ini, fikiran saya kembali mengingatkan hal-hal yang menyebabkan timbul rasa keciwa di dalam jiwa saya terhadap perkembangan yang berlaku yang telah dan sedang menyimpang dari garis-garis yang boleh membawa kepada kemenangan perjuangan Islam di negara kita.

Banyak hal-hal yang telah berlaku sejak PAS menang dan memerintah negeri Kelantan. Dalam surat ini tidaklah saya mahu menceritakan semuanya, kerana telah saya fikirkan perlu dibuat menerusi buku yang lain. Yang demikian sepanjang yang dapat saya tulis di sini, adalah perkara-perkara yang mengenai kekeciwaan saya berhubung dengan gara-gara yang saya perhatikan, yang mana sudah tentu cita-cita asal saya masuk berjuang di dalam PAS tidak akan sampai kematalamatnya.

Mabuk kemenangan adalah satu hal yang diperhatikan sangat oleh Rasulullah s.a.w. Justeru kerana itu, beliau pernah menyatakan: "*Aku kembali dari peperangan yang*

kecil kepada peperangan yang besar” Orang bertanya kepada beliau apakah maksudnya. Lalu katanya ialah peperangan melawan nafsu.

Melawan nafsu setelah menang ini adalah satu perkara yang sangat besar. Dan Tuhan sendiri pun telah menyatakan tentang ujian terhadap mereka yang berkata kami beriman. Sementara itu iblis juga, yang telah mendapat tempuh dari Allah, terus bekerja untuk memalingkan manusia dari jalan yang benar. Hal ini adalah berlaku melalui *alkhannas*, iaitu daripada Jin dan Manusia.

Pada pendapat saya kemenangan PAS adalah untuk menjadi contoh ke arah menarik manusia, dengan amalan-amalan contoh sekadar yang terdaya, kepada menyokong PAS, sehingga dengan pertolongan Allah, manusia di negara kita akan menerima perjuangan PAS, dan PAS insya Allah dapat memerintah dari Kuala Lumpur. Inilah matalamat politik yang mesti dituju.

Untuk mencapai ini, maka gerak-geri kita hendaklah menarik gulungan yang lemah (*dhu'afak*) di dalam masyarakat kita dari semua gulungan manusia di negara kita. “*Kemenangan kamu adalah pada dhu'afak kamu,*” kata Rasulullah s.a.w. Saya berpegang dengan ini. Saya muahu menarik manusia semua keturunan di Malaysia menjadi muslim atau pun menjadikan mereka tidak menentang politik Islam. kalau boleh.

Oleh kerana Islam telah ada contoh sejarahnya, maka tidak ada sebab sejarah itu tidak boleh berulang kepada manusia di Malaysia. Apabila kita berjuang menurut contoh-contoh yang ada, bukan menurut akal semata-mata, apatah lagi menurut nafsu mengejar kebendaan.

Pada pendapat saya tidak perlu saya memperincikan

SURAT KESEBELAS

sesuatu yang tidak digemari oleh kita bersama. Dan rasanya cukuplah apa yang dikatakan oleh Datuk Haji Muhammad Nasir (Menteri Besar Kelantan selepas pilihanraya 1974) dalam temu ramahnya, seperti yang ditulis oleh saudara A. Ghani Ismail, wakil Bernama, yang telah disiarkan oleh akhbar *Berita Harian* bertarikh 8 Mei, 1975, menjadi renungan saudara tentang hal-hal yang menyebabkan saya terasa keciwa benar.

Sekiranya saudara dapat memahami apa-apa yang saya tulis, dapatlah saudara membuat nilaiyan terhadap sikap saya. Adalah menjadi kewajiban setiap muslim secara peribadi atau beramai-ramai menyeru kepada kebaikan dan melarang segala kejahatan.

Saya melihat ada kemungkaran, saya melihat ada perlakuan yang tidak baik, di samping ada perkara-perkara yang baik. Saya dapat mengukur baik dan buruk, untung dan rugi terhadap cita-cita perjuangan kita yang hebat di akhir zaman ini.

Saudara tentu tahu, atau mungkin sudah mengetahui bahawa saya sentiasa berceramah, berpidatu dan juga memberi kursus kepada ahli-ahli PAS. Saya tidak perlu dikatakan guru atau ustaz. Itu semua adalah kewajiban saya, kerana ada pada saya sedikit pengetahuan yang mana dengannya saya dapat memberi, di samping saya dapat menerima dan sentiasa menambah dengan mencarinya lagi.

Sekalipun ilmu saya terlalu sedikit, dan itulah sahaja modal hidup saya dalam mengabdikan diri kepada Tuhan namun dengan sedikit itu sudah boleh saya membezakan mana yang baik dan mana tidak baik.

Saya tentu tidak mahu melihat kelemahan dan per-

pecahan dalam partai. Saya tentu tidak mahu melihat kehilangan rasa persaudaraan di dalam partai yang mendukung cita-cita Islam. Kerana saya mahu PAS menjadi alat pelupur memenangi hati manusia di negara ini, sehingga mereka bersatu menyertai perjuangan ini, dan dengan demikian Allah akan memberi kemenangan kepada kita.

Tetapi betapa pun hasrat hati saya untuk memelihara perpaduan dan kekuatan, semuanya telah tidak berhasil, dan akhirnya berlakulah sesuatu yang mesti berlaku.

Saya sering menegur, tetapi di sa'at-sa'at seperti itu tidak ada yang mahu menerima teguran lagi. Orang-orang lebih suka dipuji dan disanjung, didewa-dewakan. Bukan ditegur dan dikeritik.

Semenjak tahun 1965, saya telah merasa suriguhsungguh keciwa. Mungkin orang mengatakan Amaluddin telah 'frust'. Mereka boleh mengatakan apa yang mereka suka. Kerana manusia ini selalu suka membuat tafsiran sesuka mereka. Ada yang adil kerana mereka juga dapat merasai. Ada yang memahami, tetapi untuk kepentingan mereka sendiri, mereka tidak perlu berlaku adil. Kerana jika sudah terdesak, lalu dirasainya kawan itu akan merugikannya, maka sebelum dia dirugikan, perlu dia bertindak menghancurkan sesiapa yang dibimbangkan akan merugikannya itu.

Sementara itu, ada pula manusia yang tidak ada kemampuan untuk memahami. Dan mereka ini biasanya adalah jumlah yang paling ramai sekali di mana-mana pun di bumi Allah ini.

Berhubung dengan perkembangan-perkembangan yang menggugat ini selalu juga saya berbicara dengan saudara

SURAT KESEBELAS

Zulkiflee, berkenaan nasib perjuangan PAS. Kami sependapat, bahawa jika lambat PAS dapat menguasai Kuala Lumpur, itu bermakna pemerintahan PAS di Kelantan akan terus menerus lemah. Kelemahan itu disebabkan tekanan-tekanan yang datang dari luar, dan juga oleh kelemahan-kelemahan yang datang dari dalam, yang mana gejala-gejalanya telah pun kelihatan.

Justeru kerana itulah, saudara Zulkiflee telah menjadikan persoalan membuka pintu PAS kepada warga negara Malaysia yang bukan Islam sebagai ahli bersekutu, satu perkara yang sangat perlu sekali dilakukan segera.

Persoalan ini telah lama difikirkan oleh beliau. Dan menurut ceritanya, semasa beliau berada di Kuantan selama tiga hari, menunggu feri Dungun dibuka untuk lalu lintas, beliau telah memikirkan secara sungguh-sungguh mengenai masa depan negara kita dan cita-cita perjuangan PAS.

Hal ini akhirnya dimasukkan dalam rang pindaan undang-undang tubuh PAS. Tetapi telah dibantah oleh ahli-ahli jawatankuasa agung PAS. Bukan dengan alasan ilmiah, tetapi semata-mata kerana takut kalah pilihanraya.

Bila persoalan ini dibincangkan di dalam mesyuarat jawatankuasa agung, saya telah menyokong. Bahkan dari mulanya lagi saya telah mencadangkan supaya dimasukkan dalam pindaan undang-undang tubuh PAS, di mana saya adalah seorang dari ahli jawatankuasa kecil meminda

undang-undang tubuh PAS.

Persidangan jawatankuasa agung PAS telah diadakan di alamat No. 4, Jalan Raja Uda, Kampung Bharu. Perkara ini telah dikeritik dengan pedas sekali seolah-olah pencadang asalnya (Zulkiflee) adalah seorang pengkhianat kepada bangsa Melayu.

Pandangan Zulkiflee adalah dari kacamata Islam. Tentangan mereka adalah dari segi kebangsaan Melayu dan takut kalah pilihanraya.

Zulkiflee menangis tersedu-sedu. Kerana itu mesyuarat terpaksa ditangguhkan oleh pengerusi, iaitu Dr. Burhanuddin, hingga jam 2.00 petang. Apabila mesyuarat disambung semula, saudara pengerusi telah menyatakan, sekarang kita sambung kembali perbahasan tadi

Dengan suara yang perlahan, Zulkiflee mencelah. Saudara pengerusi, katanya, lupakan ajenda itu, dan anggapkan ia tidak pernah ada.

Saudara Zulkiflee memang merasa terlalu sedih. Dan hal ini telah diceritakan olehnya kepada saudara Abdul Mutualib Azmi, yang bertanya kepada beliau mengenai peristiwa ini.

Perasaannya dinyatakan apabila menjawab pertanyaan saudara Talib Azmi, yang pada masa itu berjawatan sebagai Setiausaha jabatan penerangan PAS di pejabat Agung. A. Talib telah menceritakan kepada saya beberapa bulan yang lalu, tentang keterangan saudara Zulkiflee kepada beliau mengenai persoalan ahli bersetuju ini.

Demikianlah tentangan telah berlaku, akibat dari lebih mencintai nasionalisme daripada Islamisme sendiri. Rasa ego atau aku, rasa puak atau keluarga, rasa gulungan atau bangsa, memang rasa semula jadi. Tetapi manusia telah

SURAT KESEBELAS

diajar supaya tunduk kepada Allah, untuk kebahagiaan mereka. Selama perasaan yang diutamakan, samada secara sedar atau tidak secara sedar, maka kebahagiaan hidup menurut ajaran Islam tidak akan tercapai di dalam masyarakat manusia.

Lebih jauh dalam hubungan ini saudara Zulkiflee telah menerangkan kepada saya, sewaktu kami berbuka puasa di rumah sauuara Ahmad Hasan dalam tahun 1963, iaitu suatu hal yang sangat menarik sekali.

Saudara Ahmad Hasan (telah meninggal dunia) adalah kerani di pejabat agung PAS pada masa itu. Beliau mengundang saudara Zulkiflee dan saya berbuka, dan selepas sembahyang maghrib, sementara menunggu nasi dihidangkan, saya kemukakan pertanyaan kepada saudara Zulkiflee:

"Apakah perjuangan kita ini tidak mahu ditegaskan benar-benar?"

Zulkiflee bertanya kembali: "Apakah maksud saudara, kita tinggalkan Islam dan perjuangkan kebangsaan."

Saya jawab: "Tidak. Saya tidak pernah berpartai, dan kemasukan saya ke dalam PAS hanya kerana Islam."

Saudara Zulkiflee merenung muka saya. Kemudian dengan suara yang tenang beliau berkata:

"Sekiranya Islam yang kita tegaskan, sebahagian besar ahli-ahli jawatankuasa agung PAS akan keluar dari PAS."

Saya tidak dapat lagi bertanya apa-apa, kerana saudara Ahmad Hasan telah membawa hidangan untuk kami.

Selepas itu saudara Zulkiflee berkata kepada saya, yang menjadi Pengarah Pilihanraya PAS pada masa itu, supaya saya mencari satu kawasan di Kedah. "Saudara perlu ada dalam Dewan Rakyat", katanya.

Sambil makan saya jawab kepadanya. Di Kedah saya dikenal sekarang sebagai orang Kelantan. Di Kelantan saya dikenal sebagai anak luar. Saya tidak akan mencari kawasan pilihanraya di Kedah. Kalau saya mahu bertanding tempatnya ialah di Kelantan.

Demikianlah sebahagian daripada cerita yang dapat saya tulis kepada saudara dalam surat ini. Seperti telah saya tulis dalam surat-surat saya yang lalu, bahawa semuanya yang telah berlaku telah direkodkan oleh Allah, sama ada yang saya cerita atau yang tidak saya ceritakan di sini.

Allah telah melakukan sesuatu menurut kehendakNya. Allah Maha Mengetahui, dan kita tidak mengetahui mengapa sebabnya telah ditakdirkan Allah saudara Zulkiflee meninggal dunia ini dalam usia begitu muda melalui sebab kemalangan jalanraya. Yang mana dengan kepergiannya itu kita telah kehilangan sesuatu yang belum didapati gantinya sehingga ini.

Ditimbulkan oleh kegelisahan ini, akhirnya saya merasa perlu sekali digiatkan memberi kursus kepada ahli-ahli PAS, di mana sahaja yang boleh. Saya menawarkan diri untuk memberi kursus kepada negeri-negeri dan cawangan-cawangan PAS. Dan saya susunlah siri-siri kursus yang dinamakan 'Kursus Perjuangan Kita' dimulai dengan jodol 'Mengenal Perjuangan' sebagai siri yang pertama.

Kursus yang bersiri itu telah saya susun sebanyak tujuh siri, dan akan disambung lagi. Maksud saya ialah menyampaikan satu rangkaian kursus yang merupakan satu pelajaran kepada ahli-ahli PAS tentang bagaimana cara perjuangan Islam untuk mencapai 'Negara Islam' di

Malaysia yang penduduknya beranika ragam.

Kursus ini telah saya sampaikan di beberapa negeri. Tetapi tidaklah pula semua siri-siri yang telah saya susun itu telah pun dapat disampaikan kepada semua negeri dan cawangan. Masa adalah terlalu terbatas untuk mengulangi dari tempat ke tempat dan dari negeri ke negeri.

Saya dapat melihat betapa sambutan peserta-peserta kursus itu, dan sesungguhnya saya merasa sangat bahagia. Sekalipun wang saya habis, dan penat juga saya berdiri, kerana tiap kali saya berkursus dengan menggunakan papan tulis, memakan masa lebih dari dua jam lamanya.

Saudara mungkin seorang daripada mereka yang pernah mengikuti kursus-kursus saya. Atau mungkin saudara hanya pernah mendengar cerita-ceritanya sahaja. Biar bagaimanapun tidak mengapalah. Yang perlu kepada saya ialah kesedaran dari ahli-ahli PAS.

Alhamdulillah, memang ternyata ada kesedaran di kalangan ahli-ahli PAS, hasil dari kursus-kursus saya itu. Pada suatu masa, selepas saya memberi satu ceramah kepada ahli-ahli PAS di Kermaman, Trengganu, saya pergi ke rumah seorang kawan kita untuk sembahyang 'asar. Satu rombongan seramai lima orang ahli PAS telah mengikut saya ke rumah kawan kita itu.

Apabila selesai saya bersembahyang, seorang yang tertua dari rombongan itu datang duduk bersila di lantai di hadapan saya. Saya minta beliau bangun dan duduk di kerusi. Jawabnya tidak mengapa. Saudara dapat merasa dari peristiwa ini, betapa jiwa orang-orang kita yang dipengaruhi oleh rasa kasih sayang. Dalam hal seperti ini, saya melihat ada kejujuran. Tetapi ada juga saya melihat manusia mendekati pemimpin dengan cara-cara yang ter-

lalu hurmat, tetapi telatahnya merupakan ada udang di sebalik batu.

Orang yang saya maksudkan ini, adalah seorang ahli PAS dari sebuah ranting. Beliau menyatakan: 'Saya ini baru setahun memasuki PAS. Tetapi semenjak tuan memberi kursus di Kuala Trengganu, saya sentiasa ikut sama mendengarnya. Saya merasa sangat puashati, tetapi satu perkara yang saya ingin tahu. Mengapa ketua-ketua PAS bergerak tidak seperti yang dikursuskan itu.'

Saya sungguh-sungguh merasa kasihan kepada orang ini. Kasihan, tentulah terbit dari rasa kasih. Saudara boleh mengerti dalam hal kasih sayang sesama muslim. Tentu saudara masih ingat satu daripada hadis Nabi Muhammad s.a.w. yang bermaksud, *'Tidaklah beriman seorang dari kamu, sehingga dia kasihkan saudaranya, seperti dia mengasihi dirinya sendiri.'*

Saya berpegang dengan ini, saya mengasihi setiap orang. Kerana persoalan ini ada hubungan dengan iman seseorang. Justeru kerana itu di mana sahaja saya berbicara dengan ahli-ahli PAS saya selalu mengatakan jangan berkomplot-komplotan. Hiduplah rasa kasih sayang sesama kita.

Soal atau pertanyaan yang dikemukakan oleh saudara kita dari ranting PAS itu, menunggu jawaban saya. Dalam fikiran saya berkata, bahawa soalan seperti ini, adalah merupakan persoalan yang sama di mana-mana juga. Sesungguhnya, terasa oleh saya, berat sekali untuk memberi jawapan dan penjelasan kepada pertanyaan seperti ini.

Dengan berhati-hati saya katakan kepada saudara kita yang bertanya: 'Pak Cik! Tujuan saya memberi kursus

ialah supaya setiap ahli PAS faham apa tujuan kita berjuang dan bagaimana sepatutnya kita berjuang dan ke mana pula matalamat perjuangan kita ini. Sekiranya ahli-ahli PAS diranting telah faham, maka tentulah mereka akan memilih ketua dan ahli-ahli jawatankuasa ranting dari orang-orang yang diketahui telah faham dan lebih baik dari yang lain.

Kemudian, apabila sebuah ranting dipimpin oleh jawatankuasa yang faham, maka wakil-wakil mereka ke mesyuarat Agung cawangan akan memilih pula orang-orang yang diketahui telah faham dan lebih baik dari yang lain. Apabila sebuah cawangan itu dipimpin oleh jawatankuasa yang faham, maka wakil-wakil mereka dalam Mesyuarat Agung PAS tentu akan memilih Yang Dipertua Agung dan ahli-ahli jawatankuasa agung, daripada orang-orang yang diketahui telah faham dan lebih baik dari yang lain. Apabila sebuah cawangan itu dipimpin oleh jawatankuasa yang faham, maka wakil-wakil mereka dalam Mesyuarat Agung PAS tentu akan memilih Yang Dipertua Agung dan ahli-ahli jawatankuasa agung, daripada orang-orang yang diketahui cukup faham dan lebih baik dari yang lain.

Dengan cara yang demikianlah pada suatu masa kelak PAS akan dipimpin oleh orang-orang yang mengerti ajaran Islam, memahami politik Islam dan bersedia melaksanakan ajaran Islam mencapai matalamat perjuangan Islam di negara kita ini.'

Demikianlah jawaban saya kepada saudara kita itu. Dan begitulah pula sebenarnya tujuan saya melancarkan kursus-kursus saya, setelah saudara Zulkiflee Muhammad meninggal dunia.

Saya katakan kursus saya, ialah kerana kursus ini tidak

dengan anjuran PAS. Tetapi dari daya utama saya sendiri sebagai ikhtiar untuk menyelamatkan perjuangan Islam yang saya telah ikut sejak tahun 1952 dahulu.

Dalam persoalan ini, saya harap saudara tidak membuat kesimpulan, bahawa langkah saya itu seperti mempersiapkan diri untuk mengambil pimpinan partai.

Demi Allah saya tegaskan, bukanlah begitu niat saya. Saya tidak pernah berusaha merebut jawatan apa-apa pun jua di dalam parti, baik di ranting, di cawangan ataupun di pusat. Mereka yang mengenali saya dari dekat tentu membenarkan saya. Kiranya ada orang yang ingin memutarkan kebenaran, maka cukuplah Allah sendiri menjadi saksi saya.

Sementara itu, sebelum saya menutup surat ini, pada hemat saya ada baik juga saya ceritakan sedikit kepada saudara, iaitu dalam tahun 1965 saya telah menderita sakit kaki, kerana melompat semasa bermain badminton.

Sebenarnya saya tidak boleh berlari-lari atau melompat-lompat, kerana kaki kanan saya memang telah cacat disebabkan tembusan paku yang berlaku dalam tahun 1955 dahulu. Saya telah berunding dengan pakar otopidek di hospital besar Kuala Lumpur. Rawatan telah diberi selama dua minggu menggunakan alat-alat teknologi moden.

Akibat dari rawatan ini, mulanya saya rasa ada perubahan, iaitu beberapa tempat yang uratsarafnya tidak bergerak, terasa ada gerakan sedikit. Sekembali saya ke

SURAT KESEBELAS

Kota Bharu selepas rawatan ini, beberapa hari kemudian, mulai saya rasa satu perubahan sedang berlaku pada diri saya. Saya telah tidak dapat berfikir serius. Setiap kali saya membaca akhbar, dan apabila saya berfikir dengannya, terasa satu kelumpuhan seluruh anggota dan saya terpaksa berhenti membaca dan berbaring.

Beberapa bulan dalam keadaan begitu, saya hanya tinggal di rumah. Khabarnya konon, di luar rumah saya orang-orang telah berkata, Amaluddin sudah gila. Dalam keadaan seperti itu sepanjang yang saya masih ingat, hanya seorang sahaja dari kawan-kawan kita yang telah datang menjengok saya, orangnya ialah saudara Abdullah Arshad.

Mengingatkan keudzuran saya sebegitu rupa, maka saya kirimlah surat kepada saudara Yunus Yatimi, setiausaha Dewan Pemuda PAS pusat, menyatakan saya udzur dan terpaksa berihat untuk sementara dari tugas-tugas saya sebagai Ketua Dewan Pemuda PAS. Surat itu telah saya taip hanya beberapa baris sahaja dengan bersusah payah untuk menyudahkannya.

Setelah merasai keadaan tidak juga berubah baik, saya pun menemui doktor di Kota Bharu, dan saya telah dinasihatkan supaya membeli ubat buatan Perancis dari toko ubat, dan berihat dari semua kegiatan buat sementara.

Semasa saya dalam berihat inilah seorang kawan telah mengajak saya memasuki Syarikat tajaannya, dan memohon kawasan kayu balak di Kelantari.

Pada waktu itu saya sedang merasa kebimbangan, mungkin saya tidak dapat berjuang lagi seperti yang diharapkan. Setelah beberapa hari saya fikirkan, maka

sangguplah saya menyertai syarikat itu.

Apabila sampai kepada cerita syarikat dan kayu balik, saya perlu memberi penjelasan untuk menghilangkan kekeliruan yang memang telah pun timbul. Saya kira saudara pun mendengar juga cemuhan-cemuhan orang dari kalangan kawan-kawan kita yang bermaksud, apakah yang dikeritik oleh Amaluddin, dia pun serupa juga.

Demi Allah, yang diri saya di dalam kekuasaanNya. Penglibatan saya dalam syarikat yang mendapat kayu balak adalah satu penglibatan dalam perusahaan dan perniagaan yang benar-benar untuk diusaha dan diperniagakan, melalui syarikat yang dimiliki oleh berbelas-belas orang.

Persoalan ini panjang dan berhubung pula dengan kisah-kisah lain, yang berkait satu sama lain. Justeru kerana itu, seperti yang telah saya katakan terdahulu, maka saya bercadang akan menulis sebuah buku lain, di mana di dalamnya akan dimasuk sama cerita ini.

Syarikat yang saya berada di dalamnya, hingga ini menanggung kerugian, dan kerja atau usaha kami telah berkali-kali tertahan, hingga di waktu saya menulis ini, kami tidak dapat bekerja, oleh kerana sebab-sebab keselamatan.

Kedudukan saya tidaklah berubah menjadi mewah, sekalipun saya masuki lapangan perniagaan kayu yang biasanya sangat menguntungkan. Dalam hal ini saya telah berusaha sebagai seorang Pengarah yang cergas. Kerana bukanlah menjadi dasar saya apabila menjadi Pengarah Syarikat hanya pada nama sahaja. Apabila kita mahu bermiaga, maka hendaklah kita bermiaga bersungguh-sungguh. Demikian sikap saya. Tetapi rezeki adalah pem-

SURAT KESEBELAS

berian Allah. Dan Allah sahajalah yang mengetahui apa-apa yang dilakukan olehNya.

Insya Allah, dalam buku saya yang lain berhubung dengan politik dan pemerintahan PAS di Kelantan, saya akan menerangkan perkara penglibatan saya, supaya jangan ada kejadian-kejadian fitnah, samada kerana kejahilan atau kerana disengajakan bagi maksud memburukkan diri saya dari segi politik.

Sekian dahulu. Wabillahittaufik walhidayah.

SURAT KEDUABELAS

Saudara yang terhormat.

Semenjak saya menulis surat yang lalu, entah berapa bulankah sudah saya tidak dapat menulis, kerana menghadapi berbagai-bagai persoalan.

Kesihatan saya terganggu, dan perniagaan saya juga menghadapi berbagai-bagai kesulitan. Ini semuanya adalah perkara-perkara biasa yang sering berlaku kepada siapa pun juga.

Sungguhpun begitu dalam keadaan yang bermacam-macam, ada juga saya menulis beberapa rencana untuk akhbar-akhbar mingguan dan majallah-majallah bulanan sebagai sumbangan sekadar yang terdaya oleh saya.

Hari ini 18hb. Mei, 1976, saya kembali menulis lagi surat yang kedua belas kepada saudara. Saya merasa sangat terharu kerana menceritakan perkara-perkara yang mungkin tidak menyenangkan sebahagian kawan-kawan kita. Tetapi apalah daya saya, sekalipun saya tidak begitu gembira untuk menceritakan beberapa perkara, namun kerana beberapa hal terpaksa juga saya ceritakan.

Seorang kawan kita telah bertanya mengapakah saya tidak pernah membawa persoalan-persoalan yang tidak memuaskan hati ke dalam mesyuarat. Sebenarnya berbagai-bagai cara telah saya lakukan untuk kepentingan perpaduan dan kebaikan keluarga PAS. Sayang semuanya telah tidak berhasil.

SURAT KEDUA BELAS

Saya merasa tidaklah bijak, sekiranya saya menceritakan semua perkara kepada saudara. Tetapi bagi maksud supaya saudara dan kawan-kawan kita dapat mengerti, biarlah saya salinikan isi kandungan surat-surat antara saya dengan saudara Setiausaha Agung PAS pada tahun 1966 dahulu, yang mana dengannya akan menunjukkan bahawa saya telah pun berusaha bersungguh-sungguh mencari penyelesaian dari dalam secara keluarga.

Dengan membaca surat-surat ini, saudara akan dapat membuat penilaian sendiri betapa usaha-usaha saya telah gagal untuk memperbaiki PAS secara mesyuarat menurut cara-cara biasa yang patut dilakukan bagi menyelesaikan perselisihan di dalam rumah tangga.

Surat saya yang pertama kepada Setiausaha Agung PAS, saudara Abdullah Zawawi Hamzah, adalah seperti di bawah ini:

Dengan nama Allah yang pemurah dan penyayang.

*Tuan Setia Usaha Agong,
Persatuan Islam Sa Tanah Melayu,
Pejabat Agong PAS, Kuala Lumpur.*

Tuan,

Dengan hormatnya saya meminta supaya perkara-perkara yang saya kemukakan di bawah ini disifatkan sebagai kertas kerja saya, bagi dibahaskan dalam mashuarat jawatan kuasa agong PAS yang akan bersidang dalam bulan Mei, 1966 ini, sebagai satu ajenda yang sangat penting bagi kepentingan dan keutuhan parti kita. Apa yang

saya kemukakan ini adalah dengan penuh tanggong jawab sebagai saorang ahli Jawatan kuasa Agong dan wakil pejabat agong dalam lembaga penasehat dasar Kelantan.

1. *Mengembalikan persaudaraan dan baik sangka*

PAS adalah parti yang besar dan terkemuka. Adapon Jawatan kuasa Agong adalah badan pimpinan yang tertinggi. Telah sekian lama di antara pucok pimpinan sendiri tidak ujud perpaduan dan kerjasama yang betul. Demikian juga di negri Kelantan di mana satu-satunya negeri yang kita berkuasa untuk menjadi contoh, para pemimpinnya saling bertentangan dalam diam. Tetapi diam itu di sebabkan kepentingan benda semata-mata, kalau ada pon kerana kerohanian adalah sedikit sekali. Kerana itu jawatan kuasa agong mestilah menyelesaikan segala2nya dengan berpandu kepada ajaran Tuhan:

Maka sekiranya kamu berselisih dalam sesuatu perkara kembalilah kepada Allah dan Rasul.

2. *Perebutan kebendaan menjadi2.*

Oleh kerana parti tidak pernah membuat atoran2 yang mesti dipatohi, maka nafsu merebut kebendaan telah begitu meluap2 hingga menimbulkan blok2. Dan kerana parti tidak mempunyai disiplin, maka orang-orang yang patut dihukum telah tidak dihukum, sebaliknya kaseh keluarga mengatasi kebenaran.

3. *Tidak ada mashuarat dan tanggong jawab bersama.*

Satu daripada ajaran Islam ialah: Dan segala urusan mereka itu bermashuarat sama2 mereka. Ini tidak berjalan, Parti dan jawatankuasa rasminya tidak menjadi tempat

SURAT KEDUA BELAS

menimbang dan memutuskan, sebaleknya banyak perkara dilakukan merupakan pakatan2 di luar badan rasmi.

4. Usaha2 Musoh parti.

Dalam keadaan kelamkabut ini, musoh PAS berusaha mengadu dombakan orang2 kita. Musoh kita tidak berhenti daripada berusaha menjatohkan kerajaan kita.

Lain2nya senantiasa mengikuti perkembangan kita dan mengikuti peribadi2 pemimpin2 kita baik peringkat kebangsaan atau peringkat negri.

5. Pandangan dan perhatian pemerhati.

Disamping usaha2 dan kegiatan musoh2 politik kita ahli2 kita di Kelantan dan ahli kita diluar Kelantan yang terchium bau hal2 Kelantan, dan juga orang2 tertentu yang sangat mengambil berat hal2 kita mempunyai berbagai2 pandangan terhadap kita dan orang2 kita.

6. Balek kapangkal.

Mengingat kemurnian chita2 kita dan harapan pergantongan umat kepada parti kita dan pimpinan kita, maka sangatlah mustahak kita perbaiki segala2nya sebelum terlambat. Allah menyuroh kita taqwa kapadaNya. Mari kita berkasih sayang dan bersatu, mari kita bekerja dengan ikhlas dan jujor, dan ketahwilah apa2 yang kita lakukan sesungguhnya Allah, Rasul, Malaekat dan orang yang beriman memerhati semuanya.

Salinan:

t.t.

Ahli2jawatan kuasa Agong & PJ

Amaluddin Darus

1/5/66

Surat ini sekalipun telah saya catitkan salinannya diberi kepada semua Ahli-ahli Jawatankuasa Agung dan Pesuruhjaya-pesuruhjaya PAS, namun salinan-salinan itu tidak pernah saya kirim kepada seorang pun, hingga sekarang masih di dalam simpanan saya. Pada hemat saya salinan-salinan ini akan saya edarkan sewaktu mesyuarat, apabila perkara ini dibincangkan.

Kepada surat saya di atas, saudara Setia Usaha Agung PAS telah memberi jawabannya yang saya terima pada tanggal 12 Mei, 1966. Kandunganinya adalah seperti di bawah ini:

*Abdullah Zawawi Hamzah
No 4 Jalan Raja Uda
Kampong Baharu,
Kuala Lumpur
10.5.1966.*

*Kepada Saudara
Amaluddin Darus
4091-L Jalan Merican
Kota Bharu Kelantan.*

Saudara,

*Surat saudara bertarikh 1 May 1966 itu telah selamat
saya terima dan faham apa yang termaktub di dalamnya.*

*Dengan pemikiran yang bersunggoh2, berdasarkan
kepada segala cherita yang telah saya dengar sa waktu
di Kelantan baharu2 ini, dapatlah saya menyatakan
bahawa saya sendiri turut mempunyai sasuatu perasaan
dan perhitongan yang sukar hendak saya nyatakan.*

Bagi saya, walau pun PAS ini telah berusia 15 tahun,

namun ia maseh tetap dalam babak permulaan yang belum tentu benar simpang siornya. Tidak ubahnya keadaan PAS ini seperti keadaan Indonesia. Walau pun Indonesia Merdeka telah berusia 21 tahun, namun baharu sekarang ia hendak membentok satu perubahan awal untuk kembali kapangkal jalan, menitis semula dari pangkal jalan undang-undang dasar 1945. Yang demikian itu adalah berkat dari kesedaran para pemudanya yang bergabong dalam Komando Angkatan Mahasiswa2 Indonesia, dan Komando Angkatan Pelajar2 Indonesia.

Di Indonesia segala perubahan yang berlaku itu hanya sekitar pergolakan satu bangsa Indonesia sahaja, demi kepentingan Negara dan bangsa Indonesia, yang chongan filasafat kenegaraannya berjodol, 'Bhinneka tunggal Ika' (Beragam2 dalam mengukohkan perpaduan Negara yang tunggal).

Dalam perjuangan, tidaklah saya pernah 'pessimistic'. Dalam segenap pemikiran yang bersunggoh2, sentiasalah saya memerhatikan keadaan yang berupa 1001 macham benchana yang sedang mengedari Tanah Ayer kita ini. Benchana2 yang sedang menunggu untuk memusnahkan sa buah partai yang berdasarkan Islam seperti PAS ini adalah lebih banyak. Ini ialah kerana gema kekuatan Islam akan kelak merupakan satu pengaroh yang maha hebat di sebelah Timor Jauh ini selurohnya.

Dengan keyakinan, saya perchaya bahawa umat Islam di Indonesia itu tidak akan mahu diam; tetapi golongan yang anti-Islam akan lebih lagi tidak mahu diam. Sa-waktu2, tekitik memperadudombakan antara tokoh2 perjuangan pergerakan Islam itu bertambah hebat. Ini ialah permainan yang sering dijayakan oleh pihak yang anti

kepada perjuangan Islam. Usaha hebat yang selalu lagi dijalankan oleh mereka ialah merusakan kesuchian perjalanan asal satengah pemimpin2 Islam yang berpengaroh, supaya mereka itu jatoh, digulingkan oleh pengikut2nya sendiri, yang kemudian sukar pula hendak menchari gantinya. Kalau ini terjadi, maka akhibatnya parti itu akan jatoh dan sukar untuk tegak kembali.

Tadi saya katakan anggapan saya, bahawa PAS baharu mula hendak menunjukkan taringnya, walaupun ia sudah berusia 15 tahun. Pernah sa buah jambatan yang telah dimulai pembinaannya bertahun2 dan sa waktu ia hampir2 akan siap, oleh sasatu kesilapan maka ia roboh dan terbengkalai. Maka terpaksalah juruteranya memulakan kerja samsula.

PAS sekarang sudah mulai terkenal di Timor Tengah. Dikenalkan oleh dua orang tokoh Agong kita. Dalam babak inilah kita semua wajib waspada dan hati2. Kita mesti melanjutkan usaha kita supaya pengenalannya itu akan membawa hasil2 yang dapat dijadikan bukti chita2 PAS.

Saya mempunyai pendapat bahawa dalam kita mulai meniti untuk mengisi sa sudut dari rancangan kita, janganlah hendaknya kita menchari sangat2 kesalahan tokoh2 dengan maksud menchuriga untuk menjatohkannya. Malah jalan yang sabaik2nya ialah untuk menchari usaha salichin2nya bagi membaiki serba sedikit yang telah dihasilkannya, lalu memberi sokongan dan galakan supaya ia akan berasa insaf untuk semakin bergiat bagi membesarkan hasil usahanya itu. Mungkin dengan melihat adanya tokoh2 yang jujor lagi bersunggoh2 dari kawan2 saperjuangan maka dia akan bertambah sedar betapa

banyak lagi usaha yang mesti dilakukannya untuk kepentingan parti dan orang ramai.

Kita ingin melihat bertambahnya pelajar kita mendapat biasiswa tinggi ke Timor Tengah dengan melalui PAS. Kita ingin melihat bukti bantuan bagi menjalankan dan memajukan Pusat Pengajian Tinggi Islam kita di Kelantan itu. Kita ingin melihat janji2 mulut yang telah didengarnya dari Timor Tengah itu berupa satu kenyataan yang tegap lagi sehat. Marilah kita menchari jalan yang sebaik2nya supaya apa yang terdengar di Timor Tengah itu dapat berbentuk satu perjanjian yang akan ditunaikan.

Marilah kita perkuatkan semangatnya supaya dapat lagi dia ke Timor Tengah melanjutkan usahanya. Ta' usahalah kita churiga sangat2 dari manakah tokoh kita itu akan mendapat kemudahan untuk melakukan kunjongan yang penting itu, kerana kita sendiri sudah tentu tidak sanggup membantunya berdasarkan kepada keadaan kita sekarang. Biarlah dia pergi dengan dada yang terbuka, sedang kita dibelakang menyusun satu perpaduan yang kukuh lagi utoh, untuk menyambut natijah yang bakal dibawanya. Anggaplah dahulu saolah2 apa yang kita churigai itu tidak ada.

Dalam pada itu, timbulah satu kewajiban pula bagi kita:— iaitu menyusun gerakan kita ka dalam, menyusun cadres atau chalon-chalon yang bakal menggantikan tokoh-tokoh yang ada sekarang bila mana keadaan memaksa. Pembersehan di dalam parti kadang-kadang baharu dapat dilakukan sasudah berlaku beberapa perubahan.

Di sinilah letaknya kewajiban kaum muda kita. Perubahan dalam perjuangan hanya dapat dilakukan oleh kesedaran pehak pemuda-pemuda kita. Di sinilah letaknya

fungsi gerakan Dewan Pemuda PAS.

Ahli-ahli Dewan Pemuda kita harus dapat digembeleng jiwnya, supaya mereka dapat sawaktu-waktu merubah keadaan di dalam party dengan penoh pembenaan yang bertanggongjawab. Pemimpin-pemimpin hari ini mungkin tidak lagi dapat berguna besok. Maka disaat mereka sudah menjadi tidak berguna itu hendaklah ada tenaga-tenaga baharu mengantikannya. Tanpa ada ini satu perubahan pun tidak dapat dilakukan dengan sehat.

Kalaularah dapat saudara bersikap memberi segala sokongan dan semangat kepada tokoh-tokoh kita yang ada sekarang ini, dengan hanya mengharapkan kejayaan yang akan dijadikan bokti sebagai kejayaan perjuangan, maka ini adalah satu tektik lichin yang akan berkesan, yang kurang menimbulkan churiga-menchurigai antara kita sama kita.

Dalam soal ini janganlah kita lahirkan kechurigaan kita terhadap sasiapa pun dengan melalui saranan-saranan mulut. Kita perkuatkan Dewan Pemuda, perkuatkan ahli-ahli diCawangan-Cawangan dengan kesedaran-kesedaran yang nyata, dengan kursus-kursus, dengan penerangan-penerangan yang dapat memberi mereka berfikir sachar perjuangan yang hakiki. Dengan sendirinya nanti perubahan akan timbul. Dan perubahan seperti ini biasanya dilakukan dalam tiap-tiap Kongeres, dengan tidak menimbulkan sabarang sengketa.

Apa yang saya sebutkan ini bukanlah theory semata-semata, tetapi satu practical yang sehat dalam perjuangan. Marilah kita chuba menjalankan amalih ini dalam keadaan kita yang sedang akan ditikam dari segenap penjuru.

Saya sajikan pendapat ini dengan pemikiran yang

SURAT KEDUA BELAS

*bersungguh-sungguh, dengan tidak mengharapkan apa-apa
selain dari kemajuan untuk PAS.*

Sekianlah dahulu sahingga kita bertamu.

Yang benar

tt.

Abdullah Zawawi Hamzah

TAL: 28473 Kuala Lumpur

Demikianlah kandungan surat jawapan Setiausaha Agung PAS. Maka sebagai jawapan kepada surat di atas, saya tulis lagi sepucuk surat untuk Setiausaha Agung PAS bertarikh pada tanggal 12 Mei, 1966 seperti di bawah ini:

Bismillahirrahmanirrahim.

*Tuan Setia Usaha Agong PAS,
Kuala Lumpur.*

*Surat tuan tanggal 10.5.66, saya terima dan faham.
Dari bunyi surat itu nyatahal tuan tidak akan membawa perkara surat saya dalam mashuarat jawatan kuasa agong seperti yang saya harap.*

Saya masok PAS ini adalah kerana Allah, bukan kerana siapa pon dan apa yang saya mahu ialah menegakkan Islam, dan menegakkan Islam itu mulai dari peribadi dan segolongan peribadi yang menjadi pemimpin hendaklah ada dan bekerja dengan iujor untuk membawa manusia kajaian Tuhan. Untuk itu saya selama2nya tidak mahu menchampor antara yang hak dengan yang batal, kebi-

nasaan umat dulu ialah kerana kalau ketua2 mereka ber salah mereka diamkan. Saya adalah hamba Allah dan kepada Allah saya berbakti, dan saya akan disoal di Akhirat tentang apa saya telah lakukan di dunia ini.

Surat tuan mensifatkan saya menimbulkan kechurigaan sangat saya kesalkan, kerana kechurigaan adalah dorongan shaitan dan saya bukanlah didorong shaitan. Tindakan saya adalah kerana telah saya perhati bertahan2 lamanya, dan dalam masa bertahan2 itu telah saya jalankan apa yang patut dilakukan oleh seorang Muslim bila dilihatnya kemunkaran. Andaikata apa yang saya sebutkan dan akan saya jelaskan berdasar rumusan surat saya kepada tuan itu hanya churiga2 saja, maka tidaklah saya menuntut berkeras sangat supaya dibawa kemuka berhadapan semuanya sebagai manusia yang bertanggung jawab.

Apabila tuan telah berpendapat begitu dan tuan ingin melindongkan perkara ini daripada diketahui dengan jelas oleh jawatan kuasa agong PAS, maka saya tidaklah menuduh tuan jua tidak jujor, chuma saya terpaksa mengatakan tuan adalah seorang yang lemah dalam menegakkan kebenaran. Tuan mengharapkan satu perbaikan tanpa mengubatnya. Tokak yang berulat dan busok ini telah diketahui ramai, tepat atau kurang tepat. Tetapi tuan mahu kita bungkus sahaja sengan kain yang berséh, masakan penyakit tokak itu akan baik dengan bungkus2 sahaja, masakan dia tidak akan merebak lagi, dan adakah busoknya tidak terchium jua oleh orang lain.

Niat saya yang baik tidak dapat dimengerti, sayang sekali. Saya bersumpah dengan nama Allah bahawa saya boleh diajak bermuafakat untuk perkara yang diredzai Allah sekalipun berapa mahal harganya. Tetapi janganlah

ada sesiapa chuba mengajak saya untuk berpaktat membuat atau menutup kemunkaran2 yang dilaanat Allah. Saya mahu semua orang berterus terang dalam pimpinan parti ini dan kalau telah berlaku salah atau silap minta amponlah kepada Allah. Allah maha pengampon.

Oleh kerana sikap tuan telah nyata, maka saya akan membawa dalam mashuarat ahli2 jawatan kuasa agong PAS diPantai Timor seperti tujuan asal saya, yang telah saya sampaikan kepada tuan dan juga yang berkenaan.

Saya mahu menyelesaikan perkara ini sebagai lelaki, tidak dengan berpura2, tujuan hidup saya ialah menchari keredzaan Tuhan bukan menchari keredzaan manusia, Allah bersama saya dalam perjuangan menegakan kebenaran ini.

Sejarah politik manusia telah banyak kita ketahui dan kerana itu andaikata apa juar berlaku terhadap diri saya, maka ketahwilah tuan kejadian itu bukan kerana kejahanan saya, tetapi ialah kerana saya disingkir atau dimusnahkan oleh manusia2 yang tidak sanggup berhadapan dengan kebenaran dan berdiri diatas kebenaran.

Sekian, semoga Allah memberi pertunjok kepada tuan, dan kepada mereka yang mendaawa mahu berjuang kerana Islam.

Maju dengan Islam

*tt
Amaluddin bin Darus,
Hamba Allah.*

Surat saya di atas yang dimulai dari surat bertarikh tanggal 1 Mei, 1966 itu, adalah telah saya tulis, setelah kesihatan saya telah terasa baik kembali. Saudara dapat mengikut surat-surat di atas, dan saudara boleh merasai apa yang telah saya rasai kerana kecawa lagi dalam usaha hendak memperbaikkan PAS dari dalam, sedang keadaannya terus saja tidak berubah-ubah juar.

Keruncingan dalam PAS, seperti yang disebutkan garis-garis kasarnya dalam surat saya kepada Setiausaha Agung PAS itu, adalah telah lama sekali terjadi. Lama dari sebelum saya menulis surat yang diminta supaya dijadikan kertas kerja itu.

Tahun 1965, di mana seperti yang telah saya terangkan dalam surat saya yang terdahulu, saya dalam keadaan udzur, dan berihat atas nasihat doktor supaya dipulihkan kembali gangguan urat saraf saya. Sepanjang tahun itu saya lebih banyak berada di rumah, tidak mengunjungi, dan tidak juga dikunjungi. Tidak banyak membaca dan sama sekali saya elakkan dari berfikir yang berat-berat.

Dalam keadaan saya begini, saya telah menerima se-pucuk surat dari Setiausaha Perhubungan PAS Kelantan, berhubung dengan telah tersiar berita, entah apa dan bagaimana bunyi beritanya yang telah tersiar dalam akhbar harian Utusan Melayu pada tanggal 14 Oktober, 1965, tidaklah saya dapat ingat lagi, dan saya pun tidak menyimpan potongan akhbar itu.

Nyata dari surat Setiausaha Perhubungan PAS Kelantan itu, memperlihatkan keadaan tidak senang pihak atasan PAS, oleh ulasan atau berita yang tersiar itu. PAS mengadakan mesyuarat mengkajinya, dan saya tidaklah ikut hadir dalam pertemuan itu.

SURAT KEDUA BELAS

Di bawah ini saya salinkan isi surat dari Setiausaha Perhubungan PAS Kelantan kepada saya untuk tatapan saudara, yang menunjukkan betapa telah lahir kebimbangan dan kecurigaan sama sendiri, di sebalik yang sepatutnya ketenangan, dan *RUHAMAH U BAINAHUM.*

PAS/KN.P.1/10-(269)

*Pejabat Perhubungan PAS,
Negeri Kelantan,
KOTA BHARU*

13hb. November, 1965.

*Kemajlis Yang Berhormat,
Senator Amaluddin Darus,
Kota Bharu.*

Tuan,

*Berita Utusan Melayu 14hb. Oktober, 1965
Mengenai "Gerakan Pembersehan" didalam PAS.*

Dengan hormat dima'alomkan bahawa seperti telah tuan ma'alomi, Perhubungan PAS Kelantan telah me-

manggil satu meshuarat pada 6hb. November yang lalu mengenai masaalah yang tersebut diatas itu, dengan dijemput sama ahli2 Jawatankuasa Agong PAS yang tinggal diKelantan untuk ikut serta memberikan pendapat dan pandangan dalam masaalah itu, iaitu sama-ada berita itu diadakan oleh pihak akhbar yang berkenaan atau pun memang ada apa yang diberitakan itu. Sebahagian dari ahli2 Jawatankuasa Agong telah hadzir dalam meshuarat itu dan telah menyatakan pendapat dan pandangan dalam masaalah itu.

2. Oleh kerana tuan sebagai seorang ahli Jawatankuasa Agong telah tidak hadzir dalam meshuarat itu, maka telah diambil keputusan untuk meminta tuan menyatakan pendapat dan pandangan tuan dalam masaalah tersebut diatas itu secara bertulis kepada Perhubungan supaya dapat dibuat suatu rumusan yang tepat mengenai masaalah itu.

3. Oleh yang demikian, menunaikan keputusan meshuarat tersebut, maka dengan ini diharapkan supaya dapat tuan menyatakan pendapat tuan secara bertulis dalam masaalah ini dan hantarkan ke Pejabat Perhubungan PAS Kelantan seberapa segera yang boleh.

4. Demikianlah dima'alomkan dengan mengucapkan terima kaseh terlebih dahulu atas perhatian dan kerjasama tuan itu.

*Wassalam,
Yang menjalan tugas,*

*tt.
(SALAHUDDIN ADBULLAH)*

SURAT KEDUA BELAS

SA/ab

a.k.

Setia Usaha Agong PAS, K.L.

Demikianlah bunyi surat dari Setiausaha Perhubungan PAS Kelantan kepada saya, di mana kepada surat itu telah saya beri jawaban seperti di bawah ini:

*Amaluddin bin Darus,
4091-E, Jalan Merican,
Kota Bharu, Kelantan.*

Tanggal: 16hb. Nov. 1965.

*Sdr. Setia Usaha,
Badan Perhubungan PAS,
Negri Kelantan,
Kota Bharu*

Sdr.,

*BERITA UTUSAN MELAYU 14hb. 1965
MENGENAI "GERAKAN PEMBERSEHAN"
DIDALAM PAS.*

Surat sdr. tanggal 13.11.65 PAS.Kn.P.1/10-(269) telah

diterima kemarin, dan fahamlah saya akan maksudnya.

Sepatutnya sdr. tidak membuat pertanyaan kepada saya, kerana sdr. telah maalum iaitu dalam soal2 yang seperti inilah saya tak perlu champor untuk mengembalikan kesehatan saya.

Bagaimanapun, oleh kerana surat sdr. menyatakan bahwa meminta pendapat saya itu adalah keputusan perjumpaan perhubungan dan ahli2 jawatan kuasa agong PAS diKelantan, maka dibawah ini adalah pendapat dan pandangan saya:

1. Saya tidak menyimpan potongan akhbar berkenaan berita itu, kerana telah bulat bagi saya biar apa pun terjadi, semuanya adalah kecil belaka dan saya tak perlu menambah sangsara diri dan kesihatan saya. Yang demikian saya tidak ingat lagi ayat2 dari berita yang tersiar dalam akhbar itu, untuk saya beri pendapat se secara perinchian.

Sepanjang ingatan saya, sewaktu membacha itu di rumah saya, saya dapat di sana ada beberapa perkara yang benar. Sepintas lalu saya telah chuba menduga siapakah yang membuat atau memperkatakan perkara2 itu kepada akhbar. Beberapa orang telah terlintas di dalam kepala saya tetapi alangkah dzalimnya saya membuat keputusan menuduh orang itu atau orang ini. Sementara itu bukanlah tidak mungkin berita itu dibuat2 oleh akhbar, hasil dari rumusan daripada desas desus yang timbul dikalangan ahli2 PAS. Kiranya ini benar, maka ianya adalah telah menjadi rahsia umum didalam masharifik kita.

2. Kesimpulan pendapat dan pandangan saya, bahwa dari berita itu ada kebenarannya. Dan bagi kebaikan per-

SURAT KEDUA BELAS

juangan Islam ditanah air kita yang sudah kita mulakan, hendaklah ada perbaikan didalam tiap2 diri, agar supaya ujud peribadi Muslim yang lapang dada dan bertaqwa kepada Allah yang melihat, mendengar dan mengetahwi, semoga lahirlah persaudaraan dan kaseh mesra sesama kita, sebagai sharat menchapai kemenganan JIHAD ini. Yang demikian adalah baik bagi siapa yang perchaya kepada Allah dan akan kembali bertemu denganNya.

Sekian, semoga Allah memberi taufik dan hidayah serta mengampon segala dosa2 kita sama ada yang disedari atau tidak.

MAJU DENGAN ISLAM,

t.t.

Amaluddin Darus.

Salinan:

Setia Usaha Agong PAS.

Dua pucuk surat di atas telah berlalu oleh masa. Tahun 1966 menjelang, dan bila kesihatan saya puleh kembali, saya berazam untuk mencari jalan membetulkan PAS, maka itulah saya menulis surat kepada Setiausaha Agong PAS pada bulan Mei, 1966, setelah segala ikhtiar saya untuk memperkatakan perkara-perkara yang merugikan PAS telah dielakkan untuk diperkatakan, bila saya mahu memperkatakannya.

Semenjak itu, dan semenjak Setiausaha Agung sendiri tidak mahu atau tidak dapat menjadikan ajenda mesyuarat mengenai apa-apa yang saya sarankan, maka saya pun mulakan gerakan memahamkan orang-orang kuat PAS dari seorang ke seorang, dan saya tawarkan diri saya untuk membuat kursus seperti yang telah saya ceritakan kepada saudara dahulu.

Demikianlah sebahagian dari hal-hal yang telah terjadi, di antaranya saya ceritakan sebahagian daripadanya dan ada juga tidak saya ceritakan.

Hal-hal seperti mengapa PAS cawangan Kota Bharu memilih saya menjadi Yang Dipertua cawangan di dalam Mesyuarat Agungnya pada tahun 1968, sekalipun saya tidak pernah ditanya bersedia atau tidak dipilih, dan ketertularan saya seridiri tidak berada di Kelantan pada masa itu, adalah di antara perkara-perkara yang ada hubungan dengan politik PAS yang menyeluruh. Justeru kerana itu, hal-hal yang seperti ini, kiranya difikirkan perlu, saya akan masukkan di dalam buku yang mengenai politik dan pemerintahan PAS di Kelantan.

Sesungguhnya pemerintahan PAS di negeri Kelantan, sebagai satu pemerintahan dari sebuah parti oposisi, di samping ada beberapa kelemahan-kelemahan, terdapat juga beberapa kebaikan dan beberapa kejadian yang perlu saya bela dan pertahankan, demi memperkatakan perkara-perkara yang benar.

Saudara, dan jenerasi kita semua perlu mengetahui sebanyak-banyak yang dapat setiap kejadian yang telah berlaku, di mana ianya adalah menjadi sebahagian dari sejarah umat Islam di dalam negara kita di rantau bumi Asia Tenggara ini.

SURAT KEDUA BELAS

Sekian dahulu saudara, sehingga kita bertemu lagi dalam surat yang akan datang, saya ucapkan selamat sejahtera kepada saudara, dan juga kepada seluruh Mukminin, Mukminat, Muslimin dan Muslimat di mana saja mereka berada, semoga Allah memberi taufik dan hidayah kepada kita semua yang masih hidup, dan diampuni dosa-dosa kita, dan dikembalikan keinsafan serta keindahan persaudaraan Muslimin. Amin.

SURAT KETIGABELAS

Saudara yang dikasihi.

Saya percaya saudara telah memikirkan apa-apa yang telah saya kemukakan dalam surat saya yang kedua belas itu.

Demikianlah keadaannya sehingga akhirnya pada bulan Jun, 1974 saya mengambil keputusan bahawa tidak ada jalan lain lagi bagi saya melainkan meninggalkan PAS.

Saya telah tidak menghadziri Mesyuarat Agung PAS tahun 1974, kerana saya tidak lagi menjadi Ahli Jawatankuasa Agung, dan tidak juga mewakili mana-mana cawangan untuk hadzir di Mesyuarat Agung itu.

Mesyuarat Agung PAS pada tahun 1973 juga saya telah tidak hiraukan lagi. Saya telah hadzir sebentar-sebentar menunjuk muka, dan di Mesyuarat Agung itu, saya telah tidak terpilih lagi seperti tahun-tahun yang lalu, untuk menjadi Ahli Jawatankuasa Agung PAS.

Sebenarnya saya tidaklah mengharapkannya, baik pada tahun 1973 atau pada tahun-tahun sebelumnya. Sepatutnya saya telah keluar meninggalkan PAS antara tahun 1966 dan tahun 1971 dahulu lagi. Tetapi kerana perasaan kasih dan sayang kepada parti yang saya ikut mengembangkannya, saya tunggu jua sehingga tahun 1974.

Tiap-tiap satu ada batasnya. Dan batas kesabaran saya itu pun tiba-tiba kepada waktunya di mana pada 15 Jun, 1974 saya pun membuat surat kepada Yang Dipertua

SURAT KETIGA BELAS

Agung PAS menyatakan sikap saya.

Surat saya itu terlalu pendek, kerana tiada kata-kata yang mahu dikatakan lagi. Saya percaya saudara telah mengikutinya menerusi surat-surat khabar pada tanggal 17 Jun, 1974 dahulu. Bagaimanapun melalui surat ini saya masukan kembali isi surat saya itu:

*Amaluuddin bin Darus,
1-C, Jalan Raja Abdullah,
Kuala Lumpur.*

15hb. Jun, 1974.

*Yang di Pertua Agong,
PAS,
Pejabat Agong PAS,
Kuala Lumpur.*

Tuan,

Sekali pon dengan sangat berat perasaan saya, mengingatkan cita-cita perjuangan PAS asal nya begitu murni, yang mana sejak tahun 1952, saya telah menyertai nya dan ikut serta memberi saham dalam perjuangan yang begitu hebat dalam tahun-tahun lima puluhan, namun sejak peristiwa mainan politik kotor di mesyuarat PAS cawangan Tumpat pada tahun 1971 menjadikan saya luput

harapan untuk melihat kejernihan politik dalam Partai kembali semula.

Jasteru kerana itu, setelah melihat dengan sabar beberapa tahun, tidak juga kelihatan tanda-tanda akan kembali jernih, malah semakin keroh dan kotor, saya tidak ada jalan lain lagi daripada menarik diri dari menjadi ahli PAS.

Pada saya persoalan nya bukan soal menang atau kalah, tetapi soal Benar atau Salah.

Selamat berjuang dengan cara tuan sendiri.

Sekian.

Yang benar,

*t.t
(Amaluddin bin Darus)
Hamba Allah.*

Surat ini telah saya tulis dan saya poskan pada hari yang sama. Kemudian saya pergi ke Dewan Bahasa dan Pustaka di mana konggres PAS tahun 1974 sedang berjalan pada hari itu, dengan maksud akan mengadakan satu sidang akhbar di sana. Tetapi, oleh kerana nampaknya

SURAT KETIGA BELAS

terlalu sibuk, dan pemberita-pemberita sukar dikumpul, maka saya simpangkan maksud itu sehingga keesukannya barulah diadakan sidang akhbar bertempat di pejabat saya.

Dalam sidang pada tanggal 16 Jun, 1974 itu, ada seorang pemberita bertanya saya, oleh kerana tempuh khidmat saya di Dewan Negara akan berakhir dalam bulan Ogos 1974, apakah tidak mungkin menimbulkan kesan kepada orang ramai bahawa penarikan diri yang saya lakukan mungkin ada sesuatu di sebalik jawatan sebagai ahli Dewan Negara yang akan tamat tempuhnya tidak lama lagi.

Saya telah menerangkan bahawa Datuk Haji Muhammad Asri telah pun meminta saya supaya tidak berpindah dari Kelantan, di mana beliau memberi jaminan yang saya akan disambung menjadi ahli Dewan Negara selama enam tahun lagi selepas tamat tempuh khidmat saya selama 15 tahun pada 23 haribulan Ogos, 1974 akan datang.

Kepada Datuk Haji Muhammad Asri saya nyatakan, bahawa sudah cukuplah untuk saya, dan jawatan itu terlalu ramai orang-orang yang mengharapkannya, berilah kepada mereka

Sekalipun telah saya jelaskan hal yang sebenarnya, namun tidak satu akhbar pun yang telah menyiarcan keterangan saya, yang tadinya dibangkitkan oleh pemberita akhbar sendiri.

Dalam surat ini saya tidak perlu mengulangi perkara-perkara yang mengenai sidang akhbar pada tanggal 16 Jun, 1974 itu. Kerana di antara perkara politik yang saya sentuh umpamanya perkara Singapura keluar Malaysia dan disokong oleh PAS tanpa mesyuarat, di mana akhirnya saya dan Datuk Wan Mustapha telah mengundi

berkecuali di dalam Dewan Negara, adalah perlu diulas lebih luas. Hal-hal seperti ini akan saya tulis dalam buku akan datang, insya Allah.

Pada hemat saya supaya diringkaskan isi surat-surat atau buku saya ini, adalah lebih baik saya bawa saudara mengikuti apa yang saya maksudkan dengan "sejak peristiwa mainan politik kotor dimesyuarat PAS cawangan Tumpat pada tahun 1971, menjadikan saya luput harapan untuk melihat kejernihan politik dalam partai kembali semula. Justeru kerana itu, setelah melihat dengan sabar beberapa tahun, tidak juga kelihatan tanda-tanda akan kembali jernih, malah semakin keroh dan kotor, saya tidak ada jalan lain lagi daripada menarik diri dari menjadi ahli PAS".

Menerusi surat saya kepada saudara, saya kemukakan betapa kejadian yang berlaku iaitu apa yang saya katakan peristiwa mainan politik kotor di Tumpat, Kelantan.

Sebelum saya menceritakan lebih lanjut, pada hemat saya perlu saudara mengikuti satu lapuran dari saya yang telah saya sampaikan ke pejabat agung PAS, di Kuala Lumpur, supaya dibawa perkara ini ke dalam Mesyuarat Jawatankuasa Agung PAS untuk dibincangkan.

Di bawah ini adalah lapuran yang dimaksudkan, di mana saya salin kan semuanya dengan menukar ejaannya dari ejaan lama kepada ejaan baru:

**LAPURAN BERHUBONGAN DENGAN
MESYUARAT AGUNG PAS CAWANGAN
TUMPAT, KELANTAN**

Saya telah diundang oleh PAS cawangan Tumpat

SURAT KETIGA BELAS

supaya menghadziri Mesyuarat Agung cawangan itu pada 5.4.1971 jam 9 pagi. Saya sampai di sana kira-kira pada jam 10.10 pagi, dan pada waktu itu sdr. Wan Hasan, Yang Dipertua cawangan sedang menutup ucapannya.

2. Selepas ucapan beliau, Setiausaha cawangan sebagai Setiausaha Panitia telah mengundang sdr. Pesuruhjaya PAS Negeri Kelantan membuat ucapannya.

3. Kemudian daripada ucapan Pesuruhjaya, sepatutnya sdr. Pemangku Yang Dipertua Agung PAS berucap menurut susunannya. Tetapi kerana ketiadaannya dengan secara tiba-tiba saya telah diminta berucap mewakili Pejabat Agung PAS.

Kesempatan ini telah saya gunakan untuk mengingatkan perwakilan Mesyuarat Agong itu tentang pentingnya PAS bergerak teratur, dan memperbaiki segala kelemahannya. Saya menyeru supaya kembali kepada undang-undang tubuh PAS dan peraturan, supaya kesilapan-kesilapan tidak berulang-ulang terjadi. Saya juga menyeru supaya dicari jalan kepada ujudnya rasa persaudaraan di kalangan ahli. Saya menegaskan, perlu usaha ini dilakukan supaya perjuangan PAS terselamat dalam perjalanan menuju cita-cita yang masih jauh.

4. Mesyuarat dimulai untuk memilih seorang Pengerusi mesyuarat.

Seorang wakil mencadangkan sdr. Wan Hasan, Yang Dipertua cawangan. Seorang lain mencadangkan sdr. Hussain bin Abdullah dari Kota Bharu.

Ini ditegur oleh Setiausaha cawangan/Setiausaha Panitia, oleh kerana berlawanan dengan undang-undang tubuh PAS.

Perbahasan bermula. Dan sebelum terjadi bagitu panas, Setiausaha meminta saya memberi pandangan.

Saya telah memberi penjelasan, bahawa undang-undang tubuh PAS fasal (6) pecahan (5) mengatakan: "Pengerusi mesyuarat agong cawangan itu bolehlah di lantik seseorang daripada ahli yang hadzir itu".

Perkataan "... daripada ahli yang hadzir itu" adalah menunjukkan ahli mesyuarat yang hadzir, di mana adalah tertakluk kepada pecahan (4) dari fasal (6) iaitu: "... dengan syarat sepertiga daripada wakil-wakil itu hadzir sama".

Perkataan hadzir sama bagi perkara cukup bilangan bagi menjalankan Mesyuarat Agung cawangan itu adalah berhubung dengan perkataan seseorang daripada ahli yang hadzir itu.

Yang demikian dalam perkara memilih seorang pengerusi Mesyuarat Agung cawangan hanyalah boleh dipilih daripada mereka yang menjadi ahli Mesyuarat Agung itu, tidak boleh selain daripadanya, sekalipun ahli biasa cawangan itu yang hadzir sebagai pemerhati, apatah lagi daripada ahli sebuah cawangan yang lain.

5. Mesyuarat Agung itu telah menerima pandangan saya berhubung dengan itu, dan nama seorang lain telah dicalunkan, iaitu sdr. Haji Ishak bin Mustafa, seorang daripada ahli jawatankuasa PAS cawangan Tumpat, sdr. Haji Ishak telah terpilih dengan suara terbanyak.

Pengerusi mesyuarat mengambil tempat.

6. Mesyuarat membincangkan peringatan Mesyuarat Agung yang lalu, sementara itu seorang daripada ahli jawatankuasa bangun menimbulkan perkara wang bayaran masuk Mesyuarat Agung oleh ranting-ranting, yang me-

SURAT KETIGA BELAS

nurutnya sebahagian yang hadzir telah tidak membayar wang yang ditetapkan sebanyak \$10.00.

Sdr. Wan Abdullah, Setiausaha cawangan menjelaskan bahawa ada kekeliruan dalam memaham keputusan Mesyuarat jawatankuasa cawangan. Sebenarnya, mana-mana ranting yang belum didaftarkan sahaja yang dikehendaki membayar, kerana itu kawasan Tumpat Barat hanya membayar sebanyak mana yang berhubung dengan ranting-ranting yang belum berdaftar.

Pengerusi meneruskan mesyuarat. Setiausaha menerangkan perkara-perkara berbangkit.

Sdr. Wan Hasan meminta memberi penjelasan berhubung perkara yang dibangkit oleh seorang ahli jawatankuasa cawangan tentang perkara bayaran wang Mesyuarat Agung.

Beliau menyatakan bahawa banyak ranting-ranting yang membayar wang adalah daripada wang yang dibayar oleh Datok Nik Man, dan hal ini diketahui dengan jelas. Kerana itu beliau menganggap kehadiran mereka tidak sah, dan oleh kerana beliau masih Yang Dipertua cawangan, maka beliau membubarkan Mesyuarat Agung itu dan menyeru supaya perwakilan meninggalkan majlis persidangan.

Sebahagian daripada ahli-ahli jawatankuasa cawangan dan wakil-wakil keluar meninggalkan persidangan.

7. Pengerusi mesyuarat meminta supaya perwakilan berkenan dan juga jangan hiraukan mereka yang meninggalkan mesyuarat.

Sebelum mesyuarat diteruskan, saya telah memberi memberi pandangan, iaitu mesyuarat boleh diteruskan, sekiranya pengerusi berpendapat keadaan dapat dikawal,

dengan syarat hendaklah ditentukan jumlah kehadiran perwakilan yang mestinya tidak boleh kurang daripada jumlah yang ditentukan di dalam undang-undang tubuh PAS.

Mesyuarat dijalankan oleh pengerusi setelah beliau berpuas hati tentang kehadiran ahli-ahli mesyuarat itu.

8. Memilih pegawai-pegawai cawangan.

Wakil ranting Wakaf Baru mencadangkan sdr. Husain bin Abdullah dari kota Bharu.

Wakil Kubang Batang membangkang dengan alasan calun itu bukan seorang ahli biasa cawangan Tumpat dan setelah mesyuarat bersetuju kembali kepada undang-undang tubuh PAS dalam memilih pengerusi, hendaklah seterusnya menurut undang-undang tubuh PAS.

Pengerusi menerangkan bahawa orang yang dicalunkan itu sanggup meletakan jawatan sebagai Ketua Dewan Pemuda PAS cawangan Kota Bharu, dan bersedia mendaftarkan diri sebagai ahli PAS cawangan Tumpat.

Dengan kebenaran Pengerusi saya telah memberi penjelasan dalam perkara ini berdasarkan undang-undang tubuh PAS (19) pecahan (2) yang menyatakan "... hendaklah dipilih dan dilantik akan dia daripada ahli biasa cawangan itu . . .".

Saya menarik perhatian perwakilan kepada fasil (17) berhubung dengan pegawai-pegawai agung. Sekalipun dalam pecahan (2) menyebutkan "... atau dengan apa-apa cara juu yang dipersetujukan oleh Mesyuarat Agung", adalah sama seperti memilih pegawai cawangan, namun demikian tidaklah bermakna Mesyuarat Agung boleh memilih dan melantik Yang Dipertua Agung PAS seorang yang bukan daripada ahli biasa PAS, samada ahli ber-

SURAT KETIGA BELAS

daftar terus atau ahli biasa dari sebuah cawangan.

Saya telah memberi satu contoh dalam mentafsirkan atau pun dengan apa-apa cara” iaitu:

Pada pendapat saya, sekiranya sebuah cawangan itu merasai kesulitan dalam mendapat seorang yang munasabah untuk menjadi Yang Dipertua cawangan kerana apa-apa sebab pun, maka persidangan boleh membuat keputusan perkara kosongan jawatan itu supaya diserahkan kepada pihak tertinggi dalam parti.

Dan saya telah menegaskan, bahawa perwakilan hanya boleh mencalon, memilih dan melantik seorang ahli biasa cawangan Tumpat untuk menjadi pegawai, samada dia daripada ahli mesyuarat yang hadzir atau bukan seorang ahli mesyuarat.

Adapun sdr Hussain bin Abdullah, sekalipun beliau telah bersedia dan sanggup akan mendaftarkan dirinya sebagai ahli PAS cawangan Tumpat, namun pada saat itu dia bukanlah ahli biasa PAS cawangan Tumpat.

Setelah saya memberi penjelasan dan pandangan, wakil Wakaf Bharu bangun menyatakan bahawa mesyuarat hendaklah menerima calon yang telah pun dikemukakan, sekiranya Pejabat Agung menganggap tidak sah pemilihan itu, maka naibnya akan memangku jawatan itu kelak.

Pengerusi menerima alasan itu. Sebahagian besar perwakilan memberi tepok sorak, dan sdr Hussain bin Abdullah telah dipilih, seolah-olah seperti tidak ada sebarang bangkangan.

Mesyuarat berjalan terus memilih Naib Yang Dipertua dan calunnya ialah pengerusi mesyuarat sendiri.

9. Pandangan dan pendapat saya.

Kehadziran saya di Mesyuarat Agung itu adalah kera-

KENAPA SAYA TINGGALKAN PAS

na diundang oleh jawatankuasa PAS cawangan Tumpat dengan suratnya tanggal 1 April 1971.

Apabila saya tiba di sana, saya melihat suasana memang telah berpihak. Dan apabila mesyuarat memilih sdr. Haji Ishak Mustafa menjadi pengurus, mengalahkan sdr. Wan Hasan, nyatakan keimbangan wujud di satu pihak dan kegembiraan lahir di pihak yang satu lagi.

Hal-hal yang seperti inilah yang membawa kehangatan dan berakhiran dengan timbulnya perkara pembayaran wang dan tuduhan ada dalang dari luar yang mengatur dan memberi bantuan kewangan supaya digulingkan beberapa orang dari jawatankuasa lama termasuk Yang Dipertua, dan diganti dengan Yang Dipertua baharu dari luar Tumpat, juga jawatankuasa baru yang sesuai dengan tujuan-tujuan penggulingan itu.

Apabila Yang Dipertua cawangan Tumpat membuat kenyataan tentang permainan wang dan mengajak keluar persidangan, sebahagian perwakilan dan sebahagian ahli jawatankuasa telah keluar dari persidangan itu.

Sekadar yang dapat saya sebutkan tentang mereka yang keluar dari persidangan itu ialah Yang Dipertua dan Setiausaha telah keluar. Dan Naib Yang Dipertua, Serta Bendahari tidak meninggalkan majlis (adalah diduga Naib Yang Dipertua ialah Pengurus mesyuarat itu sendiri). Nampaknya dari barisan ahli-ahli jawatankuasa masih ada beberapa orang yang tinggal.

Jika kejadian ini hendak dikatakan ada blok-blok yang telah diatur atau terjadi, nyatakan pembahagian itu telah menunjukan rupa, apa yang dikatakan blok-blok yang bertentangan di dalam PAS cawangan Tumpat itu. Tetapi bagaimanapun saya masih percaya ada di dalam

SURAT KETIGA BELAS

mereka yang tidak ikut keluar itu orang-orang yang mempunyai fahaman sendiri dan tidak terikut kemana-mana.

10. Pihak yang telah meninggal persidangan itu telah pun mengajak saya ikut keluar sama. Ajakan seperti itu telah tidak saya hiraukan, kerana saya tidak mesti menyertai sebarang langkah yang boleh disifatkan akan hilang kepercayaan ahli-ahli terhadap kebijaksanaan seorang ahli jawatankuasa agung PAS.

11. Setelah suasana telah dapat ditenangkan kembali, sdr penggerusi meneruskan mesyuarat, dan saya memberi nasihat supaya ditentukan qurum mesyuarat itu dan dicatatkan. Adalah tidak bijaksana kiranya saya melarang mereka meneruskan mesyuarat kerana ternyata bilangan terbesar masih ada di dalam majlis itu.

12. Persoalan yang menimbulkan kekacauan di Mesyuarat Agung itu bukanlah satu perkara yang baru timbul. Tetapi adalah satu yang bertali temali dan berbelit-belit iaitu semenjak sebelum pilihanraya 1969.

Saya melihat ini semua adalah merupakan gejala-gejala yang akan membawa keruntuhan dan kehancuran kepada PAS pada masa hadapan.

Adalah menjadi kewajiban kepada setiap orang yang ingin melihat perjuangan PAS sentiasa sihat dan berupaya meneruskan perjuangan menurut prinsip Islam membetulkan segala apa juar yang didapati tidak betul.

Pada hemat saya, sebarang langkah untuk membetulkan kembali, hendaklah dimulai dengan mengembalikan kepada undang-undang dan peraturan. Kita tidaklah akan berjaya dalam percubaan memperbaiki selama kita tidak mahu kembali ke pangkal.

13. Berdasarkan inilah apabila saya mendapati ada usaha-usaha yang tidak sesuai telah dilakukan, yang tidak syak lagi akan membawa kepada keruntuhan PAS sendiri, maka saya mengambil inisiatif menyeru kembali kepada undang-undang tubuh dan peraturan.

Apabila saya memberi pendapat tentang pengurus mesyuarat adalah sesuai dengan kehendak-kehendak undang-undang tubuh PAS dan peraturan mesyuarat PAS, Fasal (6) dan pecahan-pecahannya yang berhubungan satu sama lain adalah satu pendapat yang sangat tegas menurut undang-undang dan peraturan.

Undang-undang tubuh PAS fasal (6) pecahan (1) menyatakan "... Mesyuarat Agong itu sendiri adalah tertakluk di bawah syarat-syarat yang terkandung dalam undang-undang tubuh PAS dan juga peraturan mesyuarat cawangan itu."

Cawangan-cawangan dan ranting-ranting PAS memang tidak mempunyai peraturan mesyuarat yang tersendiri, kerana itu biasanya apabila tidak ada peraturan cawangan yang tersendiri, maka peraturan Mesyuarat Agung PAS adalah menjadi tauladan. Cawangan adalah tertakluk kepada kelaziman dan peraturan konggres PAS.

Di dalam peraturan dan tatatertib Mesyuarat Agung PAS menjelaskan:

Perkara (5) "Jika sekiranya pengurus tetap itu tidak hadzir atau tidak dapat menjalankan kewajibannya kerana keuzuran dan sebagainya, maka bolehlah ahli-ahli persidangan mencadangkan melantik seorang daripada ahli persidangan yang hadzir."

Peraturan yang tersebut adalah untuk Mesyuarat Agung

PAS, tetapi telah tidak dicatit semula di dalam buku undang-undang tubuh PAS yang dicetak terbaharu setelah pindaan-pindaan besar dibuat pada tahun 1962.

Perlu diingat bahawa selain daripada peraturan dan tata tertib Mesyuarat Agung yang telah dicetak bersama dalam buku citakan baru, ada lagi perkara-perkara yang telah ketinggalan dicetak iaitu mengenai "Peraturan kewangan dan peduman memereksa kira-kira".

Sebenarnya peraturan-peraturan ini belum pernah dimansuhkan dan ianya adalah sebahagian daripada kandungan buku undang-undang tubuh PAS yang lama.

14. Mengenai dengan calun Yang Dipertua cawangan, samada terjadi komplotan-komplotan seperti yang nyata berlaku di Tumpat, atau tidak ada komplot, adalah tidak sah seorang yang bukan ahli biasa cawangan itu dipilih dan dilantik.

Pada pendapat saya sekiranya sebuah cawangan itu merasa kesulitan untuk mendapat seorang tokoh Yang Dipertua dan difikirkan perlu membawa seorang ahli cawangan lain supaya dipilih dan dilantik untuk memimpin cawangan itu, sepatutnya dan mengambil keputusan, dan jawatankuasa cawangan itu sendiri yang patut mencadangkan nama calun (seperti contoh bagaimana jawatan-kuasa agong PAS mencadangkan Almarhum Dr. Burhanuddin menjadi Yang Dipertua Agong PAS). Cara yang seperti inilah yang sebaik-baiknya supaya tidak menimbulkan fitnah dan perpecahan sesama sendiri.

15. Tidak syak lagi kejadian-kejadian di cawangan Tumpat adalah satu kejadian yang sangat dikesalkan. Untuk menyelamatkan PAS, maka perlulah sekali jawatan-kuasa agong PAS bertindak membetulkannya menurut sa-

KENAPA SAYA TINGGALKAN PAS

Iuran.

Kejadian-kejadian yang seumpama ini mungkin akan berlaku di mana-mana dan ianya perlu dicegah dari sekarang sebelum ianya memusnahkan organisasi kita.

Sekian.

t.t.

Amaluddin Darus

*Kota Bharu, Kn.
11 April, 1971.*

Ahli Jawatankuasa Agong PAS.

Mesyuarat Agung PAS cawangan Tumpat adalah satu contoh bagaimana satu kejadian yang mula berlaku di Kelantan di dalam tahun 1971, iaitu permulaan dari usaha-usaha untuk menjamin bahawa setiap cawangan PAS hendaklah dipimpin dan dikuasai oleh orang-orang yang pro ketua parti.

Saya mendapat tahu hal ini dari pengaduan ahli-ahli PAS, dan dalam hal Tumpat khususnya, saya telah bertanya Setiausaha Perhubungan PAS Kelantan beberapa hari sebelum mesyuarat cawangan Tumpat itu berlangsung. Jawapan dari saudara Salahuddin Abdullah, Setiausaha Perhubungan PAS ialah dia tidak ikut campur dalam perkara itu.

Saya bertanya kepada Haji Muhammad Noor, Pesuruhjaya PAS Kelantan pada waktu itu, bagaimana perkara yang dibicarakan oleh ahli-ahli PAS itu boleh berlaku. Beliau menerangkan kepada saya, bahawa beliau telah mengkemukakan pandangannya kepada Datuk Haji Muhammad Asri, sebagai Yang Dipertua Agung PAS. Tetapi jawaban Datuk Asri, bahawa apa yang sedang berlaku adalah "satuh angin perubahan di Kelantan".

SURAT KETIGA BELAS

Saya berbicara dengan Wan Hashim, seorang peguam, dan juga seorang ahli mesyuarat kerja (Exco) negeri Kelantan, dan kami berdua pergi ke rumah Datuk Nik Man berbual-bual mesra. Dalam perbualan kami, Datuk Nik Man menerangkan, orang-orang dari cawangan Tumpat telah datang menemuinya menceritakan tentang syarat masuk Mesyuarat Agung cawangan ialah ranting-ranting mesti membayar wang seperti yang diperuntukan. Beliau menyatakan yang beliau memberi sebanyak \$700.00 dan kalau tidak cukup mintalah dari Datuk Haji Ishak Lofhi.

Berdasar dari pengakuan Datuk Nik Man, yang pada masa itu adalah Timbalan Menteri Besar Kelantan, nyata-lah ada kebenaran apa yang disebut oleh Wan Hasan sebagai Yang Dipertua PAS cawangan Tumpat. Saudara Wan Hasan juga adalah seorang ahli 'Exco' negeri Kelantan pada masa itu.

Sebenarnya saya mengetahui latarbelakang kawan-kawan kita itu serba sedikit, tetapi tidak perlu saya ceritakan kepada saudara. Demikianlah saudara seperti yang saya telah tulis kepada saudara bahawa penulis-penulis sejarah adalah menulis sebahagian sahaja dari sejarah yang mereka tahu, dan sebahagian lagi tidak dapat ditulis kerana keadaan-keadaan terpaksa menyebabkan begitu.

Justeru kerana itu setiap penulisan sejarah adalah tidak lebih dari sebahagian dari sejarah itu, yang oleh penulisnya ditulis apa-apa yang boleh dari apa yang dia tahu. Sementara itu sudah tentu ada pula yang tidak diketahui, maka tidaklah dituliskan oleh seorang penulis itu sesuatu yang dia sendiri tidak mengetahuinya.

Sungguhpun setiap penulisan sejarah memang begitulah

keadaannya, namun apa yang telah terjadi telah dicatit oleh pencatit yang dilantik oleh Allah sebagai tukang catitNya. Dan catitan itu cukup lengkap semuanya, dan percayalah saudara bahawa rekod yang tersimpan di sisi Allah adalah serba lengkap dan paling sempurna.

Sewaktu saya berucap di Mesyuarat Agung PAS Tumpat, saya telah menjelaskan betapa penyelewengan dari undang-undang tubuh PAS telah berlaku, termasuk soal Singapura keluar dari Malaysia, telah di arah supaya disokong tanpa mesyuarat. Pada hari itu saya telah katakan, hal-hal seperti ini tidak boleh dibenarkan terjadi lagi. Sekiranya tidak ada orang lain yang mahu membetulkan, maka saya akan bertindak membetulkannya.

Tadi saudara telah membaca lapuran saya ke pejabat agung PAS. Tetapi lapuran ini telah dihalang supaya tidak dibincangkan oleh jawatankuasa agung PAS, sekalipun saya mendesak. Alasan pengerusi, Datuk Haji Muhammad Asri ialah, perkara itu sedang dikaji oleh sebuah jawatankuasa khas yang ditubuh oleh mesyuarat Badan Perhubungan PAS Kelantan.

Alasan menolak itu lojik juga bunyinya. Maka diamlah ahli-ahli jawatankuasa Agung PAS yang selama ini telah dibiasakan duduk diam-diam mendengar taklimat sahaja.

Persoalan ini bagi saya adalah perkara perlembagaan yang sengaja diselewengkan oleh pemimpin sendiri kerana maksud-maksud politik sendiri. Oleh kerana campurtangan saya adalah sebagai ahli jawatankuasa agung dan ucapan saya di Mesyuarat Agung Tumpat itu pun diundang atas nama mewakili pejabat agung PAS, kerana Datuk Asri yang dijemput hadzir merasmikan mesyuarat itu telah tidak dapat hadzir, entah apakah gerangan sebabnya, maka

SURAT KETIGA BELAS

terpaksa ke Kuala Lumpur. Maka oleh kerana tindakan saya nyata mencabar kebijaksanaan Datuk Haji Muhamad Asri sendiri dan teman-temannya, maka sepatutnya hal ini dibicarakan oleh jawatankuasa agung PAS. Samada membicarakan saya sendiri yang telah begitu berani menggugat kelincinan Yang Dipertua Agung PAS, atau membicarakan Yang Dipertua Agung PAS sendiri, kerana usaha dan ikhtiar-ikhtiarnya menyalahi undang-undang tubuh PAS.

Oleh kerana ahli-ahli jawatankuasa Agung PAS tidak ada yang sanggup mengangkat mukanya, maka perkara yang saya kemukakan itu dianggap seperti tidak ada apa-apa sahaja.

Di Kelantan, setelah Mesyuarat Agung PAS Tumpat berakhir, petang itu Datuk Asri telah berada kembali di rumahnya, dan malam itu ramai orang datang melapurkan mengenai campurtangan saya dan cabaran saya supaya jangan menyeleweng dari undang-undang tubuh.

Datuk Asri boleh menalipon saya supaya saya datang mengadap Yang Dipertua Agung PAS, kerana sikap saya mengganggu silat pancak yang diatur olehnya seperti yang diberitahu kepada Pesuruhjaya PAS Kelantan, iaitu "*angin perubahan di Kelantan*". Tetapi beliau tidak memanggil saya, malah di masa lain pun tidak pernah beliau bertanya saya mengapa saya bertindak begitu.

Pesuruhjaya PAS Kelantan, Haji Muhammad Noor telah pergi menemui beberapa peguam, bertanya pendapat mereka berhubung dengan tafsiran undang-undang tubuh PAS itu. Jawapan peguam-pegawai itu sama dengan tafsiran saya juga.

Sikap diam Datuk Haji Muhammad Asri, dan sikap

KENAPA SAYA TINGGALKAN PAS

tidak senang penyokong-penyokong beliau, dan sikap beku yang lain-lain, menjadikan saya mengambil keputusan berpindah dari Kelantan. Saya beritahu kepada setiap orang tiga bulan sebelum saya berpindah dari Kelantan. "*Saya telah tidak boleh menjadi garam dan saya pun tidak mahu menjadi ulat*". Justeru kerana itu, sebaik-baik langkah bagi saya ialah berpindah dari Kelantan.

Sekian dahulu saudara, hingga kita bertemu lagi melalui surat saya yang terakhir.

Wassalamu'alaikum w.w.

SURAT TERAKHIR

Saudara seagama, sebangsa dan setanahair.

Semuga Allah melimpahkan rahmat kepada kita, dan diampuni dosa-dosa kita, samada yang kita sedar dan yang tidak kita sedar.

Surat ini, adalah surat yang keempat belas untuk saudara, dan merupakan surat yang terakhir dari buku saya ini.

Dalam surat yang dahulu saya telah terangkan bahawa saya terpaksa berpindah dari Kelantan dan mengasingkan diri dari kekacauan yang tidak kunjung habis.

Semenjak saya berpindah dari Kelantan, peruntukan derma saya kepada parti telah saya berhentikan. Untuk apa saya berkurban lagi. Setiap orang boleh berkurban kerana dorongan hatinya. Sebenarnya memang seorang Muslim itu mesti berkurban dengan harta benda dan jiwanya sekali. Yang demikian adalah perintah Allah.

Saya sangat bersedia untuk berkurban apa jua. Tetapi pengorbanan itu hendaklah berketentuan. Hati saya telah tidak mempercayai lagi, dan saya tidak yakin keadaan yang tersulut itu dapat diperbaiki lagi. Bagaimanapun saya tetap menunggu, sekiranya ada perkembangan-perkembangan untuk kembali ke jalan yang dulunya telah dirintis dengan segala susahpayah. Saya tidak berdaya lagi berbuat apa-apa dan saya tidak dapat mendengar dan taat. Kerana mendengar dan taat itu pun ada batasnya juga.

KENAPA SAYA TINGGALKAN PAS

Pada hemat saya tentu saudara tidak mengetahui berapa orang dari ahli-ahli Dewan Negeri Kelantan dan ahli-ahli parlimen yang tidak membayar peruntukan derma parti. Masing-masing ada dengan sebab-sebabnya. Saya tidaklah hendak menceritakan di sini.

Saudara juga tentulah tidak mengetahui betapa ada orang-orang yang telah bertahun-tahun menjadi Ahli Dewan mewakili PAS, tetapi belum lagi menjadi ahli PAS. Dan hal ini telah saya bongkarkan dalam tahun 1968, dan saya desak supaya orang-orang yang berkenaan menjadi ahli.

Demikianlah caranya telah terjadi dan tentu saudara lebih terperanjat lagi betapa calun-calun parti Islam ini telah dipilih tanpa memperdulikan dan tanpa bertanya, sembahyangkah sipolan itu. Biarlah saya tidak memperincikannya.

Aduh! Segala harapan saya untuk menjadikan Kelantan sebagai modal perjuangan Islam, semuanya telah hancur berkecaci. Secara diam-diam hilang kemesraan, dan itu ertinya hilanglah *ukhwah* atau persaudaraan yang menjadi sendi dari kekuatan umat Islam itu sendiri.

Demikianlah sedikit bayangan yang dapat saya berikan. Dan sekarang saya bawa saudara kembali kepada persoalan Tumpat, kerana ceritanya masih belum selesai lagi.

Bagaimanapun hubungan saya dengan Kelantan tidak pernah putus. Saya sentiasa berulang alik ke Kelantan selewat-lewatnya dalam masa 45 hari, adalah sekali saya berada kembali di dalam masyarakat di Kelantan, meninjau keadaan dan suasana di sana, di samping mengambil tahu keadaan rakyat umumnya.

Persoalan Tumpat telah tenteram, dan apa yang di-

SURAT TERAKHIR

rencanakan tetap menang. Saya mesti kalah. Jawatankuasa agung PAS mesti membisu seribu bahasa. Demikianlah sesuatu itu dikehendaki supaya terjadi.

Pada 15.6.71 PAS Kelantan mengirim lapurannya ke pejabat agung PAS menyatakan Mesyuarat Agung PAS Tumpat adalah betul dan semuanya yang telah berlaku adalah benar belaka, tidak boleh disalahkan.

Segala-galanya telah dikira sah, termasuk pemilihan Yang Dipertua cawangan itu adalah sah, berpandu kepada fasal (19) ceraian (2) undang-undang tubuh PAS. Adapun perkara-perkara yang saya timbulkan dahulu semua dianggap seperti tidak pernah ada belaka. Demikianlah adanya.

Bagaimanapun pada 17.6.1971 jawatankuasa agung telah bersidang lagi kali yang terakhir, menjelang Mesyuarat Agung PAS akan dimulai pada 18.6.1971 esoknya. Secara mendadak mesyuarat dimaklumkan bahawa dari cawangan Tumpat telah datang dua perwakilan, dimana pertentangan merebut hak mewakili cawangan itu tidak syak lagi akan berlaku besuk.

Jawatankuasa agung pada malam itu terpaksa membincangkannya. Maka tampillah Haji Abu Bakar Hamzah dan Haji Taha Kalu merupakan dua jaguh yang memperkatakan undang-undang tubuh PAS. Saya menjadi pemerhati. Datuk Haji Muhammad Asri, sebagai pengurus tinggal diam dan orang-orang lain yang selama ini mabuk oleh taklimat demi taklimat tidak sanggup mempertahankan, kerana telah dipercayai besuk tentu akan berlaku kekacauan.

Maka pada malam itu diputuskanlah bahawa pemilihan ketua cawangan Tumpat itu tidak sah dan bertentangan

dengan kehendak undang-undang tubuh PAS. Lalu, sebagai jalan keluar, maka dibuatlah keputusan, bahawa cawangan Tumpat digantungkan, supaya jangan ada siapa pun boleh ikut masuk dalam Mesyuarat Agung PAS.

Sementara itu, pindaan kepada undang-undang tubuh PAS telah diperbuat untuk dibawa ke dalam Mesyuarat Agung yang ketujuh belas pada 18, 19 dan 20 Jun, 1971.

Antaranya yang akan dipinda ialah mengenai pemilihan Yang Dipertua Cawangan. Sungguhpun pindaan itu dibuat dan Mesyuarat Agung telah menerima tanpa memikirkan soal ‘Mustautin’ seseorang ahli itu, tetapi undang-undang pindaan itu tertakluk kepada kelulusan pendaftaran dari pendaftar pertubuhan-pertubuhan, maka oleh kerana itu hal Tumpat tidaklah boleh didiamkan selamanya, lalu akhirnya keputusan pun dibuatlah.

Jawatankuasa agung PAS yang bersidang pada 28.7.1971 bertempat di Kuala Lumpur, telah memutuskan:

*Ajenda 4: Masalah PAS cawangan Tumpat, Kelantan
Setelah mendengar, membincangkan dan menimbang semua lapuran dan keterangan-keterangan serta surat dari Pesuruhanjaya PAS Kelantan yang bertarikh 12hb. Julai, 1971 khususnya mengenai PAS cawangan Tumpat, maka demi memelihara perpaduan ahli-ahli PAS cawangan ini dan keutuhan PAS seluruhnya, mesyuarat bersetuju*

memutuskan:

- a) menarik balik penggantungan PAS cawangan Tumpat yang telah dibuat pada 17hb. Jun. 1971. (malam).
- b) Mengiktiraf pegawai-pegawai dan ahli Jawatankuasa PAS cawangan Tumpat yang telah dipilih pada 5hb. April, 1971 kecuali Encik Hussain Abdullah. Beliau adalah dilucutkan dari jawatannya sebagai Yang Dipertua cawangan mulai dari tarikh surat pemberitahuan kerananya ditulis kepada Pesuruhjaya PAS Kelantan di bawah kuat kuasa undang-undang Tubuh PAS Dasal (18) ceraian (9) butiran (C) dengan tidak menafikan langsung kehendak fasal (19) ceraian (2).

Akhirnya oleh kerana keadaan telah menghendaki, terpaksalah mereka kembali kepada kebenaran. Tetapi inilah sesuatu yang tidak pernah mahu diakui, sekalipun penyelesaian terpaksa juga dibuat, namun segala hal itu mesti didiamkan sahaja. Dibungkus, disimpan dan tidak boleh dikatakan telah silap. Apa lagi akan mengatakan salah, sehingga patut dikaji perlukah dipecat dari parti, atau diambil tindakan terhadap dalang atau dalang-dalang yang mendalanginya.

Datuk Haji Muhammad Asri, tidak pernah menulis kepada saya sebagai menjawab surat saya. Dan ulasannya terhadap pemberhentian saya memperlihatkan betapa cerdiknya kawan kita itu.

Akhbar Berita Harian tanggal 18 Jun, 1974 melapurkan berita dengan tajuk: *Saya tak terkejut Amaluddin Darus keluar PAS – Asri:*

Kuala Lumpur, Isnin – Datuk Haji Muhammad Asri hari ini mendoakan Senator Amaluddin Darus, semoga beliau berjaya di bidang perniagaan yang dimasukinya sekarang.

Datuk Asri berkata, beliau tidak terperanjat dengan berita di akhbar-akhbar mengenai keputusan Senator Amaluddin keluar dari PAS itu.

Datuk Asri yang menjadi Menteri Kemajuan Tanah dan Tugas-tugas khas berkata hari ini: 'Saya tidak terperanjat dengan berita itu kerana beliau telah lama memasuki bidang perniagaan.

Dengan demikian kegiatan beliau dalam parti ikut berkurangan dan akhirnya berhenti terus.

Beliau telah berhijrah dari Kelantan ke Pulau Pinang dan kemudian ke Kuala Lumpur kerana urusan perniagaan.

Saya tidak nampak persoalan politik menjadi sebab-sebab beliau berhenti.

Hujah-hujah yang diberikannya itu adalah persoalan yang pernah ditimbulkan beberapa tahun dahulu dan telah pun selesai.

Saya sambut baik niatnya untuk berniaga dan saya berdoa mudah-mudahan beliau majujaya dalam perniagaan.'

Demikianlah caranya kenyataan dari Datuk Haji Muhammad Asri, kawan lama saya yang cuba mengelak diri dari apa yang sebenarnya.

Saya angkat topi kepadanya, kerana kecerdikannya. Dan hal ini beliau pun mengetahui, betapa pada suatu hari dalam tahun 1960, beliau mengajak saya bersamanya

pergi ke Bacok, menemui Zulkiflee Muhammad. Di hadapan Zulkiflee dikemukakan satu rancangan, yang mana tidaklah perlu saya menceritakan kepada saudara di dalam surat ini.

Maka berkatalah Zulkiflee Muhammad: PAS memerlukan pemimpin-pemimpin yang sedikit bodoh dari pemimpin-pemimpin yang terlalu cerdik . . .”.

Apa perkaryanya dan mengapa Zulkiflee berkata begitu, saya percaya tentulah Datuk Haji Muhammad Asri masih ingat. Takkanlah begitu mudah beliau melupakannya.

Saya pun sangat arif untuk memahamkan mengapa Datuk Asri memberi kenyataan kepada akhbar begitu rupa. Beliau mahu memadam cerita dan mahu supaya orang ramai melupakan *political career* saya.

Political career saya tentu tidak boleh dihancurkan begitu sahaja. Kalau saya mahu tentu saya telah bertindak balas sejak mula lagi. Tetapi apakah tujuan hidup seorang muslim yang sebenarnya? Tujuan inilah saya pegang kuat, iaitu membina dan tidak menghancurkan.

Saya undurkan diri. Saya biarkan Datuk Asri bermain politik semua-maunya. Seperti yang saya katakan dalam surat saya kepada beliau: *Selamat berjuang dengan cara tuan sendiri.*

Keluarnya saya dari PAS, tentulah ada hubungan dengan kisah-kisah yang menyebabkan lahirnya kerajaan campuran Perikatan — PAS, dan tentu ada pula hubungannya dengan kisdah-kisah betapa Datuk Asri telah mendahului berada di dalam Barisan Nasional sebelum PAS sendiri berada di dalamnya.

Oleh kerana tulisan saya ini bermaksud lebih banyak menceritakan kisah hubungan peribadi saya dengan per-

juangan di dalam PAS, maka hal-hal yang mengenai tindak-tanduk politik PAS seperti kerajaan campuran dan Barisan Nasional itu, biarlah saya tidak menceritakan apa-apa kepada saudara pada masa ini.

Insya Allah pada suatu masa yang lain, saya akan menulis lagi kepada saudara, seperti yang telah saya nyatakan dahulu, iaitu saya akan menulis mengenai politik dan pemerintahan PAS.

Saudara yang dikasihi. Demi Allah yang diri saya di dalam kekuasaanNya, bukanlah menjadi tujuan saya menulis surat-surat kepada saudara ini dengan maksud menjatuhkan sahabat kita yang juga saudara kita, iaitu Datuk Haji Muhammad Asri. Andaikata itulah yang menjadi tujuan saya, maka tentulah telah lama sekali saya membuatnya.

Seorang Muslim yang sembahyang, tetapi larai, adalah mempunyai akibatnya. Seorang Muslim yang sembahyang, tetapi sering berbohong adalah mempunyai akibatnya. Seorang Muslim yang sembahyang tetapi mencintai dunia lebih dari akhiratnya, adalah juga mempunyai akibatnya. Dan seorang Muslim yang sembahyang tetapi melupai saudaranya dan tidak memaafkannya adalah juga mempunyai akibatnya.

Seorang Muslim, biar betapa pun silapnya, betapa pun juu salahnya, selain dari mensyarikatkan Allah dengan yang lain daripadanya, selagi dia beriman dengan Allah dan berkata "*Tidak ada tuhan melainkan Allah*", ada baginya syurga.

Justeru kerana itu, sungguhpun saya tidak sanggup tunduk di bawah pimpinan Datuk Haji Muhammad Asri, kerana saya sangat berpegang kepada peringatan

SURAT TERAKHIR

Muhammad s.a.w. yang memperingati kita semua dari fitnah-fitnah akhir zaman, dengan memerhatikan sepuluh ayat akhir dari surah *Al-Kahf*. Bagaimanapun saya adalah ingin terus memelihara persahabatan dan persaudaraan.

Seorang Muslim yang melakukan kesalahan-kesalahan peribadinya sendiri samada disedarinya atau tidak adalah berhak meminta ampun dari Allah, kerana Allah Maha Pengampun dan terlalu luas Rahmatnya.

Tetapi seorang Muslim yang melakukan kesilapan-kesilapan yang membawa kelemahan dan kehinaan kepada masyarakat dan agamanya, adalah melakukan kesilapan yang sangat menyulitkan, kerana terpaksa mengambil masa bagi memperbaiki kerosakan umat oleh kecuaian-nya itu.

Bagaimanapun Allah adalah Maha Mengetahui, maka kepada Allah sahajalah kita memohon ampun atas segala yang mungkin telah salah dan silap kerana kelemahan manusia ini sendiri.

Saudara yang di kasihi.

Sebahagian dari kawan-kawan kita telah menyesali kerana saya telah meninggalkan PAS. Mereka mahu saya tetap berada di dalam PAS sekalipun tidak mengambil apa-apa peranan, sehingga dilakukan satu perubahan.

Memang ada benarnya juga pendapat mereka itu. Tetapi saya di dalam PAS bukan sahaja telah berpidatu di rapat-rapat umum, malah lebih dari itu, saya sering memberi ceramah dan kursus kepada orang-orang PAS.

Semuanya yang dilakukan oleh kita tidak terlepas dari pengetahuan Allah. Saya tidak mahu menyertai

satu kumpulan yang bercakap tetapi tidak berbuat. Menegur orang lain, tetapi memejam mata kepada kesilapan-kesilapan gulungan sendiri.

Keismpulan yang saya ambil dengan meninggalkan PAS, kerana ternyata tidak ada harapan lagi fikiran-fikiran saya akan diberi perhatian oleh teman-teman di dalam partai. Malah saya telah menjadi bahan ejekan oleh mereka yang tidak mengerti yang mana benar dan yang mana salah, malangnya mereka tidak sanggup bertindak memperbaikinya.

Saya masih boleh berada di dalam partai, andaikata saya mahu menyertai komplot-komplot yang ujud dalam partai. Atau saya sendiri mengadakan komplot yang lain.

Inhilah sahaja yang boleh dibuat, tetapi komplot dan berkomplot inilah satu dari perkara yang saya terlalu benci, kerana ianya tetap akan menghancur perpaduan muslimin yang sedang membangun, seperti telah mula hancur perpaduan Muslimin apabila ada komplot di belakang khalifah Othman bin 'Affan, yang mana dalam sejarah umat Islam itulah permulaan dari zaman fitnah yang menyedihkan.

Hingga ini sahajalah saya akhiri surat-surat saya kepada saudara. Semoga dengan surat-surat ini, saudara dan kawan-kawan kita yang lain dapat mengambil kesimpulan masing-masing.

Kepada Allah saya menyerah diri, kerana dari Allah kita datang, dan kepada Allah jualah semua kita ini akan kembali.

Wabillahittaufik walhidayah.

Saudara mu
Amaluddin Bin Darus

SUDAH TERBIT

PROSES
REVOLUSI
ISLAM

Hubungilah kami
Untuk mengetahui apa
Revolusi Islam sebenarnya

60 sen sahaja

terbitan Harimau Press akan datang:

Economic Development in an Islamic Framework:
Prof. Kurshid Ahmad

The Quran and its Impact on Human History:
Allahbukhsh K. Brohi

The Islamic Law and Constitution:
S. Abul A'la Al-Maududi

Islam and the Crisis in the Modern World:
Muhammad Qutb

Objectives of the Islamic Order:
Muhammad Umar Chapra

Rebolusi Bismillah:
Sohor Antarasaudara